


[www.dajjal.wordpress.com](http://www.dajjal.wordpress.com)

**Artikel ini saya ambil kerana ianya mempunyai pelbagai informasi yang berguna untuk seluruh umat Islam**

(tarikh artikel disusun tidak mengikut turutan)

## Penafian Pendapat Bahawa SAI BABA Adalah Jelmaan Dajjal

August 15, 2007 ·



*Sai Baba sekarang (Kiri), Sai Baba ketika belasan tahun (Kanan)*

Pada hari ini, ramai pembaca-pembaca sudah kenal dengan khabar berita Sai Baba yang dikatakan [jelmaan Dajjal](#). Beberapa pembaca dan pengembara tanpa segan silu telah membenarkan kata masing-masing tanpa merujuk dahulu hadith-hadith sahih dan situasi masa kini. Oleh itu, tidak hairanlah bahawa Sai Baba yang terdapat hanya 30 peratus ciri-ciri fizikal Dajjal telah dianggap sebagai [Dajjal](#).

### **Siapakah Sai Baba?**

Sebelum melangkah lebih jauh, kita lihat dahulu siapakah sebenarnya **Sai Baba**. Nama sebenar beliau ialah **Sathyanarayana Raju** telah dilahirkan pada 23 November

1927. Sai Baba berasal dari Selatan India, sebuah kampung yang bernama **Puttaparthi** yang terletak dalam daerah **Anantapur**. Semenjak kecil lagi beliau dilihat sebagai budak yang keramat dan amat alim dalam agamanya.

Keajaiban Sai Baba dikatakan bermula sebelum ibunya mengandungkannya. Menurut cerita, sebelum mengandungkannya ibunya telah bermimpi melihat tuhan Hindu yang bernama **Sathyanarayana. Easwarrama** memberitahu suaminya telah dia telah mengandung selepas bermimpi melihat tuhan. Dia (ibu Sai Baba) juga mendakwa semasa mimpikan Tuhannya, dia telah melihat suatu cahaya biru datang ke arahnya dan bersatu dengan badannya. Maka disebabkan itu, dia menyimpulkan bahawa itu adalah roh pemberian tuhan Hindu ke dalam kandungannya. Selepas kelahirannya juga, orang-orang kampung mendakwa telah melihat beberapa ekor ular tedung (binatang suci orang Hindu) berkeliaran di luar rumah Sai Baba.

### **Ciri-Ciri Persamaan Sai Baba Dengan Dajjal**

- Berambut kerinting
- Berbadan besar
- Berupaya menghidupkan yang mati.(Sai Baba tak berjaya menghidupkan semula adik bongsunya yang mati pada 18 Oktober 2003)

### **Ciri-Ciri Yang Tiada Pada Sai Baba Tetapi Ada Dalam Hadith**

- Ibunya berbadan besar dan rendah manakala bapanya tinggi lampai dan hidung seperti paruh burung.
- Kulit mukanya putih kemerah-merahan.
- Berketurunan Yahudi
- Berasal dari suatu tempat antara Syam dan Iraq
- Hanya mata sebelah kiri yang dapat melihat, mata sebelah kanan buta dan agak terhapus termasuk wajah sebelah kanan.
- Memaksa orang awam mengakuinya sebagai tuhan sedangkan Sai Baba tidak menyatakan hal demikian cuma orang ramai yang beranggapan ia berkuasa seperti tuhan. Namun begitu, tiada orang Hindu yang anggap ia tuhan.

### **Penafian Bahawa Sai Baba adalah Dajjal**

Penafian bahawa Sai Baba bukan [Dajjal](#) dapat dilihat pada ibu bapa dan keturunannya sendiri. Ibu bapa Sai Baba tidak kelihatan seperti dalam gambaran hadith malah bukan pula berketurunan Yahudi. Ibu bapa [Dajjal](#) yang sebenar telah pun mati sejak sebelum kelahiran Nabi Musa lagi. Selain itu, Sai Baba juga kelihatan semakin tua dan tidak bermaya walaupun ia mendakwa mempunyai kuasa seperti tuhan.

Masyarakat Hindu mungkin mempercayainya sebagai anak tuhan namun ada seorang ahli silap mata terkenal India iaitu **Basava Premanand** mendakwa Sai Baba menipu dalam ajarannya. Premanand juga memberitahu beliau telah lama mengkaji dan memerhati tindak tanduk Sai Baba sejak tahun 1968 lagi. Laporan berkenaan dakwaan Premanand ini telah dihuraikan panjang lebar dalam majalah "**Indian Today**" yang diterbitkan pada Disember tahun 2000.

Seperkara yang paling tidak menampakkan ciri-ciri Dajjal ialah Sai Baba tidak berdakwah kepada orang-orang Islam di India. Sedangkan itulah matlamat Dajjal dalam dakwahnya. Dajjal seluruh hidupnya menjadikan Islam sebagai satu target utama untuk dimusnahkan kerana dari kalangan masyarakat Islam akan timbul musuh Dajjal yang utama iaitu **Nabi Isa** dan **Imam Mahdi**.

Bukan itu sahaja yang menjadi penafian terhadap Sai Baba sebagai [Dajjal](#) ialah Sai Baba memuji pula agama-agama lain dalam laman web rasminya. Sai Baba bersikap bertolak ansur dan tidak memaksa dan tidak pula merendah-rendahkan agama lain. Adakah [Dajjal](#) akan bersikap demikian?

*“Let the different faiths exist, let them flourish, and let the glory of God be sung in all the languages and in a variety of tunes. That should be the Ideal. Respect the differences between the faiths and recognize them as valid as long as they do not extinguish the flame of unity.”*

(Sathiya Sai Baba)

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, Sai Baba bukanlah Dajjal dan Dajjal bukanlah Sai Baba. Penulis langsung tidak bersetuju [Dajjal](#) adalah Sai Baba kerana Sai Baba tidak menunjukkan kehebatannya dalam menerbitkan matahari dari Barat. Sai Baba juga hidup lebih dari 70 tahun sedangkan hadith mengatakan Dajjal hanya hidup dikalangan masyarakat setelah ia keluar sekadar 40 hari sahaja. Namun begitu,

penulis boleh menerima pendapat sekiranya ada yang mengatakan Sai Baba adalah bahan ujian Dajjal.

Pendapat itu lebih logik dan penulis sendiri agak terdorong dengan pendapat itu. Dajjal masih melakukan kajian-kajian untuk mencari pilihan terbaik tempat, situasi dan imej untuk dia muncul di tengah-tengah masyarakat. Penulis percaya Sai Baba adalah suatu subjek kajian Dajjal untuk melihat sejauh mana penampilan orang India dalam mempengaruhi masyarakat dunia. Maka tidak hairanlah Sai Baba mempunyai pertubuhan seluruh dunia termasuk Russia dan Eropah. Hairannya di Malaysia tidak ada.

Nampaknya [Dajjal](#) tidak akan muncul dikalangan masyarakat India kerana Sai Baba kurang dikenali malah berimej selekeh yang tidak disenangi oleh kebanyakan orang-orang Eropah dan Amerika.

## **[Jarum-Jarum Israel dari Singapura](#)**

**August 19, 2008** · **[No Comments](#)**

oleh Ibnuyaacob



Republik ini walaupun kecil tetapi taringnya lebih besar dari Harimau Malaya. Maka tidak hairanlah jika ada orang mengatakan jika Malaysia berperang dengan Singapura maka Malaysia akan kalah.

*Sejauh manakah kebenaran kata-kata ini?*

Ianya memang benar. Singapura yang kecil itu sebenarnya menguasai hampir keseluruhan sistem keselamatan Malaysia melalui tali barut-tali barut di Malaysia. Boleh dikatakan tiang seri ekonomi Malaysia hampir 60 % dimakan anai-anai Israel yang bersarang di Singapura.

### **Israel Menguasai Malaysia Melalui Singapura**

Dalam menguruskan sistem keselamatan negara, salah satu aspek penting ialah sistem komunikasi dalaman iaitu antara pejabat persekutuan dengan ibu pejabat negeri. Kawalan ke atas sistem komunikasi amat penting kerana kebocoran

maklumat akan menyebabkan pihak luar mudah meneroka strategi rahsia keselamatan negara.

Namun sekarang ia bukan sekadar tidak selamat, malah dimiliki sepenuhnya oleh Israel melalui agen-agennya di Singapura. Sistem komunikasi PDRM dimonopoli terus oleh syarikat-syarikat Yahudi di Singapura.

Perkara ini disahkan sendiri oleh akhbar The Star pada 5 Ogos 2008 (Selasa).



*(Gambar) Mr. Izhak Naskar dan Dr. Ido Schechter ketika pelancaran bursa saham syarikat TIS di Bursa Saham Tel Aviv pada 3 Disember 2006*

### **Agen Israel Dalam Sistem Komunikasi PDRM**

Keseluruhan tender pembinaan sistem komunikasi yang akan ditukar dari analog kepada digital telah pun diserahkan secara rasmi kepada Asiasoft (M) Sdn. Bhd. (no. Syarikat : 150529-H).



Syarikat ini adalah milik penuh kepada syarikat tunggalnya iaitu **Asiasoft Pte. Ltd.** Yang berpengkalan di Singapura. Nilai penuh tender yang diberikan kerajaan Malaysia ialah RM1 billion tetapi dikecilkan menjadi RM42 juta.

Apa yang mencurigakan ramai penyelidik ialah ‘individu’ yang bertanggungjawab membina sistem itu. Individu tersebut dikenalpasti sebagai bekas tentera Israel yang berkhidmat sebagai programmer semasa di Israel.

Programmer yang bernama Izhak David Naskar yang memegang pasport Israel bernombor 10902695 itu masih lagi warganegara Israel. Jadi, bolehkah kita menganggap ini suatu kebetulan?

Paling membimbangkan ialah Izhak bukanlah tentera atau *programmer* biasa, beliau adalah ‘pakar’ sistem komputer yang telah memenangi anugerah daripada Kementerian Pertahanan Israel. Malah beliau juga bertanggungjawab membina sistem risikan berteknologi tinggi untuk pasukan pertahanan Israel sekitar 1970 hingga 1987.

Seorang lagi rakan Izhak yang bertanggungjawab membina sistem komunikasi PDRM ialah **Ido Sccheschter** yang memegang pasport Israel bernombor 56626252. Ido pula lebih mencurigakan kerana selaku ahli pasukan yang bertanggungjawab membina sistem komunikasi untuk PDRM bersama-sama Izhak, hingga saat ini beliau masih lagi seorang tentera Israel yang sah bukannya tentera pencen.

Apakah yang menyebabkan PDRM mengambil orang-orang Israel ini? Adakah kerana terdesak atau didesak?

Bukankah lebih baik jika melantik programmer-programmer dari kementerian pertahanan Iran yang sememangnya lebih pakar dari Israel.

### **Penguasaan Singapura dan Israel di Malaysia**

Seperti yang didedahkan sebelum ini bahawa Henry Kissinger telah pun berbincang sesuatu dengan mantan Perdana Menteri. Tetapi kita harus ingat perletakan jawatan Dr. Mahathir bukanlah titik noktah penguasaan Yahudi ke atas Malaysia.



*(Gambar) Richard Blum dan isterinya Diene Fiensten (Kanan) adalah Senator US berketurunan Yahudi dari Parti Demokrat.*

Kerja-kerja penguasaan Israel ini disambung pula oleh Khairy Jamaludin apabila bertungkus lumus menjual saham Pantai Holding kepada Parkways Holding iaitu syarikat milik pelobi zionis terkenal iaitu Richard Blum.

## **Isu-Isu yang perlu diberi perhatian**

- Penjualan saham Pantai Holding oleh Khairy Jamaludin kepada Parkways Holding. Jumlah saham sebanyak 31 peratus.
- Penjualan saham Telekom sebanyak 5 % kepada syarikat Singapura iaitu Temasik Holding.
- Syarikat MITV milik Israel di Singapura berjaya memenangi lesen penyediaan 3G di Malaysia. Kemenangan mengalahkan syarikat lain yang lebih layak iaitu DiGi.
- Penjualan air Malaysia kepada Singapura yang tidak masuk akal sebanyak 3 sen untuk 1000 gelen. Untuk menampung keperluan air rakyat Johor, kerajaan perlu membeli semula air kepada Singapura dengan nilai 50 sen untuk 1000 gelen. Ini seperti memberi air percuma kepada Singapura.
- Dikhabarkan sistem keselamatan komputer Kementerian Pertahanan (MINDEF) sentiasa diserang hacker dari luar negara setiap 15 minit.

## **Kesimpulan**

Sehingga kini Singapura amat bergantung hidup kepada Amerika dan Israel. Keseluruhan sistem keselamatan dan ketenteraan Singapura adalah kembar siam dengan ketenteraan Israel. Apabila keberkaitan ini berlaku maka harus bagi kita melihat akan tujuan tersembunyi Singapura yang cuba menguasai ekonomi Malaysia.

Kita harus sedar, negara Israel yang kecil itu sudah pun menguasai ekonomi kebanyakan negara-negara dunia berkuasa veto. Orang-orang Israel adalah pemilik-pemilik

saham terbesar bagi syarikat-syarikat gergasi dunia. Saham adalah kunci pintu gerbang untuk memasuki ruang pembuat keputusan sesebuah negara.

Walaupun pemimpin dipilih rakyat dan pemimpin akan mengikut kehendak rakyat, namun putaran itu akan kembali semula kepada penentu kemajuan ekonomi negara iaitu pemilik-pemilik syarikat gergasi dalam negara.

Kisah akhirat, syurga, Shangri-La dan manusia

**H Fansuri**

Tue | Aug 12, 08 | 11:05:08 am MYT

Di dalam syurga, ada sebuah taman. Menurut Perjanjian Lama dan Baru, taman itu dinamakan Taman Eden. Dalam bahasa Arab (bahasa al-Qur'an), hal itu mungkin juga Jannatu Adnin. Nama-nama ini semuanya ada kemungkinan.

Tapi, hakikat bahawa syurga wujud tidak boleh dinafikan lagi sebab hal itu disebut dalam al-Qur'an. Saya terfikir hal ini selepas menonton The Mummy yang mengisahkan seorang maharaja China yang dibangkitkan daripada kematiannya.

Dalam usaha memulihkan kuasa yang hilang, maharaja mencari sebuah kolam kehidupan abadi. Tak salah saya, kolam itu wujud di Shangri-La. Hal ini mengingatkan saya

kepada novel bertajuk Lost Horizon yang diterbitkan pada 1933. Penulisnya, James Hilton.

Pengarangnya menuliskan hal ini apabila melawat India , China dan Tibet , iaitu kawasan-kawasan jajahan Empayar British sebelum kejatuhan empayar tersebut.

*"❖ he felt an extraordinary sense of physical and mental settlement. It was perfectly true; he just rather liked being at Shangri-La."*

Oleh itu, di dalam filem The Mummy, ketika maharaja cuba memulihkan kuasa, baginda mungkin sekali pergi ke Tibet, sebuah wilayah mistik yang terletak di China. Shangri-La mungkin terletak di wilayah tersebut.

Lost Horizon adalah suatu kawasan yang hilang. Ia mungkin wujud, tapi dihilangkan dari pandangan manusia. Shangri-La mungkin terletak pada zon berkenaan. Di Tibet juga, ada sejenis makhluk 'Bigfoot' yang dipanggil Yeti oleh penduduk tempatan.

Dalam filem Mummy juga ditunjukkan Yeti ada bahasa tersendiri. Dalam pengembaraan itu, sekelompok penjelajah telah menemui Yeti di tempat berhampiran Shangri-La. Kalau Yeti ada bahasa sendiri, ertinya dia makhluk berakal. Sebabnya, bahasa adalah alat untuk akal bekerja. Ini bermaksud, Yeti atau Bigfoot di Tibet itu makhluk yang sangat berlainan daripada haiwan-haiwan biasa di dunia ini.

Tak dapat dipastikan adakah Shangri-La ini seperti satu binaan yang sama dengan Taman Eden yang disebut dalam

Bible itu. Shangri-La adalah sebuah tempat yang amat indah. Ia dihiasi pokok-pokok, gunung-ganang dan sungai yang mengalir di lembahnya.

Perhatikan juga bahawa kerap disebutkan Tuhan mengenai syurga adnin yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, *jannatu adnin tajri min tahtihal anhaar* ❖

### **Manusia semuanya berasal daripada Adam**

Ada riwayat menyebut nabi-nabi dan rasul-rasul berjumlah ratusan ribu. Ada juga riwayat yang menyebutkan jumlah adalah 313 saja. Secara peribadi angka 313 itu yang saya pilih. Ini kerana, angka itu menyamai jumlah tentera Badar, perang pertama dalam Islam.

Manusia semuanya berasal daripada Adam tanpa terkecuali. Maknanya jalan kisah agama manusia-manusia akan tetap ada persamaan. Daripada 313 nabi-nabi dan rasul-rasul, kita dapat meneliti watak-watak cerita memang ada persamaan.

Nabi-nabi dan rasul-rasul yang kita wajib beriman dengannya hanya 25 orang saja. Mana hilangnya 288 orang rasul lagi? Mereka mungkin wujud dalam catatan kitab-kitab agama besar di dunia. Pada setiap bangsa yang sudah ternama, tentulah diletakkan nabi dan rasul untuk memimpin bangsa tersebut.

Ada pun bani-bani yang paling banyak menerima nabi-nabi ialah Bani Israel. Apabila ada ramai nabi-nabi dalam Bani Israel, jadi sudah tentu banyak kisah-kisah Bani Israel dalam al-Qur'an yang mengisahkan keengkaran mereka

menerima seruan nabi-nabi itu.

Maka, persamaan yang wujud antara agama-agama ini bukanlah peniruan. Tidak bolehlah disebutkan Islam meniru ajaran Nasrani dan Yahudi cuma kerana wujudnya persamaan di antara ketiga-tiga agama tersebut. Hakikat yang berlaku ialah, ketiga-tiga agama itu telah dibawa oleh nabi-nabi yang menerima petunjuk dari sumber yang sama, iaitu Tuhan.

Apabila kita merenung dalam-dalam kisah-kisah hikayat dan riwayat bukan Islam, terasa ada persamaan. Misalnya, apakah ada haiwan-haiwan seperti Yeti, Bigfoot, Buraq yang dinaiki Nabi Muhammad s.a.w dalam peristiwa Isra' Mikraj, burung Aba bil yang datang melemparkan batu api dari neraka sebelum kelahiran Nabi Muhammad dan lain-lain.

Haiwan-haiwan dari alam-alam lain ini boleh juga kita katakan berada di alam tinggi. Di dalam Hikayat Merong Mahawangsa juga dikisahkan mengenai burung garuda yang telah dihalau keluar dari dunia ini. Mungkinkah, ia dihalau keluar ke alam lain?

Pada setiap zaman, barangkali ada makhluk-makhluk tertentu yang ditentukan oleh Allah tentang giliran mereka masuk ke dunia ini. Aba bil misalnya dibebaskan untuk memasuki ruang dunia untuk seketika sebelum kelahiran Rasulullah s.a.w.

Buraq adalah haiwan yang dibebaskan ke dunia seperti kuda yang jadi tunggangan tatkala Nabi Muhammad mula-mula

mendapat tentangan daripada kaum Quraisy di Mekah.

Pada zaman dulu, di Alam Melayu, (atau mungkin pada ketika Melayu belum lagi digelar Melayu), telah wujud nabi-nabi yang tak disebut dalam al-Qur'an di mana haiwan-haiwan seperti duyung, naga telah pun wujud dan kemudiannya terhibab daripada manusia.

Buraq ' bern asib baik' sebab kewujudannya terkait dengan Rasulullah s.a.w dan ia tidaklah boleh dikatakan sebagai dongeng. Demikian juga burung Ababil yang membawa bara api ke atas gajah Abrahah. Burung ini bukan dongeng kerana ia disebut dalam al-Qur'an.

### **Apakah misi Bigfoot?**

Pada zaman ini, setelah berlalunya tempoh haiwan-haiwan ajaib pada zaman dulu keluar dengan bebasnya ke alam kita, maka timbul pula cerita Bigfoot dan Yeti. Soalan sekarang ini, dari belahan alam mana pula haiwan itu tiba? Jika ia datang apakah misinya?

Kita sedia maklum tujuan kedatangan pasukan burung Ababil ialah memusnahkan tentera bergajah Abrahah.

Kedatangan Buraq pula adalah bertujuan membawa Nabi Muhammad s.a.w ke langit tertinggi untuk menerima arahan mengenai solat fardhu.

Ringkasnya, segala haiwan ini dikeluarkan dan dimasukkan ke alam manusia dengan satu tujuan, tugas dan amanah tertentu. Atau, mereka dimasukkan untuk membinasakan pihak tertentu? Hikayat Merong Mahawangsa contohnya, meriwayatkan ceritera burung garuda yang mahu



memisahkan perkahwinan antara Puteri Cina dan Putera Rom.

### **Haiwan dan tumbuhan akhir zaman**

Di dalam sebuah hadis akhir zaman turut disebutkan mengenai kewujudan haiwan melata di bumi yang mana kepanjangan adalah antara Timur dan Barat. Ulama kita menafsirkan banyak tafsiran. Ia mungkin blok-blok negara komunis dan kapitalis atau apa saja.

Sebuah hadis akhir zaman turut menyebutkan bahawa Muslimin akan memerangi Yahudi ( Israel ) dan semua batu-batu akan berbicara jika ada orang Yahudi bersembunyi belakang mereka. Kecuali pokok Gharqad, kerana pohon itu adalah pokok Yahudi.

Namun, hakikat sebenarnya tiada siapa pun yang mengetahui. Bagaimanapun, kita semua perlu bersedia berdepan segala kemungkinan itu. Tidaklah bersalah untuk kita melakukan tafsiran demi tafsiran ke atas sejumlah nas hadis dan ayat al-Qur'an. Bukankah ayat-ayat itu diturunkan supaya manusia memikirkannya dan menafsirkannya?

Sifat-sifat alam mestilah ada tumbuh-tumbuhan, haiwan. Ciri-ciri ini mestilah wujud bagi melengkapkan alam tersebut. Dalam bahasa saintifik, haiwan dan tumbuhan ini dipanggil flora dan fauna. Maka, tentu ada flora dan fauna di dalam syurga dan neraka juga.

Demikian antara hal yang selalu menjadi bahan fikiran saya secara peribadi. Apabila kita memikirkan semua ini, terasa

kekerdilan diri dan yang terzhahir adalah kebesaranNya.

*1:11 a.m, 12 Ogos*

*Sekolah Pemikiran Kg. Baru \_*

Satu tongkat, tiga zaman dan kisah merdeka

**H Fansuri**

Thu | Aug 14, 08 | 3:07:57 pm MYT

Kisah perjuangan Nabi Musa a.s sangat rapat di hati saya. Padanya ada beberapa fasa perjuangan. Dr Ali Shariati antara yang banyak menukilkan kisah-kisah perjuangan Musa menentang Firaun.

Nabi Musa pernah berdialog dengan Nabi Muhammad s.a.w di dalam kisah Isra' Mikraj tentang urusan mengurangkan jumlah solat daripada 50 kepada 5

Tanpa peranan Nabi Musa nescaya kita tentu saja terbeban dengan ur usan solat. Pada saat kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. diriwayatkan baginda sentiasa menyebut 'umatku' dan 'solat' secara berulang. Ertinya, peranan Musa a.s amat besar dalam ur usan solat ini.

Diriwayatkan juga bahawa ketika Nabi Muhammad hampir wafat, baginda menyebutkan suatu doa yang meminta agar baginda dapat berjumpa rakannya di langit. Kalangan orang Kristian mendakwa, doa ini menunjukkan bahawa baginda ingin bertemu Nabi Isa (Jesus Christ). Akhir-akhir ini saya yakin bahawa yang ingin ditemui baginda adalah Musa, iaitu saudaranya yang pernah berbincang mengenai hal pengurangan solat di langit.

*"Dan bacakanlah (Hai Muhammad) di dalam Kitab (Al-Quran) ini perihal Nabi Musa; sesungguhnya ia adalah insan pilihan, dan adalah ia seorang Rasul dan Nabi."*  
(Maryam, 51)

Jika Nabi Musa membawa umatnya ke Laut Merah daripada buruan Fir'aun, maka hal ini juga mirip kepada perjuangan Nabi Muhammad s.a.w dalam kisah hijrah. Ringkasnya ada banyak persamaan yang boleh ditemui pada sosok Musa dan Muhammad ini.

Kembali kepada hal fasa perjuangan Musa a.s, maka saya bahagikan fasa perjuangan ini kepada tiga bahagian bermula dengan tongkat Nabi Musa a.s. Kenapakah perjuangan ini bermula daripada tongkat? Ini kerana, tongkat itu diterima selepas wujud peralihan baru dalam kehidupan Musa yang pernah berada dalam istana Fir'aun sebelum itu.

Tongkat itu adalah simbol 'perjuangan' Musa menyambung kehidupan dengan menternak kambing, sesuai dengan pekerjaan Rasulullah s.a.w sebelum diangkat menjadi nabi. Dan, yang paling penting, tongkat itulah yang disebut Tuhan dalam al-Qur'an.

Di dalam surah Taaha, dialog antara Musa a.s dan Allah s.w.t disebutkan sebagai berikut. *(Taha adalah nama lain bagi Muhammad selain Yasin. Pada awal surah ini sudah pun ditunjukkan bagaimana Allah telah memperihalkan perjuangan Musa kepadanya)*

[17] *"Dan apa (benda) yang berada pada tangan kananmu*

*itu wahai Musa?"*

*[18] Dia menjawab: "Inilah tongkatku; aku menggunakannya semasa berjalan, aku memukul dengannya daun-daun kayu supaya gugur kepada kambing-kambingku, dan ada lagi lain-lain keperluanku pada tongkat itu".*

*[19] Allah berfirman: "Campakkanlah tongkatmu itu wahai Musa!"*

*[20] Lalu ia mencampakkannya, maka tiba-tiba tongkatnya itu menjadi seekor ular yang bergerak menjalar.*

*[21] Allah berfirman: "Tangkaplah ia dan jangan takut, Kami akan mengembalikannya kepada keadaannya yang asal." (Taaha; 17 hingga 21)*

Inilah pertunjukan yang pertama ke atas Nabi Musa guna meyakinkan baginda mengenai kekuasaannya. Bukan saja tongkat, malah tangan Musa yang memegang tongkat itu juga turut diberikan Allah kekuatan mukjizat dengan tangan yang bersinar-sinar.

Pada zaman Rasulullah s.a.w, mukjizat yang lebih kurang sama diberi kan ke atas baginda yang mirip kepada Musa; membelah bulan seperti mana Musa membelah lautan. Lihatlah pergerakan air laut pasang dan surut yang ada kaitannya dengan peredaran bulan.

Adapun kesan tangan Musa yang bersinar itu mengalir kepada tangan Muhammad s.a.w yang bersinar-sinar ketika membelah bulan. Ertinya, banyak persamaan antara Musa dan Nabi Muhammad s.a.w ini.

Bagaimanapun, kita boleh melanjutkan hal persamaan ini

pada suatu bab yang lain. Yang menarik untuk direnungkan ialah hal tongkat Nabi Musa pada tiga zaman berbeza.

Tongkat baginda berperanan pada era **penjajahan, pra-merdeka dan merdeka.**

### **Zaman penjajahan**

Berikut adalah dalil dan nas yang ditemui di dalam al-Qur'an berhubung hal tersebut.

Nabi Musa mula menetapkan masa bagi memerangi kekuatan ahli sihir yang diperalatkan oleh Fir'aun.

*Nabi Musa berkata: "Tempoh yang aku tetapkan untuk kamu ialah hari perayaan, dan hendaklah orang ramai berhimpun pada waktu dhuha" (Taaha, 59)*

*Nabi Musa mencampakkan tongkatnya, maka tiba-tiba tongkatnya itu menjadi seekor ular yang jelas nyata. (Asy-Syu'ara', 32)*

### **Zaman pra-merdeka**

Setelah berperanan pada zaman penjajahan Fir'aun, tongkat itu juga membawa Bani Israel merentasi Lautan Merah ketika Musa membelah lautan dengannya.

*Dan demi sesungguhnya! Kami telah wahyukan kepada Nabi Musa: "Hendaklah kau membawa hamba-hambaKu keluar mengembara pada waktu malam, kemudian pukullah air laut dengan tongkatmu, untuk mengadakan jalan yang kering bagi mereka di laut itu; janganlah engkau menaruh bimbang daripada ditangkap oleh musuh,*

*dan jangan pula kau takut tenggelam". (Taha, 77)*

*Lalu Kami wahyukan kepada Musa: "Pukullah laut itu dengan tongkatmu". (Setelah dipukul), maka terbelahlah laut (kepada beberapa bahagian), lalu tiap-tiap bahagian yang terbelah itu terangkat seperti gunung yang besar." (Asy-Syu'ara', 63)*

Kalau tongkat itu berperanan membelah lautan maka apa peranan tongkat itu pada zaman seterusnya, iaitu zaman mengisi kemerdekaan?

### **Zaman merdeka**

*"Dan (ingatlah) ketika Musa meminta agar diberikan air untuk kaumnya, maka Kami berkata: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu," (ia pun memukulnya), lalu terpancut dari batu itu 12 mata air; sesungguhnya setiap puak (antara mereka) telah mengetahui tempat minum. (Dan Kami berfirman): "Makan dan minumlah dari rezeki Allah, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi." (Al-Baqarah, 60)*

*"Dan kami membahagikan mereka (Bani Israil) menjadi 12 suku, sebagai golongan-golongan besar, dan Kami wahyukan kepada Nabi Musa, ketika kaumnya memohon air kepadanya: "Pukullah batu itu dengan tongkatmu." Maka terpancarlah darinya 12 mata air. Tiap-tiap golongan (antara mereka) mengetahui tempat masing-masing. "*

*Dan Kami naungi mereka dengan awan, dan Kami turunkan kepada mereka "Mann" dan "Salwa". (Lalu Kami*

*berfirman): "Makanlah dari baik-baik yang kami telah kurniakan kepada kamu". Dan tidaklah mereka menganiaya Kami (dengan kekufuran mereka), tapi mereka adalah menganiaya diri mereka sendiri. (Al-A'raaf, 160)*

Peranan tongkat Musa a.s itu berakhir dengan sendirinya pada ketika Bani Israel merdeka daripada perhambaan Fir'aun. Khazanah itu semua mungkin tersimpan dalam peti Tabut yang menjadi rebutan anggota Freemason dan Knight Templar pada era berikutnya.

### **Kesimpulan**

Daripada kisah ini, kita membuat banyak rumusan. Tapi, dalam tulisan kecil ini tidaklah boleh kita rangkumkan semuanya.

Pertama, asas pembinaan tamadun berawal daripada 'tongkat'. Dan ia terus juga berfungsi pada setiap zaman, iaitu zaman dijajah, pra-merdeka dan merdeka sepenuhnya.

Bagi umat Nabi Muhammad, 'tongkat' mereka yang sebenarnya ialah pena atau tinta yang pernah disebutkan dengan jelas dalam al-Qur'an menerusi surah al-'Alaq.

*[1] Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk)*

*[2] Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku*

*[3] Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah*

*[4] Yang mengajar manusia melalui **pena dan tulisan***

*[5] Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Barangkali, kerana faktor inilah yang menyebabkan

sasterawan Usman Awang misalnya memilih nama pena 'Tongkat Warrant' sebagai gantian kepada nama asalnya.

Seperti mana fungsi asal tongkat Musa a.s, tongkat (tinta pena) cendekiawan, ulama' juga memainkan peranan mereka pada zaman penjajahan, pra-merdeka dan merdeka. Di dalam sirah menuntut merdeka, suratkhbar adalah saksi semua itu. Merekalah peneraju terawal sebelum wujudnya saf politikus kapitalis yang kononnya 'berjuang' melalui parti.

Maulana Muhammad Iqbal bermadah: "Bangsa-bangsa lahir daripada tangan penyair, dan mereka boleh jatuh dan bangun melalui sentuhan politikus."

Bersempena kemerdekaan yang bakal menjelang, jangan dilupakan peranan kaum penulis dan wartawan yang telah lama berjuang menuntut kemerdekaan. Andainya Umno dan BN boleh dilihat sebagai 'penjajah baru', maka jangan dilupakan peranan wartawan berhaluan kiri sebagai teraju utama memerdekakan 5 buah negeri dan 1 wilayah kepada PR.

### **Tongkat, antara 'keilmuan' dan 'kebendaan'**

Tongkat yang asalnya berkait rapat dengan keilmuan mula dinilai sebagai hal yang terkait dengan kebendaan apabila politikus seperti Tun Dr Mahathir meminta Melayu jangan ada 'minda bertongkat', yang selalu mengharapkan bantuan kewangan daripada kerajaan.

Di sini, dapat kita temukan dua watak perbezaan antara pemikir, penyair, ilmuan, ulamak dan politik kapitalis itu.



Rasuah politik dan politik wang telah dijadikan asas kepimpinan khasnya dalam Umno mutakhir ini.

Lazimnya, kita selalu berkata 'orang buta kehilangan tongkat' bagi menggambarkan orang yang tiada ilmu kehilangan guru, petunjuk dan hidayah. Tapi dalam kes Umno yang telah buta mata hati, 'tongkat kebendaan' itulah pula yang diinginkan guna menjolok kuasa.

*12:32 p.m, 14 Ogos 2008*  
*Sekolah Pemikiran Kg Baru*

## **[Bantahan Konsert Avril Lavigne](#)**

**August 11, 2008** · **[No Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*



Suatu memo bantahan konsert Avril Lavigne telah dihantar kepada Dato' Bandar Kuala Lumpur, Dato' Abdul Hakim Borhan oleh Dewan Pemuda PAS Wilayah Persekutuan. Memo bantahan telah diserahkan sendiri oleh Ketua Pemuda iaitu En. Kamaruzzaman Mohamad kepada ibu pejabat Dato' Bandar. Memo tersebut diterima oleh pegawai khas Datuk Bandar iaitu Shaari Ahmad Junid.

Antara lain isi kandungan menyatakan rasa tidak setuju dan mendesak Jawatankuasa Permohonan Artis Luar Negara (PUSPAL) tidak mengeluarkan permit untuk artis berikut yang dijangka diadakan pada 29 Ogos ini.

Penganjuran konsert Avril Lavigne dianggap mencemar budaya kerana ia dipanggil pada sempena hari sambutan kemerdekaan Malaysia ke-51. Jelas Kamaruzzaman, konsert tersebut hanya akan memperlekehkan imej pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air.

(Berita lanjut lihat [harakahdaily.net](http://harakahdaily.net))

### **Siapa Avril Lavigne?**

Semua orang mengetahui siapa wanita ini. Albumnya berjaya dijual berjuta-juta unit di seluruh dunia termasuk Malaysia. Lagu-lagunya juga sentiasa berkumandang di radio-radio tempatan khususnya radio-radio berbahasa Inggeris.

Cuma ramai dikalangan peminat muslim tidak mengetahui beliau adalah berketurunan Yahudi campuran.

Avril Lavigne menggunakan nama asalnya sendiri dalam dunia hiburan. Beliau berasal dari Ontario, Kanada dan dilahirkan pada 27 September 1984. Asal keturunannya adalah campuran French-Canadian. Ibu bapanya adalah beragama Kristian, namun keturunan asal mereka adalah Yahudi.

Berbagai kenyataan telah keluar dari majalah-majalah hiburan khususnya tulisan dari para peminatnya tentang agama beliau. Semuanya itu ditulis untuk membela penyanyi pujaan mereka dan tidak mahu orang menganggap Avril seorang Yahudi.



(Gambar) “*Weird Al*” Yankovic

Namun, Avril sendiri mengakui beliau berketurunan Yahudi semasa ditemuramah oleh **Alfred Matthew “Weird Al” Yankovic** atau lebih dikenali sebagai **Weird Al**. Avril telah ditemuramah dalam rancangan kendalian Weird Al yang bertajuk Al-TV.

Dalam temuramah tersebut Al telah memberitahu penonton secara berseloroh, “...*Lavigne. That’s good jewish name. You’re jewish right?*”

Soalan itu ditanya pada awal temuramah. **Weird Al** tahu nama tersebut adalah nama orang Yahudi kerana dia sendiri adalah berketurunan **Yahudi Serbia**. Hanya Yahudi yang mengenal Yahudi. Dalam temuramah itu juga Weird Al mengucapkan “**tahniah**” kepada Avril dalam bahasa Yahudi iaitu “*Mazal tov.*”

Sesungguhnya sesuatu patut dikesalkan kepada penaja program sambutan Hari Kemerdekaan. Penaja seharusnya mengutamakan artis-artis tempatan dalam meraikan majlis tersebut. Hanya warga tempatan akan tahu menilai makna ‘**sambutan**’ tersebut.

→ [No Comments](#) **Categories:** [1](#)

## [Cara Asif Memindahkan Istana Balqis](#)

**August 7, 2008** · [4 Comments](#)

oleh *Ibnuyaacob & Ustaz Badri*



Artikel ini adalah sebagai membahaskan hujah Muhammad Isa Dawud tentang penggunaan tenaga cahaya dalam operasi pemindahan Istana Balqis oleh Asif Bin Barqiya.

Artikel ini juga ingin menyatakan '**tidak setuju**' akan pendapat bahawa Asif telah menggunakan tenaga cahaya. Hujah ini bukanlah kajian baru, tetapi hujah yang diambil dari kitab kajian-kajian ulama' -ulama' tasawuf terdahulu.

Dalam bukunya (Muhammad Isa Dawud) yang bertajuk, **"Dajjal Akan Muncul Dari Kerajaan Jin Di Segitiga Bermuda"**, dengan panjang lebarnya menerangkan akan teknologi cahaya yang telah dicapai sejak zaman silam.

Penerangan ini mencakupi pelbagai sudut dan intipati bermula dari beberapa kiraan kelajuan cahaya, kenderaan UFO sehinggalah kepada kesimpulan bahawa Asif Bin Barqiya telah menggunakan cahaya.

*(kami sendiri berasa hairan mengapa MID tidak menggunakan kitab tasawuf untuk membahas soal Asif bin Barqiya, mustahil beliau tidak mengetahui. Namun mungkin beliau ada sebab-sebab tertentu yang tidak dapat kita fikirkan. Mudah-mudahan Allah melimpahi rahmat dan kesihatan atasnya untuk terus menulis)*

Sebenarnya **Asif Bin Barqiya** bukanlah seorang saintis, tetapi beliau adalah ahli sufi, ahli tasawuf dan pengamal tarekat dengan ilmu-ilmu laduni yang tak terkira banyaknya.

Biografi Asif Bin Barqiya hanya dapat diperoleh melalui kitab-kitab pengajian tasawuf dan kelas-kelas tarekat sama ada di Timur Tengah, Pattani, Malaysia atau Indonesia. Bagi sesiapa yang pernah menyertai kumpulan-kumpulan tarekat Shatriyah atau Ahmadiyah, sudah pasti guru-guru tarekat tidak terlepas mendedahkan tentang hal Asif yang zuhud ini.

### **Bagaimana Asif Memindahkan Istana Balqis?**

Sebelum menjawab soalan di atas adalah lebih baik kita renung semula ayat al-Quran berikut:

*“Hai pembesar-pembesar siapakah diantar kamu sekalian sanggup membawa singgahsananya kepada ku sebelum mereka datang kepada ku sebagai orang-orang yang berserah diri.”*

*“Berkata Ifrit (yang cerdik) itu dari golongan jin, aku akan datang kepada ku dengan membawa singgahsana itu kepada mu sebelum kamu berdiri dari tempat dudukmu;*

*sesungguhnya aku benar-benar kuat untuk membawanya lagi dapat dipercayai. Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-Kitab; “Aku akan membawa singgahsana itu kepada mu sebelum matamu berkedip.”*

*“Maka tatkala Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya, ia pun berkata; “Ini termasuk kurniaan Tuhanku untuk menguji aku, apakah aku bersyukur atau mengingkari (akan nikmat-Nya) . Dan barang siapa bersyukur maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri. Dan barangsiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia.” (An-Namli, ayat 38-40)*

Jawapannya ialah;

Cara Asif memindahkan Istana Balqis cukup mudah iaitu dengan niat di dalam hati sahaja. Walaupun Asif hanya sekadar berniat, tetapi “**niat**” yang dicetuskan dalam hati Asif tidak sama dengan cara kita orang biasa berniat.

Niat yang didetikkan oleh Asif sebenarnya “**berkaedah**”. Dan ia sejenis kaedah teknologi yang berkaitan amalan-amalan tarekat dalam ilmu tasawuf.

Niat beliau telah disokong oleh suatu teknologi tasawuf yang diberi nama **Keramat Dunia Ke-19**.

Dalam kitab *Lum'atul Aurad* karangan **Wan Ali Bin Abdul Rahman Al-Kelantani** ada membahaskan bahawa ketika Asif berniat ‘**menghadirkan**’ istana Balqis, Asif telah menyertakan sekali dalam niatnya kalimah “*Yaa zaljalaa..liwal ikram...*”.

Ulama'-ulama' tasawuf keseluruhannya menyetujui bahawa martabat teknologi yang dimiliki Asif adalah antara tertinggi dikalangan manusia biasa (tidak termasuk Nabi & Rasul). Teknologi keramat Asif sudah berada di puncak teknologi tasawuf yang dinamakan capaian akhir "Kun fayakun".

Perbincangan panjang lebar tentang martabat-martabat keramat seperti ini juga boleh didapati dalam kitab **Syarah Hikam** dan **Sairus As-Salikin**.

### **Apakah Keramat Dunia KE-19?**

Keramat Dunia Ke-19 atau ringkasnya KDK-19 ialah suatu martabat ilmu yang dianugerahkan Allah SWT kepada insan-insan yang telah mencapai tahap kekasih Allah. Sesiapa sahaja boleh memperolehnya asalkan bertaqwa, berzuhud, bertarekat dan beramal soleh.

KDK-19 tidak boleh diperolehi hanya dengan kuat beribadat dan berzikir. Terdapat kaedah-kaedah tertentu yang mesti diikuti dan dipandu oleh guru tarekat yang mursyid untuk memperolehinya.

***Keramat Dunia Ke-19*** bermaksud sesiapa yang memilikinya akan mampu *menghadirkan* atau *mengadakan* sesuatu benda, kejadian atau tingkahlaku hanya dengan niat di dalam hati. Dalam erti kata lain apa yang terlintas di hati akan dimakbulkan Allah.

### **Peringkat-Peringkat Keramat Dunia**



Di dalam kitab tasawuf telah diterangkan dengan nyata akan KDK-1 hingga KDK-20. KDK boleh diringkaskan sebagai visi akhir seseorang ahli tarekat. Tetapi ada juga ahli tarekat yang tiada langsung mendapat KDK ini, cuma sekadar mendapat keramat-keramat yang biasa seperti menyembuhkan penyakit, berkomunikasi jarak jauh atau berjalan di atas air.

Berikut ialah senarai teknologi KDK yang menjadi rebutan ahli-ahli tarekat:

**KDK-1** : Peringkat ini Allah amat kasihkan dan memuji-muji nama mereka (ahli tasawuf). Alangkah bertuah dan mulianya mereka ini kerana sentiasa dipuji Allah.

**KDK-2** : Allah sendiri mengucap terima kasih kepada mereka. Sekiranya kita diucap terima kasih oleh seorang yang hina pun sudah cukup baik, apatah lagi jika Allah sendiri yang mengucapkannya.

**KDK-3** : Allah Taala sangat kasih dan cinta akan mereka. Jika seorang raja mencintai kita sudah cukup untuk kita bermegah dan mendapat faedah, apatah lagi raja sekian alam sendiri yang cintakan kita.

**KDK-4** : Allah Taala sendiri menjadi wakil untuk mengurus urusan mereka.

**KDK-5** : Allah Taala menjamin rezeki ke atas mereka ke mana sahaja mereka pergi.

**KDK-6** : Allah Taala mengawal tubuh badan mereka dari disakiti musuh.

**KDK-7 :** Allah Taala menjadi sahabat teman setia mereka.

**KDK-8 :** Ahli sufi berjiwa besar dan tidak terasa terhina membuat kerja-kerja yang tidak disukai orang. Malah mereka tidak suka ditolong orang hatta raja sekalipun.

**KDK-9 :** Tinggi hemah dan kezuhudan seta tidak sedikit pun ternoda dengan kemegahan dunia.

**KDK-10 :** Kaya hati, tenteram dan aman. Tidak terkejut dengan kekayaan baru yang datang dan tidak pula susah hati bila ditimpa kemiskinan.

**KDK-11 :** Bersinar-sinar nur hati mereka hingga dapat memberi petunjuk kepada orang ramai tentang ilmu-ilmu rahsia, hikmat-hikmat yang tidak dapat diberi oleh manusia biasa.

**KDK-12 :** Sentiasa berlapang dada sehingga bala yang besar tidak mampu langsung menggundah-gulanakan jiwa mereka.

**KDK-13 :** Wajah mereka sentiasa terpancar sinar kehebatan dan mampu merebahkan orang yang melihat atau musuh yang mendekati hatta raja yang zalim sekali pun.

**KDK-14 :** Allah Taala melimpah keberkatan pada segala pergerakan tubuh dan perilaku mereka seperti tempat tidur, bekas makan dan tempat duduk sehingga diambil orang untuk keberkatan. Malah yang bersahabat dengan mereka juga mendapat tempias ilmu-ilmu keramat mereka.

**KDK-15 :** Mereka menguasai lipat jalan bumi, udara dan air sehingga jika dikehendaki terbang di udara atau menyelam di laut dalam nescaya diperkenankan Allah.

**KDK-16 :** Mereka dapat menunduk dan menjinakkan segala jenis binatang buas malah binatang itu dapat dijadikan khadam suruhan pula.

**KDK-17 :** Mereka dianugerahkan perbendaharaan bumi. Sekiranya mereka mengkehendaki harta karun itu timbul dari perut bumi nescaya berlaku. Mereka juga mampu mendatangkan rezeki (makanan) sendiri jika terasa kelaparan.

**KDK-18 :** Mereka menjadi tumpuan orang ramai Kepada orang yang berhajat berkasih kepada Allah wajarlah dijadikan mereka ini sebagai wasilah. Berkhadamlah dengan mereka ini mudah-mudahan akan sampai makrifat kepada Allah.

**KDK-19 :** Apa sahaja yang terlintas di hati atau tergerak lidah untuk meminta sesuatu hajat nescaya tercapailah hajat mereka.

**KDK-20 :** Terjatuh mesra kasih orang ramai apabila terpandang mereka.

## **Kesimpulan**

Dajjal tahu siapa Asif bin Barqiya, apa kehebatannya dan ini bukan sesuatu jangkaan kerana Dajjal mampu mendapat maklumat berikut melalui Iblis laknatullah. Cuma Dajjal itu tidak mampu meniru dan mencipta ilmu tasawuf kerana ia ilmu makrifat yang berkaitan kezuhudan hati.

Dajjal tidak mampu mencipta teknologi ini kerana ia berasaskan wirid dan zikir. Zikir tidak boleh dilihat kehebatannya, ianya hanya boleh didengar.

Menyedari kekurangan ini [Dajjal](#) terpaksa berhempas pulas menggunakan tenaga elektrik dan cahaya untuk menandingi ilmu tasawuf ini. [Eksperimen Phildephia](#) sudah menjalani beratus-ratus ujian tanpa diketahui.

Ini bukanlah bermakna Dajjal masih diperingkat tenaga elektrik, [Dajjal](#) sudah pun mempunyai teknologi cahaya yang digunakan UFO. Cuma Dajjal belum bersedia menimbulkan teknologi itu di tengah-tengah masyarakat sekarang kerana ia belum sesuai.

Kejayaan menggunakan cahaya akan berlaku juga seperti kejayaan memunculkan gambar di skrin televisyen zaman dahulu. Idea teknologi ini akan didetikkan di otak salah seorang terpilih (the chosen one) tidak lama lagi.

Dengan terhebahnya teknologi itu kelak maka hampirlah saat perang dunia akhir zaman.

*P/S : Maklumat ilmu tasawuf adalah sesuatu yang sensitif bagi masyarakat yang tiada ilmu zaman sekarang ini. Bagi yang berminat mengetahuinya dengan lebih lanjut hendaklah menanyakan sendiri kepada tuan guru-tuan guru di mana-mana sekolah pondok. Jangan sesekali menanyakan ilmu ini di internet walaupun ada ustaz-ustaz yang membuka ruang bicara secara online.*

**(PERHATIAN : *Bagi yang berminat menggunakan artikel ini untuk blog peribadi hendaklah kiranya tidak dibuang***

*akan pesanan P/S yang tertera di atas bagi mengelak syak wasangka dan fitnah pembaca bukan Islam. Hendaklah diletak alamat blog ini agar tiada kesangsian dalam mengetahui sumbernya.)*

## **Rahsia Logo Volkswagen**

**July 29, 2008 · No Comments**

oleh Ibnuyaacob



Kereta Volkswagen sudah pun terkenal sejak perang dunia kedua lagi di Malaysia. Kebanyakan kereta volkswagen yang berada di Malaysia ketika itu adalah jenis Beattle 2 pintu dan van serbaguna.

Namun disebalik produk kenderaan yang meluas dari Jerman itu ada sesuatu yang menarik dan mungkin mengejutkan kita. Ianya bertambah menarik dan misteri apabila ‘kejutan’ itu dibuat sendiri oleh pengasasnya iaitu Adolf Hitler.



### **Rekaan Kereta oleh Adolf Hitler**

Kereta Volkswagen sebenarnya direka sendiri oleh pemimpin diktator Jerman iaitu Adolf Hitler sebelum kereta itu memasuki pasaran. Idea lakaran itu diperolehi oleh Hitler ketika beliau sedang duduk bersantai di sebuah restoran di Munich pada 1932.

Hitler melakar sendiri rekabentuk Beetles dengan objektif kereta itu mampu memberi keselesaan kepada pemiliknya dengan ciri-ciri bersantai dan mudah dikendalikan. Nama pertama yang dicadangkan ialah *Kraft durch Freude* (KdF-Wagen, yang bermaksud “strength through joy car”).

Setelah siap lakaran, Hitler memberikan plan itu kepada pengarah Daimler-Benz iaitu Jacob Werlin sambil berkata,

*“Take it with you and speak with people who understand more about it than I do. But don’t forget it. I want to hear from you soon, about the technical details.”*

Namun demikian, Daimler-Benz tidak mengeluarkan Volkswagen tetapi kereta itu dikeluarkan oleh kilang Porsche milik **Dr. Ferdinand Porsche** dengan tema “Peoples’s Car”. Oleh itu, semua teknologi kereta dari A hingga Z adalah buatan Porsche.



(Gambar) *Pengasas, Dr. Ferdinand Porsche*


## **Misteri Logo Volkswagen**

Yang mencurigakan adalah lakaran logo Volkswagen itu sendiri. Ianya unik dan ringkas dengan huruf V berada di atas huruf W.

Sebenarnya logo ini tiada apa-apa maksud tetap ia mencurigakan apabila kita memutar logo ini dengan laju. Apabila diputar laju biasanya ketika tayar bergerak maka lambang Nazi jelas kelihatan.

## **[Teknologi Dajjal VS Teknologi Zikir \(Bahagian 1\)](#)**

oleh Ibnuyaacob



Dalam al-Quran diberitakan bahawa pada ketika Nabi Sulaiman a.s. bertanyakan sesiapa di antara rakyatnya yang mampu membawa istana balqis ke Palestin, maka bangunlah seorang ahli kitab dengan mendakwa mampu membawa istana tersebut dengan sekelip mata.

Kemampuan ahli kitab itu yang dikatakan bernama **Asif bin Baqriya** mengatasi kemampuan bangsa jin sendiri . Hatta **jin afrit** yang terkenal sebagai jin terkuat dikalangan jin juga tidak mampu.

Oleh itu, cara atau kaedah yang dilakukan oleh ahli kitab tersebut masih lagi dikaji dan diperdebatkan oleh ulama'. Namun saya secara peribadi percaya ia adalah teknologi milik ahli-ahli pengamal tareqat dan sufi.

### **Dajjal Meneroka Teknologi Ahli Kitab**

Mengikut teori **Muhammad Isa Dawud**, Dajjal dilahirkan seratus tahun sebelum kelahiran Nabi Musa a.s. Maka dapat disimpulkan bahawa [Dajjal](#) tidak sempat hidup pada zaman Nabi Sulaiman .a.s. atau Nabi Daud.



Sekiranya Dajjal hidup pada zaman Nabi Sulaiman maka [Dajjal](#) boleh diandaikan menyaksikan peristiwa pemindahan Istana Balqis itu.

Semua ini pendapat ini berdasarkan kisah dalam ayat al-Quran dalam Surah An-Naml

*“Hai pembesar-pembesar siapakah diantar kamu sekalian sanggup membawa singgahsananya kepada ku sebelum mereka datang kepada ku sebagai orang-orang yang berserah diri.”*

*“Berkata Ifrit (yang cerdik) itu dari golongan jin, aku akan datang kepada ku dengan membawa singgahsana itu kepada mu sebelum kamu berdiri dari tempat dudukmu; sesungguhnya aku benar-benar kuat untuk membawanya lagi dapat dipercayai. Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-Kitab; “Aku akan membawa singgahsana itu kepada mu sebelum matamu berkedip.”*

*“Maka tatkala Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di hadapannya, ia pun berkata; “Ini termasuk kurniaan Tuhanku untuk menguji aku, apakah aku bersyukur atau mengingkari (akan nikmat-Nya) . Dan barang siapa bersyukur maka sesungguhnya dia bersyukur untuk (kebaikan) dirinya sendiri. Dan barangsiapa yang ingkar, maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Mulia.” (An-Naml, ayat 38-40)*

Memandangkan ia (Dajjal) tidak melihat kejadian itu, maka harus baginya meneroka sendiri ilmu itu mengikut kaedah yang difikirkannya sendiri atau berdasarkan maklumat dari

jin-jin sendiri.

Ujikaji dan eksperimen Dajjal yang diperturunkan kepada agen-agensya telah menghasilkan suatu teknologi prototaip tetapi masih belum berjaya. Misi eskperimen adalah untuk ‘memindahkan’ objek dengan cara menghilangkannya.

## **Teknologi Ciptaan Dajjal**

Untuk cuba meniru, menandingi atau mengatasi ‘kemampuan’ ahli kitab tersebut, Dajjal melalui konco-konconya di makmal U.S. Navy, Philadephia, Pennyslavinia telah menjalankan suatu ujikaji skala besar. Eksperimen dijalankan pada 8 Oktober 1943. Ujikaji ini diberi nama **“Eksperimen Philadephia”**

Eksperimen ini sudah pun masyur dan diketahui umum sejak berpuluh tahun dulu. Objektif eksperimen ini ialah memindahkan sesuatu objek berjisim dari suatu lokasi ke lokasi yang lain tanpa mencacatkan bentuk fizikal objek tersebut.

## **Kegagalan Eskperimen Philadephia**

Kapal USS Eldridge berjaya dihilangkan pada masa eksperimen tersebut melalui penggunaan suatu generator elektrik yang paling tinggi. Malangnya, ia tidak muncul kembali dan sejak itu pelbagai laporan-laporan palsu tercipta di dada-dada akhbar.

Kegagalan projek itu cuba diselindungi melalui desas-desus kesaksian sesetengah rakyat Amerika (yang diupah) menyatakan ternampak kapal tersebut 40 kilometer dari tempat eksperimen. Ada yang lebih eksptrem mengatakan

ianya telah merentasi masa melalui teleportasi yang dilakukan.

Akhirnya berita misteri eksperimen itu berjaya menaikkan imej tentera Amerika di mata dunia. Sedangkan pada era tersebut Jerman dan Rusia telah mendahului teknologi Amerika.

### **Percubaan Saintis Islam**

Muhammad Isa Dawud mendedahkan bahawa **Dr. Yahya Said Al-Mahjari** (moga Allah merestui usahanya) dari Mesir juga telah melakukan pelbagai eksperimen berkaitan pemindahan objek jarak jauh ini. Pelbagai eksperimen telah dilakukan tetapi tidak berjaya. Objek hanya berjaya dihilangkan tetapi tidak berjaya dikembalikan ke bentuk asal apatah lagi untuk diletakkan ke lokasi lain.

Kesimpulan akhir yang diperoleh oleh beliau ialah ahli kitab ketika itu mempunyai pengetahuan tentang *teknologi kepantasan cahaya*. Maka pemindahan dilakukan menggunakan kemampuan cahaya.

Sekarang **Dr. Yahya Said** bertugas sebagai konsultan di UNESCO, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

### **Sumber Teknologi Ahli Kitab**

Saya kurang setuju dengan pendapat bahawa ahli kitab menggunakan *Teknologi Kelajuan Cahaya* untuk memindahkan sesuatu objek. Ini kerana untuk menggunakan elemen cahaya kemungkinan sesuatu alat perlu digunakan untuk mengeksploitasikan cahaya.

Sedangkan pada ketika Nabi Sulaiman a.s. memberitahu hasratnya untuk melihat istana Balqis, baginda tidak memberitahu sehari atau seminggu lebih awal. Hasratnya dimaklumkan secara spontan sahaja. Dan jawapan dari Jin Ifrit dan Ahli Kitab juga terkeluar secara spontan. Jawapan yang dikeluarkan juga secara spontan menunjukkan si pemberi jawapan (Ifrit dan Ahli Kitab) sememangnya sudah bersedia dan mampu secara hakiki tanpa memerlukan sebarang alat.

Kemampuan Ifrit membawa Istana kerana sememangnya jin itu dianugerahkan kekuatan semula jadi. Manakala kemampuan ahli kitab adalah kemampuan yang dibina sendiri hasil pembelajaran atau amalan ibadat khusus. Lihat ayat ini...

*“...berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab,”* (An-Naml, 40)

Jika kita ingin mengkaji teknologi yang digunakan jangan kita mengkaji kalimah '**seorang**', kita perlu melihat sumber teknologi tersebut iaitu kalimah...

***“..ilmu dari al-Kitab”.***

Maka, teknologi yang sebenar ialah Teknologi Zikir. Kita harus ingat, **Al-Kitab** ialah kalam Allah, dan kalam itu mengandungi kata-kata Allah secara terus. Saya amat berkeyakinan bahawa konsep Zikir dari kitab Zabur (kalam zaman itu) telah digunakan oleh **Asif Bin Baqriya**.

Kita harus ingat perbezaan antara **kemampuan cahaya** dan **kemampuan zikir**. Cahaya adalah makhluk ciptaan Allah,

makhluk bernama cahaya ini walaupun hebat tetapi terbatas atas waktu-waktu dan situasi-situasi tertentu.

Manakala Zikir adalah ungkapan pujian terhadap Allah sendiri dan Zikir diambil pula dari kata-kata Allah dalam kitab (Zabur, Taurat, Injil dan al-Quran).

Tetapi saya bersetuju sekiranya kemampuan elemen cahaya adalah salah satu teknologi yang juga mampu memindahkan posisi sesuatu objek. Namun kemampuan cahaya tidak dapat menandingi kemampuan zikir.

### **Kemampuan Teknologi Ahli Tasawuf**

Kejadian yang berlaku di Indonesia di Pulau Haruku, Maluku Tengah ini (moga Allah merahmati ulama' negara ini) tidak lama dulu (Mac 200 🤪) telah membuktikan kemampuan yang dimiliki oleh *Asif bin Baqriya*. Kejadian ini juga membuktikan Zikir juga berfungsi sebagai sebuah teknologi tanpa jisim.

*(\*pemahaman manusia sekarang apabila menyebut perkataan **teknologi**, terus saja terfikirkan sebuah **mesin, alat** atau **jentera**. Sungguhlah Dajjal telah memesongkan pemikiran manusia sejak zaman **Renassaince** dulu)*

Di bawah ini menunjukkan video dimana seorang ulama' telah diminta bantuan oleh penduduk kampung untuk memindahkan sebuah kubah masjid dari suatu lokasi ke lokasi yang lain. Video ini bukanlah baru dan sudah pun diketahui umum.

Dalam rakaman tersebut, ulama' berkenaan hanya meminta orang-orang tertentu yang terpilih agar berzikir secara terus menerus. Kalimat zikir yang digunakan juga cukup mudah iaitu **Laa ilahaa illallah.**

*(Berita lanjut tentang peristiwa tersebut, anda boleh saja dapati di internet dengan mudah)*


Namun, penggunaan teknologi zikir dan kemakbulan dari Allah adalah bergantung kepada **“SIAPA yang mengucapkan zikir tersebut”** dan bagaimana dekatnya iman individu tersebut dengan Allah.

[Dajjal](#) tahu hanya ahli tasawuf mampu berbuat demikian, tetapi ia mahu **‘kemampuan’** itu dimiliki oleh orang awam **tanpa perlu** mendekati diri kepada Allah. Maka caranya ialah mencipta alat atau teknologi agar orang bukan Islam juga mampu menggunakannya.

Alangkah baik jika kita berperang dengan menggunakan teknologi ahli tasawuf. Mudah dan berkesan malah lebih ramai tentera akan menjadi alim seperti komander-komander Chechen.

*Wallahu'alam...*

oleh *Ibnuyaacob*



Kegagalan eksperimen Philadelphia yang dibina Dajjal terus gagal hingga sekarang tetapi masih ada usaha-usaha yang dilakukan agar hasrat ini tercapai kelak.

Kemampuan teknologi Zikir pula masih pada carta teratas dan masih tiada tandingan dengan mana-mana teknologi lain. Teknologi ini khusus kepunyaan ahli tasawuf (sufi) dan tidak mungkin dimiliki oleh ulama' fekah atau hadith sekiranya tidak diamalkan.

Antara ulama' fekah yang dalam masa yang sama memiliki **keramat tasawuf** ialah Imam Al-Ghazali dan Imam As-Syafie.

### **Signifikan Zikir dan Kejadian Kubah Terbang**

Pada [artikel](#) lepas telah pun ditunjukkan akan kemampuan ahli tasawuf dari Pulau Maluku menerbangkan objek dari

suatu lokasi ke lokasi lain tanpa sebarang alat, mesin atau jentera atau tenaga cahaya.

Pergerakan kubah tersebut lambat dan terapung meyakinkan semua orang akan kemampuan ahli tasawuf berikut. Tapi apakah jangkaan kita selepas kejadian itu? Apa yang pasti apabila kejadian itu berlaku orang awam lebih tertarik mengenali ahli tasawuf berikut daripada mengenali alat (zikir) yang digunakan untuk menerbangkan kubah.

Begitulah rakusnya manusia dalam menghargai kejadian, sedangkan zikir itulah punca objek kubah itu terbang. Dan ahli tasawuf itu hanya sebagai “Pengguna” alat tersebut.

Begitu juga apabila kita melihat orang kaya menaiki sportcar, apa yang disanjung ialah pemandu sedangkan pencipta sportcar yang bertungkus lumus menghasilkan teknologi dilupakan malah tidak diendahkan langsung.

### **Kecepatan Pemindahan Objek Dengan Zikir**

Sekiranya ahli tasawuf itu boleh memindahkan Kubah dengan melayang-layangkannya, apakah ia mampu mengubah kubah itu dengan lebih cepat, lebih pantas atau kurang dari satu saat?

Jawapannya , **Ya**.

Ia bergantung kepada kaedah penggunaan zikir, cara ia diniatkan, siapa yang mengucapkannya dan **martabat kesufian seseorang** itu. Atau lebih ringkasnya anda perlu



mempelajari ilmu tarekat tasawuf (sufi) untuk mendapat pelbagai kaedah dan pelbagai kegunaan zikir.

### **Kebenaran Teknologi Asif Bin Baqriya**

Teknologi yang dimiliki oleh Asif bin Baqriya bukanlah dicipta dan dimiliki oleh beliau seorang. Teknologi memindahkan objek ini dipunyai oleh semua ulama tasawuf dan semua ulama'-ulama' bidang ini tahu selengkapnya tentang eksperimen jenis ini.

Kemampuan Asif ada diceritakan di dalam kitab-kitab karangan ulama' Tanah Melayu. Malah Asif amat terkenal akan kekuatan batinnya melebihi kekuatan Ifrit.

Pertandingan kekuatan membawa istana Balqis bukanlah pertandingan pertama, sebelum itu telah pun berlakunya pertandingan menyelam di laut dalam antara Ifrit dan Asif.

Selain Asif, terdapat seorang ulama dari Pattani yang memilikinya. Ulama tasawuf termasyur itu ialah Syeikh Daud Abdullah al-Fatani yang berasal dari Pattani, Selatan Thai. Beliau adalah ulama' termasyur yang mengarang banyak kitab. Kitab-kitab karangannya adalah yang terbanyak dicetak di Malaysia dan Indonesia.

Antara kitab termasyurnya ialah *Muniyatul Musolli*, *Bulaghatul Mahram*, *Fawaid* dan sebagainya.

### **Eksperimen Pemindahan Barang oleh Syeikh Daud Abdullah**

Saya gunakan perkataan **eksperimen** agar ia kelihatan terkini dan segar. Biasanya kejadian pelik yang dilakukan oleh seseorang Islam yang berpakaian jubah dan serban akan diandaikan sebagai sihir dan mistik.

Sedangkan kejadian pelik yang dilakukan oleh orang barat yang berkot dan bertali lahir akan dipanggil eksperimen atau ujikaji. Begitulah sikap masyarakat Islam sekarang berat sebelah terhadap agama sendiri.

Syeikh Abdullah al-Fatani sudah terkenal dengan karamahnya sebagai ulama' dan kekasih Allah. Tidak hairanlah apa yang dihajatkan akan tercapai dalam sekelip mata.

Dalam buku karangan allahyarham Wan Mohd. Abdullah Saghir berkenaan Biografi Ulama Nusantara, beliau menjelaskan tentang suatu kejadian karamah (future technology) yang dilakukan oleh Syeikh Daud.

Untuk melengkapkan ilmu tasawufnya, beliau dan seorang rakannya telah mengembara ke Afrika Utara kerana dikatakan di sana terdapat seorang ahli tasawuf yang terkenal. Sesampainya mereka berdua berjumpa orang alim tersebut, ulama' Afrika itu menguji dahulu kealiman keduanya.

Ulama' Afrika itu meminta Syeikh Daud Abdullah 'menghadirkan' buah tembikai di hadapan ulama' tersebut. Setelah melakukan solat sunat, dan berdoa, maka muncullah tembikai dari Tanah Melayu itu di hadapan

Syeikh Afrika tersebut dan yakinlah syiekh itu akan kealiman Syeikh Daud Abdullah al-Fatani.

### **Perbezaan Tahap Teknologi Ahli Tasawuf**

Ahli tasawuf juga memiliki perbezaan karamah mengikut tahap kewalian masing-masing. Jika dilihat kepada 3 individu yang telah dibincangkan sebelum ini iaitu

- Asif Bin Baqriya (Ahli Kitab Zaman Nabi Sulaiman)
- Syeikh Daud Abdullah (Zaman Kesultanan Melayu)
- Kiyai-Kiyai di Pulau Maluku (tahun 2008 )

Kecepatan objek berpindah berbeza mengikut taraf ulama'-ulama' dan martabat kewalian. Berdasarkan tiga individu di atas, Ahli Kitab zaman Nabi Sulaiman itu adalah paling ekstrem teknologinya. Manakala Syeikh Daud juga menghampiri kemampuan tetapi masih perlu mengambil masa untuk bersolat sunat.

Manakala Kiyai-kiyai di Pulau Maluku pula mengambil masa agak lama dan terpaksa pula mengumpul 3000 orang kiyai untuk memindahkan objek. Namun begitu, kiyai-kiyai mampu melakukan sama juga seperti Asif bin Barqiya jika mereka berkehendak.

Kesimpulan teknologi di atas ialah kesemua mereka mengambil ilmu tasawuf itu dari kitab Allah.

*Bolehkah Kita Mempelajarinya?*

Sekiranya teknologi ini benar-benar boleh dipelajari dengan mudah dan dimiliki oleh orang bukan Islam, maka

hancurlah dunia kerana bom nuklear tidak perlu lagi alat pelancar, hanya perlu dihilangkan dan dimunculkan sahaja di tempat musuh.

Dan jika benar teknologi ini akan dimiliki orang bukan Islam maka tidak perlulah Dajjal bersusah payah ke Makkah untuk mengepung dan membunuh Isa Ibnu Maryam.

Teknologi tasawuf adalah hadiah khusus dari Allah kepada umat Islam untuk mencapai kemenangan peperangan akhir zaman.

Kita boleh mempelajari ilmu tasawuf ini dengan menyertai tarekat-tarekat yang dipimpin ulama'-ulama' mursyid. Di Malaysia ada beberapa tempat yang masih wujud tetapi tidak dihebahkan kerana bimbang masyarakat menganggap ia ajaran sesat.



Syeikh Abdul Lathif Tambi Al-Malakawi  
(1288 H/1872 M- 1358 H/1939 M)



(Gambar kanan) *Habib Ahmad Bin Hamid al-Kaff*  
*Waliyullah*

Tarekat ini paling banyak di Pattani, Selatan Thai dan di Indonesia sendiri.

## **Kesimpulan**

Saya amat berkeyakinan tidak akan sesekali Allah membenarkan teknologi ini dimiliki oleh Al-Masih Ad-Dajjal. Dan [Dajjal](#) sendiri tahu ia tidak mampu mengatasi teknologi ini dan seperti yang saya sebut dalam artikel sebelum ini, cara Dajjal menghapuskan teknologi ini ialah dengan membunuh ulama'-ulama' tasawuf.

Atau dengan cara terbaik menghapuskan sistem pengajian pondok yang mana kitab tasawuf adalah kitab wajib dipelajari khususnya kitab **Syarah Hikam**. Kita sendiri dapat melihat bagaimana kurangnya minat ibu bapa sekarang menghantar anak ke sekolah-sekolah agama rakyat.

## **Senarai nama selebriti Yahudi**

**August 7, 2007 ·**

Rakyat Malaysia terutamanya artis-artis kita tidak mengetahui apa yang mereka buat. Dalam soal sembahyang usah ditanyalah apatah lagi perkara ibada lain. Namun yang menyedihkan ialah golongan inilah yang menjadi tukang promosi kelompok-kelompok Yahudi tanpa mereka sedari. Mudah-mudahan dengan melihat senarai di bawah ini artis-

artis dan peminat-peminat dunia hiburan akan sedar siapa yang mereka sanjung itu.

## **Senarai Artis Terkenal Berbangsa Yahudi**

1. **Barry Manilow** — Rolling Stone Magazine named Barry 'The Showman Of Our Generation'.
2. **Susanna Hoffs** — Lead singer of the girl group 'The Bangles'.
3. **Bob Dylan** — 'changed the face of rock and roll forever'.
4. **Al Jolson** — 1920's Broadway singer: Baby Face, Sonny Boy, My Mammy and Carolina In The Morning...
5. Lou Reed — lead singer of velvet underground, groundbreaking 60's band, connections to andy warhol
6. Billy Joel — Grammy award-winning singer/songwriter ('Just the way you are', 'Uptown Girl', 'Piano Man')
7. Marc Bolan — (born Mark Feld) was the guitarist/vocalist of the rock band T. Rex.
8. **Elvis Presley** — The King of Rock and Roll - yes, the King has unbroken Jewish maternal ancestry.

9. Barbra Streisand — The first performer to win an Oscar(2), Emmy(4), Tony(1), Grammy(10) and Golden Globe(10) Awards.
10. Neil Diamond — 36 years of powerfull music and still going strong!
11. **Craig David** — The popular soul sensation from Southampton, England.
12. Evan and Jaron Lowenstein — Successful Pop Stars (They are twins.)
13. Paula Abdul — Grammy/Emmy award winning Singer, Dancer, Choreographer
14. Bette Midler — Singer and Actress: 'The Rose', 'The First Wives Club', 'Beaches', 'Down and Out in Beverly Hills'
15. Beastie Boys — The first caucasian rap group.
16. David Lee Roth — Former front man of the Mighty Van Halen, and solo artist
17. Paul Simon — One of the finest songwriters of our time: Sounds of Silence, Bridge over Troubled Water
18. Art Garfunkel — Singer and Songwriter: Scarborough Fair, Feelin' Groovy, Mrs. Robinson, The Sound of Silence.

19. Carole King — singer/songwriter of numerous hits like 'You're Got a Friend,' 'Locomotion' and 'Up on the Roof'.
20. Phish — popular band, grateful dead cover band.
21. Mick Jones — Lead guitarist for the best rock 'n' roll band ever, the Clash.
22. Gene Simmons — Bass, Lead Vocals for the rock band 'KISS'.
23. Gavin Rossdale — Lead singer of British rock group Bush.
24. Jakob Dylan — Lead Singer of 'The Wallflowers' and Bob Dylan's Son.
25. Leonard Cohen — songwriter, poet, novelist and singer.
26. Paul Stanley — Lead singer for the rock band Kiss.
27. Beck Hansen — the Grammy-winning pop star.
28. Raoul Journo — Popular Tunisian singer & oud player.
29. Lenny Kravitz — singer. 1999 Grammy: Best Male Rock Vocal Performance.
30. K.D. Lang — Country rock singer from Canada.



31. Adam Duritz — Lead singer for the alternative band Counting Crows.
32. Dana International — Israeli transsexual Eurovision winner.
33. Randy Newman — Singer/Composer:  
12 Academy Award nominations, 'Short People', 'Mama Told Me Not To Come'.
34. Salima Pasha — Most popular female Iraqi singer since the early 1930's (Salima Murad).
35. Phranc — self-proclaimed 'all-American Jewish lesbian folk singer'.
36. Perry Farrell — lead singer of Jane's Addiction.
37. Justine Frischmann — Elastica's Jewish frontwoman.
38. Danny Elfman — Lead singer for 'Oingo Boingo'.
39. Lisa Loeb — the first unsigned artist to top the American charts.
40. Mel Torme — Silken-voiced pop and jazz singer and actor: The Christmas Song (Chestnuts roasting in an open fire).
41. Joseph Schmidt — pre ww2 tenor in Germany, died Switzerland during the war.
42. Yves Montand — Famous French Actor/Singer.

43. Arlo Guthrie — singer/composer of 'Alice's Restaurant'.
44. Dinah Shore — Singer, actress and tv personality.
45. Friedrich Schorr — Leading Wagnerian bass-baritone of the 1920s and 1930s.
46. Lainie Kazan — Actress and Singer: My Favorite Year, Beaches.
47. Beverly Sills — vast opera career, performing over 90 opera roles.
48. Theodore Bikel — Actor, singer, linguist, storyteller, activist.
49. Christopher Baron — Lead singer of the 'Spin Doctors'

### Pereka Fesyen

1. Calvin Klein — Famous Clothes Designer (brand of clothing)
2. Ralph Lauren — (Ralph Lipshitz) world famous fashion designer. (brand of clothing)
3. Pauline Trigere — 1940s-50s fashion designer, she created the first reversible coat.

4. Levi Strauss – Levis Brand, Inventor of Blue Jeans, the quintessential American garment.
5. Isaac Mizrahi — fashion designer, starred in Unzipped.
6. Kenneth Cole — Fashion Designer who's married to Mario Cuomo's daughter

Ahli Kumpulan Pop Rock, Alternatives dan Hard Rock

1. Hillel Slovak — Late guitarist for Red Hot Chili Peppers
2. Rob Bourdon — Drummer in Linkin Park
3. Brad Delson — Guitarist in Linkin Park.
4. Mark Knopfler — rock musician; leader of the British band Dire Straits.
5. Peter Green — Founder of Fleetwood Mac, British blues master.
6. Artie Shaw — Jazz Musician, Bandleader, Author.
7. Joey Ramone — Leader of The Ramones; key role in 'Rock 'n Roll High School' movie.
8. Slash — lead guitarist for Guns'n Roses.

9. Gil Shaham — One of the most renowned violinists today.
10. Itzhak Perlman — Grammy-winning Violin soloist and Klezmer fiddler.
11. Max Weinberg — Drummer for Springsteen and musical director for Conan O'Brien.
12. Isaac Stern — last great violin virtuosos of his generation.
13. Guster — A happy frappy Bob dylan sounding band on happy frappy folk mission.
14. Adam Gaynor — Matchbox Twenty rhythm guitarist & back-up singer.
15. Herb Alpert — leader and trumpeter of Tijuana Brass, Producer and founder, A&M Records.
16. Stan Getz — Jazz Tenor Sax player most famous for The Girl from Ipanema.
17. Joshua Redman — Jazz Tenor Saxophone Player.
18. Gene Simmons — Bass, Lead Vocals for the rock band 'KISS'.
19. Jascha Heifetz — One of the greatest violinists of the 20th century.

20. Yehudi Menuhin — Great Jewish violinist of the 20th century.

21. Paul Shaffer — Musical director & band leader for SNL. 'Late Night With David Letterman'

22. Kenny G. — (Gorelick) popular lite jazz saxophonist.

23. Jon Moss — drummer, Culture Club, the Damned. 24. Benny Goodman — Jazz Musician, clarinetist, bandleader.

25. John Zorn — A diverse New York based composer\saxophone player, known for his bizarre and eccentric style.

26. Percy Faith — Pianist, arranger, conductor and composer.

27. Dee Snider — Twisted Sister frontman, now actor/director ('Strangeland').

28. The Frogs — influential grunge/punk band. Their music covered by Pearl Jam.

29. Anton Rubinstein — 19th century Russian pianist and composer. As pianist, considered second only to Liszt.

30. Lee Konitz — jazz musician, saxophonist, bandleader.

31. Fanny Mendelssohn Hensel — Sister of Felix; pianist and composer

Terdapat banyak lagi senarai bintang-bintang terkenal lain seperti penerbit filem, pelawak dan ahli-ahli sukan. Harap di lain masa penulis akan dedahkan.

## **Teori Penguasaan Hujan oleh Dajjal**

**August 13, 2007 ·**

**Hadith Berkaitan...**Kata Rasulullah s.a.w lagi: *"Di antara tipu dayanya juga dia suruh langit supaya menurunkan hujan tiba-tiba hujan pun turun. Dia suruh bumi supaya mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya tiba-tiba tumbuh. Dan termasuk ujian yang paling berat bagi manusia, Dajjal itu datang ke perkampungan orang-orang baik dan mereka tidak me-ngakunya sebagai Tuhan, maka disebabkan yang demikian itu tanam-tanaman dan ternakan mereka tidak menjadi. "Dajjal itu datang ke tempat orang-orang yang percaya kepadanya dan penduduk kampung itu mengakunya sebagai Tuhan. Disebabkan yang demikian hujan turun di tempat mereka dan tanam-tanaman mereka pun menjadi..."*

## **Keupayaan Dajjal**

Keupayaan Dajjal dapat diringkaskan seperti berikut:

- Dapat mengarah **langit** menurunkan hujan secara spontan
- Dapat mengarahkan **bumi** mengeluarkan tumbuh-tumbuhan
- Dapat menyebabkan **tanam-tanaman** dan **binatang ternakan** tidak menjadi.

Nabi Muhammad SAW telah menjelaskan keupayaan Dajjal yang amat dasyat ini adalah tergolong dalam bentuk “fitnah” paling besar di akhir zaman kelak. Keupayaan Dajjal mengalihkan perjalanan hukum bumi dari Barat ke Timur diakui oleh Nabi dalam banyak hadith-hadith sahih yang diriwayatkan oleh banyak imam-imam yang muktabar.

Sebagai umat Islam adalah wajib kita mengimani apa yang dinyatakan Rasulullah SAW, disamping itu wajarlah kita meluaskan ruang pemikiran kita tentang keupayaan Dajjal yang paling hebat ini.

### **“Menerbitkan Matahari Dari Barat”**

#### **Teori 1 : Pembinaan Mega Studio Tanpa Dinding dan Wayar**

Pelan kasar penyelidikan untuk mengalihkan peredaran bumi sudah dilakar sejak beratus tahun. Cuma hasil dan kemajuannya baru nampak kini. Konsep utama teknologi

gelombang satelait enam penjuru dapat dilihat pada logo fahaman Cabbala atau ritual ibadat gerakan Illuminati.

## **Pengalihan Hukum Peredaran Bumi**

Bumi berputar setempat dengan kelajuan 1000 km/j dari arah Timur (terbit matahari) ke arah Barat (terbenam matahari) dan melakukan pusingan mengelilingi matahari dengan kelajuan 65,000 km/j. Dengan kelajuan yang luar biasa itu amat menakjubkan objek-objek di bumi tidak pula terpelanting keluar. Objek di bumi pula ditarik rapat ke bumi dengan bola graviti yang berada di tengah-tengah perut bumi.

Untuk membuatkan bumi berputar ke arah berlawanan maka 3 perkara perlu dilaksanakan iaitu Menghentikan Putaran, Memutarkannya Semula dan Mengekalkan Putaran.

Penulis percaya bahawa hukum ini **tidak boleh dipecahkan** kerana ia sudah masuk peringkat kiamat akhir. Dajjal menyedari hal ini (Dajjal juga mengkaji “**al-Quran**” untuk tujuan memesongkan umat Islam), dan si laknat itu masih mahu meneruskan hawa nafsunya yang sering mendesaknya menandingi kuasa tuhan. Dia mahukan kuasa seperti tuhan, dia mahu kuasa menurunkan hujan, kemarau, ribut, banjir, gempa bumi berada di tangannya.

Jalan yang paling mudah ialah membina studio besar tanpa dinding yang boleh menggerakkan sesuatu unit sebagai agen tiruan. Unit-unit tiruan itu ialah awan tiruan, langit tiruan, matahari tiruan, kilat tiruan, puring beliung tiruan



dan bermacam-macam lagi lagi perkara tiruan. Ingatkah kita kepada pesan Rasulullah SAW dan nabi-nabi sebelumnya iaitu “berwaspadalah dengan fitnah-fitnah yang dibawa oleh Dajjal”. Pernahkah kita mengkaji perkataan fitnah itu. Apakah takrifan bagi fitnah? Kenapa nabi tidak mengguna perkataan *menyerang* atau *memaksa* atau *membunuh*?

Kita tinggalkan dahulu perkataan **FITNAH** itu (akan dibincangkan di bab yang lain).

Semua unit-unit tiruan ini perlu disediakan di seluruh bumi (mustahil juga, mampukah Dajjal berbuat demikian?). Selepas disediakan, unit-unit ini mestilah telah siap dipasang di sesuatu tempat agar mudah Dajjal mengarahkan cuaca berubah melalui arahan suara. (rujuk artikel [rumah pintar](#), arahan melalui suara).

Dengan tersedianya semua unit tiruan ini, maka Dajjal akan mudah ke mana-mana tempat untuk dia berdakwah, yakni dalam erti kata lain, dimana-mana sahaja dia berada maka Si Laknat itu mampu memberikan arahan kepada “medium elektronik yang siap dipasang”, dan berlakulah keadaan cuaca seperti yang dikehendaki. (Rujuk artikel berkenaan “[Rumah Salji](#)” di Malaysia)

### **Pelan Persediaan Unit-Unit Tiruan oleh Dajjal**

Pelan tindakan menyediakan semua perkakasan-perkakasan amat kompleks dan memerlukan suatu perancangan yang rapi. Ini termasuklah memastikan setiap penjuru bumi dilengkapi kelengkapan yang canggih, yang mana

kelengkapan itu berupa suatu bentuk yang tidak disadari manusia bahawa ia adalah kelengkapan pembinaan studio gergasi.

Pembinaan studio gergasi ini harus dilakukan tanpa disadari manusia akan cara ia berfungsi agar Dajjal dapat menipu (memfitnah) semua manusia bila ia keluar nanti. Sebelum melaksanakan tugas besar ini, yang obejktifnya adalah **“Dajjal mampu mewujudkan cuaca, mengalihkan matahari, kesuburan tanah dan ternakan”**, suatu bentuk eksperimen perlu dijalankan secara kecil-kecilan (pilot project).

Lokasi terbaik melakukan eksperimen ini ialah studio Hollywood yang serba canggih itu yang menjadi syurga semua manusia tanpa iman dalam dunia. Kita sudah sedia maklum akan siapa Lembaga Pengarah Hollywood iaitu seorang Yahudi yang ekstremis.

Hollywood amat sesuai untuk suatu projek percubaan sebelum suatu projek sebenar berjalan. Menyelami projek percubaan (trial project) amat penting bagi kita kerana kunci projek mega Dajjal untuk menjadi tuhan akan terbongkar sedikit demi sedikit.

Ya! Benar ada yang mengatakan *“Buat apa susah-susah nak fikir, biarlah semua tu terjadi, Dajjal memang akan muncul, Allah dah tetapkan, kita tak boleh buat apa. Kalau kita tahu rahsia Dajjal sekali pun Dajjal tetap akan menjadi orang jahat dan menentang Nabi Isa dan Imam Mahdi.”* Ya benar, ianya semua takdir Allah. Jika itulah

hujah yang kita guna untuk tidak mahu berfikir dalam hal ehwal Dajjal maka hujah di bawah ini adalah lawannya.

Menaiki motosikal dalam keadaan tidak bertopi keledar adalah amat bahaya dan semua orang mengetahuinya. Jika jadikan 'takdir' sebagai alasan untuk tidak mahu berfikir mengapa kita memakai topi keledar semasa menunggang motosikal, polis bukannya ada selalu di jalanraya, bukankah jika Allah berkehendak untuk ia mati, di mana pun ia boleh mati. Oleh sebab itu, jika orang bertanya kepada kita "*Ali mengapa tidak memakai topi keledar, bahaya nanti boleh mati?*" Kita sepatutnya menjawab "*Takpelah Mat, mati adalah takdir tuhan*". Tetapi realitinya kita tidak menjawab begitu malah kita sendiri memakai topi kerana takut mati atau cedera. Tindakan memakai topi adalah tindakan berjaga-jaga agar kita "tidak ditakdirkan dalam golongan yang tercedera".

Samalah juga dalam hal ehwal Dajjal, berfikirlah untuk tidak tergolong dalam kelompok yang termakan fitnah Dajjal.

Berbalik hal studio mega tadi, kita perlu melihat statistik studio Yahudi ini dalam menghasilkan filem-filem berkaitan keadaan cuaca, perubahan alam, gempa bumi, ledakan nuklear, banjir dan sebagainya. Perkara yang perlu dikaji ialah;

- bilangan filem yang dihasilkan.
- Siapakah pengarah dan penulis skrip (adakah mereka anggota illuminati atau freemason atau kelompok

rahsia lain atau sekurang-kurangnya mereka berbangsa Yahudi seperti Steven Spielberg)

- Melihat plot atau kronologi cerita tersebut.
- Konsep yang digunakan dalam mencetuskan bencana alam tiruan.

## **Rahsia Simbol PEACE**

**August 7, 2007 ·**

### **Logo PEACE**

Simbol ini berasal dari simbol syaitan yang diamalkan semasa upacara keagamaan Yahudi. Simbol ini telah digunakan oleh Yasser Arafat (Bekas Presiden Palestin), Richard Nixon (Bekas Presiden Amerika) dan Winston Churchill (Bekas Presiden Amerika).

Lambang  
kedamaian  
pada tangan  
sebenarnya  
simbol  
gerakan

Illuminati. Tanda "v" mempunyai pelbagai sejarah. V (tanda tangan) adalah tanda huruf Roman yang bermaksud nombor 5 dan Adam Weishaupt menggunakan simbol ini dalam gerakan rahsianya iaitu Illuminati (pertubuhan Yahudi). Ahli-ahli Illuminati akan menggunakan simbol ini sebagai tanda "Law of Fives" (Hukum Lima).


Di dalam tulisan Yahudi, huruf V (Van) bermaksud 'Nail' (Kuku). The Nail adalah salah satu tanda rahsia Syaitan yang digunakan dalam upacara penyembahan berhala. Syaitan ingin membiarkan kita tahu bahawa itu adalah tanda kegemarannya. Anton Lavey, pengasas Church of Satan (Gereja Syaitan), menggunakan simbol PEACE sebagai latar belakang mimbar upacara penyembahannya. Salah seorang penyelidik menegaskan, simbol PEACE adalah dari simbol kumpulan Yahudi yang anti Kristian (antiChrist). Mereka mengambil salib kristian dan mematahkannya ke atas dan menerbalikkannya ke bawah. Tanda 3 palang yang menghala ke bawah membawa maksud ; Past (Palang kanan), Present (Palang tengah) dan Future (Palang kiri)

Gambar sebelah kiri adalah simbol yang telah diubahsuai dan digunakan sekarang, gambar tengah adalah cabang asal 3 rukun gerakan syaitan atau kedamaian oleh syaitan dan gambar sebelah kanan adalah logo asal kumpulan Gereja Syaitan. Lihat gambar kecil berbentuk bunga di atas palang, ia adalah logo nazi. Penulis akan menghuraikan berkenaan logo dan gerakan NAZI di lain waktu.

**Kurt Cobain (Nirvana): Bunuh Diri atau Dibunuh?**

August 27, 2007 •

## Penguasaan Illuminati (melalui CIA) dalam dunia Hollywood



Mungkin anda mengetahui mengenai **Kurt Cobain**, bekas penyanyi kumpulan alternatif terkenal **Nirvana**. Berita gempar mengenai kematian Kurt Cobain pada 4 April 1994 mengejutkan semua pihak terutamanya peminat-peminat setianya. Kematianannya berlaku ketika beliau mencapai

tahap populariti kemuncak dalam dunia muzik antarabangsa.

Punca kematian Kurt Cobain dilaporkan oleh media massa Amerika sebagai '**bunuh diri**' (suicide). Namun begitu, setahun selepas kematiannya itu timbul pelbagai khabar-khabar angin tentang kematian Kurt. Khabar-khabar angin itu kelihatan lebih jelas dengan beberapa bukti diketemukan oleh beberapa orang penyiasat persendirian.

Salah seorang penyelidik sosial Stewart juga seorang ahli muzik, percaya bahawa Kurt Cobain tidak membunuh diri tetapi dibunuh. Berita media mengenai punca kematian Kurt sebagai bunuh diri adalah PALSU. Stewart juga mendakwa bahawa Kurt dibunuh oleh seseorang, berkemungkinan seorang anggota Mafia yang juga pernah mengugut anggota-anggota Nirvana kerana enggan membayar wang perlindungan.

Khabar angin lain pula mengatakan cerita bunuh diri Kurt hanya direka-reka. Kurt dikatakan masih hidup dan menikmati kehidupan yang selesa di luar Amerika. Khabar angin itu juga menyebut, penyanyi tersebut pernah dilihat berjalan-jalan di bandar Rio De Jenario dan Paris. Selain itu, Kurt juga didakwa pernah dilihat di Disobey Club, di bandar London, dipanggung-panggung wayang serta di Festival Hackney Homeless. Selain itu, salah seorang peminat mendakwa pernah menjumpainya membeli-belah di supermarket Kwik Save, bandar Canning.

Cerita yang paling boleh dipercayai ialah berkenaan Kurt Cobain mati kerana ia menjadi eksperimen CIA. Salah



seorang yang terlibat dengan eksperimen CIA ini cuba menghubungi Stewart bagi mendedahkan perkara-perkara yang sebenar. Stewart bersetuju berjumpa dengan individu tersebut di Gereja Temple, Fleet Street. Stewart memberitahu lelaki yang berjumpa dengannya itu sangat muda tetapi kelihatan seperti ketakutan semasa duduk di sebelahnya. Menurut lelaki muda itu, CIA terlibat secara langsung dan mengambil berat tentang pengaruh-pengaruh muzik popular ke atas golongan muda. Hal itulah yang menjadi punca kepada pembunuhan penyanyi-penyanyi terkenal sebelum ini seperti Brian Jones, John Lennon dan Jim Morrison.

Menurut lelaki muda itu lagi, pihak CIA sentiasa memastikan bahawa corak muzik dan lirik yang dibawa penyanyi atau kumpulan mestilah mengekalkan nilai-nilai sentimen perkauman, sifat benci terhadap warna kulit yang berbeza dan pengekalan jurang hubungan sesama kaum. Dalam kes Nirvana ini, khususnya Kurt Cobain, beliau mungkin disyaki tidak mengikut landasan yang dikehendaki oleh CIA sebagai mana yang dipersetujui bersama.

Informer itu juga memberitahu Stewart bahawa penyanyi-penyanyi telah diracuni pemikiran mereka untuk melakukan '**tindakan bunuh diri**' ketika di saat kemuncak populariti. Semua ini kerana CIA mahu memastikan para peminat bersimpati kepada penyanyi tersebut dan terus menerus mendengar muzik-muzik yang dinyanyikan penyanyi tersebut walaupun penyanyi atau band itu telag berkubur.

Kebenaran ini dapat dilihat kepada beberapa kumpulan rock zaman dahulu dan sekarang yang masih digemari ramai dan album-album mereka masih dibeli oleh kebanyakan peminat misalnya Elvis Presly dan The Beatles.

Persoalan yang boleh ditimbul sekarang, adakah tembakan itu datang dari tangannya sendiri? Laporan paling lengkap mengenai tragedi sebenar ini hanya diketahui 9 tahun selepas kejadian itu. Bekas penulis lagu-lagu rock dan penyanyi sebuah kumpulan rock iaitu Max Wallace dan Ian Halperin mendedahkannya dalam buku mereka yang bertajuk *In Love and Death : The Murder of Kurt Cobain*, diterbitkan pada 3 April 2004. Buku mereka ini berjaya mendedahkan teori bahawa Kurt Cobain telah dibunuh (murdered) bukannya bunuh diri (suicide). Teori mereka disokong oleh bukti-bukti siasatan forensik pihak polis daerah Seattle.

Siasatan Wallace dan Halperin mendapati pada masa kematiannya tahun 1994, Kurt Cobain telah meninggalkan isterinya Courtney Love dan menempah dua tiket penerbangan ke Seattle untuk dirinya dan seorang perempuan yang tidak dikenali. Courtney percaya perempuan tersebut adalah teman wanita Kurt.

Hal ini dibuktikan melalui laporan mereka yang mengatakan sejam sebelum kematiannya, Kurt telah hilang dari pusat pemulihan dadahnya di **Los Angelas**, dia didapati telah menghubungi United Airlines untuk menempah tiket penerbangan yang masih belum digunakan sehingga sekarang.

**Wallace dan Halperin** dalam awal siasatan mereka mendedahkan laporan bedah siasat ke atas mayat Kurt yang dikeluarkan **Jabatan Polis Seattle**. Rekod bedah siasat untuk melaporkan Cobain telah mengambil dos heroin yang berlebihan sebelum membunuh diri dengan pistol. Hasil temuramah dengan doktor-doktor bedah siasat itu, mereka percaya seseorang telah memberikan sejenis dadah kepada Kurt, kemudian menunggu Kurt menghisap dadah tersebut hingga khayal dan akhirnya melepaskan tembakan ke arah Kurt. Tiada tanda atau cap-cap jari dikesan pada pistol Kurt Cobain. Namun siasatan rambang mendapati kemungkinan sekurang-kurangnya 3 orang berada bersamanya di bilik itu sebelum ia mati.

Kurt Cobain bukanlah orang pertama yang dibunuh, terdapat berpuluh-puluh lagi artis terkenal yang dibunuh oleh agen-agen Illuminati kerana tidak mengikut arahan pihak mereka. Terdapat banyak pendedahan-pendedahan yang diterbitkan tetapi memandangkan media massa Amerika milik sepenuhnya bangsa Yahudi, maka hal-hal demikian ditutup rapat tanpa diberi sebarang ruang untuk didedahkan kepada masyarakat.

BoodAH pro...

CP 111  
ings from the tongue of an experienced simpleton who obviously  
ther be an emasculated, infantile complainer. This note should  
easy to understand. All the warnings from the punk rock 101  
the years. Since my first introduction to the, shall we say, ethic  
th independence and the embracement of your community has proven  
th. I havent felt the excitement of listening to as well as creating m  
th  
ing and writng for for many years now. I feel good ~~to be~~ ~~in~~  
example I ~~love~~ ~~the~~ ~~music~~ ~~and~~ ~~the~~ ~~lights~~ ~~go~~ ~~out~~ ~~and~~ ~~the~~ ~~music~~ ~~rear~~ ~~of~~ ~~the~~  
is it doesnt affect me the way in which it did for Freddy Mercury who  
love, ~~the~~ ~~relish~~ ~~in~~ ~~the~~ ~~love~~ ~~and~~ ~~adoration~~ ~~from~~ ~~the~~ ~~crowd~~. which is something  
desire and envy. The fact is I cant fool you. Anyone of you,  
Isnt fair to you or me. The worst crime I can think of would be to  
it by faking it and pretending as if im having 100% fun. Sometimes I feel  
have a punch in the clock before I walk out on stage. I've tried everything  
over to to appreciate it (and I do, God, believe me I do, but its not enough,  
is the fact that I and we have affected and entertained a lot of people.  
be one of those ~~people~~ narcissists who only appreciate things when they  
too sensitive. I need to be slightly numb in order to remain the enthusias  
ist as a child. On our last 3 tours I've had a much better appreciate  
& people I've known personally and as fans of our music, but I still cant set  
ation, the joy and ~~empathy~~ ~~I~~ ~~have~~ ~~for~~ ~~everyone~~. There's just ~~no~~ ~~room~~ ~~for~~ ~~all~~ ~~of~~ ~~it~~ ~~and~~  
I love people too much. So much that it makes me feel too fucking sad. The s  
ly love people too much. So much that it makes me feel too fucking sad. The s  
rite, unappreciative, please, Jesus man! why dont you just enjoy it? I dont  
address of a wife who sweats ambition and empathy - and a daughter who re  
is of what I used to be. full of love and joy, missing every person she meets  
me is good and will do her no harm. And that terrifies me to the point to where I  
in, I cant stand the thought of Frances becoming the miserable self destructive,  
that I've become. I love it Good, very Good, and Im grateful, but  
seven ~~we~~ ~~become~~ ~~hateful~~ ~~toward~~ ~~all~~ ~~humans~~ ~~in~~ ~~general~~. Only because it seems  
eople to get along and have empathy. Empathy! Only because I love and feel  
too much I just. Thank you all from the pit of my burning nose  
in your letters and concern during the past years. Im too much of an energetic, more  
~~the~~ ~~empathy~~ ~~any~~ ~~more~~ ~~and~~ ~~so~~ ~~remember~~ ~~its~~ ~~better~~ ~~to~~ ~~burn~~ ~~out~~ ~~than~~ ~~to~~  
04. please love, ~~Empathy~~ ~~Kurt~~ ~~Cobain~~

as and Courtney, I'll beat your altar.  
ease Keep going Courtney

CAPT Randy Khan

for Frances  
for her life which will be so much happier  
without me. I LOVE YOU, I LOVE YOU

Nota bunuh diri Kurt Cobain

Rahsia Hari dan Bulan Masyarakat Barat

**September 6, 2007 ·**

oleh *Ibnuyaacob*

Kelicikan masyarakat Yahudi Kuno yang dipimpin Dajjal laknatullah yang hidup lama itu berjaya mempengaruhi seluruh kehidupan masyarakat dunia dengan dakyah-dakyah sesatnya. Masyarakat dunia khususnya orang Islam dibentuk secara halus untuk memuja tuhan-tuhan berhala Yahudi dan Nasrani.

Kita tidak menyadari bahawa kita hari ini khususnya anak-anak kita sejak berumur 4 tahun lagi sudah mempelajari nama-nama dewa berhala di sekolah. Pengaruh ini tidak disadari oleh masyarakat dunia. Bahasa Inggeris yang kita agung-agungkan adalah bahasa yang cukup simbolik untuk menyemai unsur-unsur berhala. Kerja-kerja Dajjal amat berhasil apabila berjaya menjadikan Bahasa Inggeris bahasa pengantar utama dunia melalui dua konsep iaitu “Penjajahan” dan “Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu”.

Apa yang dinyatakan di bawah ini sudah banyak diketahui umum, cuma penulis ingin meletakkan sekali lagi dalam Blog D' ini sebagai peringatan sekalian mukmin.

### **Pengertian Bulan-Bulan Masehi**

- 1. **Januari** - berasal dari perkataan ‘*Janus*’, iaitu tuhan berhala orang Romawi yang berwajah dua. Sebelah muka melihat ke depan dan sebelah muka melihat ke belakang.
- 2. **Februari** - berasal dari bahasa Latin iaitu ‘*Februo*’ yang bermaksud ‘kesucian’. Biasanya dalam bulan ini

bangsa Romawi mengadakan upacara penyucian jiwa mereka di kuil-kuil seperti mana penganut Hindu membaling tempurung kelapa dalam suatu majlis untuk menghilangkan dosa.

- 3. **Mac** - berasal dari perkataan '*Mars*', iaitu salah satu tuhan berhala Romawi.
- 4. **April** - berasal dari bahasa latin iaitu '*Aperto*' yang bererti 'terbuka' atau 'berkembang'. Dalam bulan ini biasanya bunga-bunga akan berkembang mekar. Orang Saxon\* menggelar bulan ini sebagai Easter\* kerana menghormati tuhan musim panas (summer).
- 5. **Mei** - berasal dari perkataan '*Maia*' iaitu nama puteri dari dewa bangsa Romawi bernama '*Atlas*'.
- 6. **Jun** - berasal dari perkataan '*Juno*', salah satu tuhan orang Romawi.
- 7. **Julai** - berasal dari bahasa latin iaitu nama pemerintah '*Julius Caesar*' yang kemudiannya diubah menjadi bulan ke tujuh.
- 8. **Ogos** - berasal dari nama pemimpin Rom iaitu '*Caesar Augustus*' bermakna bulan ke lapan zaman Rom. Sebelum itu ia bernama '*Sextilis*' (bulan ke enam) mengikut kalendar bangsa Romulus.
- 9. **September** - berasal dari perkataan '*Septem*' yang bererti tujuh. Pada asalnya ia adalah bulan ke tujuh tetapi kemudiannya telah diubah menjadi bulan ke sembilan.
- 10. **Oktober** - berasal dari perkataan '*Octo*' yang bererti lapan tetapi telah diubah menjadi bulan yang ke sepuluh.

- 11. **November** - berasal dari bahasa latin iaitu ‘*Novem*‘ yang bererti sembilan. Tetapi ianya telah diubah menjadi bulan ke sebelas.
- 12. **Disember** - berasal dari bahasa latin ‘*Decem*‘ yang bererti ‘sepuluh’ tetapi kemudiannya telah diubah menjadi bulan yang kedua belas.

### **Nama Asal Hari-Hari Masehi**

- 1. **Sunday** - berasal dari perkataan ‘Sun’s Day’ ertinya matahari.
- 2. **Monday** - berasal dari perkataan ‘Moon’s Day’ bererti hari bulan.
- 3. **Tuesday** - berasal dari perkataan ‘Day of Tyr’ sempena hari dewa perang masyarakat Rom bernama ‘Tyr’.
- 4. **Wednesday** - berasal dari perkataan ‘Woden’ nama salah satu dewa suci Rom.
- 5. **Thursday** berasal dari perkataan ‘Day of Thor’ sempena nama dewa Rom iaitu ‘Thor’ yang bermakna ‘Dewa Halilintar’.
- 6. **Friday** - berasal dari perkataan ‘Day of Freya’ iaitu Dewa Hari Perkahwinan orang Rom yang bernama ‘Freya’.
- 7. **Saturday** - berasal dari perkataan ‘Saturnus’ yang bererti bintang ‘Saturnus’ mengikut kepercayaan orang Romawi.

### **Mengapa Bahasa Orang Romawi dijadikan Rujukan Utama.**

Bahasa asal bahasa Inggeris adalah berpusat dari bahasa latin yang menjadi bahasa rasmi utama masyarakat Romawi serta Athens di bumi Greek. Pada zaman dahulu, pemerintah dan kerajaan Rom amat digeruni oleh masyarakat dunia sebelum Islam berjaya menewasakan mereka. Masyarakat kerajaan Rom terkenal dengan pemerintah Julius Caesar dan Hercules manakala masyarakat kerajaan Athens terkenal dengan cendekiawan terkenal iaitu Socrates, Aristotle, Plato dan lain-lain.

Perlu diingat bahawa dalam masyarakat kedua-dua kelompok ini terdapat juga antara mereka yang berbangsa Yahudi dan mengamalkan ajaran Yahudi bermazhab Cabbala secara sembunyi-sembunyi, khususnya cendekiawan bernama Plato.

Masyarakat Eropah dan Amerika sekarang menjadikan Greek sebagai pusat ketamadunan mereka. Sebarang ilmu yang mereka peroleh atau yang mereka cipta akan cuba dipaksakan daripada bahasa latin dan beberapa tokoh Greek walaupun kadang-kala ilmu-ilmu yang mereka cipta itu hanya ciplak sahaja dari sarjana Islam.

Misalnya disiplin ilmu 'Psikologi' yang sekarang banyak diajar di universiti-universiti seluruh dunia termasuk negara Islam. Semua sarjana Yahudi dan Nasrani meniplak ilmu ini dari sarjana Islam hampir keseluruhan kaedah pembelajarannya. Apakah yang mereka lakukan.

Disiplin Psikologi mula diperkenalkan secara komersil pada 1596 M oleh Descartes manakala dalam dunia Islam disiplin ini diperkenalkan pada 950 M oleh Abu Nasr al-



Farabi di dalam bukunya yang bertajuk “*Opinions of the Citizens of Uthopia*“. Kemudian disiplin ini mula dikembangkan oleh beberapa tokoh Islam yang lain yang pastinya hidup sebelum Descartes dilahirkan, antara tokoh lain ialah :

- - Ibnu Sina (meninggal pada 1037 M) yang menulis kitab bertajuk “*The Moods of Psyche*” dan “*Hints and Notices*”.
- - Imam al-Ghazali (meninggal pada 1111 M), menulis kitab berkaitan jiwa iaitu ‘*Ihya Ulumuddin*’. Beliau juga telah merancang pengajian psikologi yang dinamakan Sains Rawatan.

Untuk menngkhaburi mata masyarakat dunia, golongan Yahudi dan Nasrani memberikan nama disiplin berkaitan jiwa ini kepada nama ‘**Psikologi**’, yang berasal dari perkataan ‘*Psychos*’ (Jiwa) dan ‘*Logos*’ (kajian), yang bermaksud kajian jiwa. Nama-nama tokoh-tokoh Islam tidak disebut langsung dalam mana-mana buku teks universiti jika penulis buku itu adalah masyarakat barat.

Permasalahan di atas telah pun dibincang dalam *Persidangan PengIslaman Ilmu-Ilmu Moden* yang dianjurkan oleh Universiti King Abdul Aziz, Universiti Jeddah dan Universiti Mekkah bertempat di Makkah pada 1977. Seramai 315 orang cendekiawan Islam termasuk pensyarah-pensyarah Malaysia (jika penulis tidak silap) telah hadir.

Wallahu’alam.

## **Jangan Berfikiran Kolot Tentang Dajjal !!**

**September 13, 2007 ·**

Oleh : ibnuyaacob

Pertama kali penulis memohon maaf kerana sudah lebih seminggu tidak post article. Bulan ini agak sibuk kerana terpaksa menghadiri beberapa mesyuarat anjuran Kementerian dan Jabatan Negeri yang masing-masing diadakan di berlainan negeri. Tambahan hotel tempat mesyuarat pula tidak mempunyai internet wireless walaupun 3 dan 4 bintang.

### **Pengenalan**

Umumnya masyarakat Islam atau lebih tepat lagi 98 % berfikiran **kolot** tentang makhluk bernama DAJJAL serta saat-saat kemunculannya. Apakah yang dimaksudkan dengan **KOLOT**? Apakah kaitannya dengan masyarakat Islam?

**KOLOT** bermaksud ‘**jumud**‘ atau **ketinggalan zaman** atau lebih tepat lagi ‘**cara lama**‘. Manakala ‘**Berfikiran Kolot**‘ pula ialah memikirkan sesuatu perkara dengan ‘**cara lama**‘ (old style) dan langsung tidak memperbaharainya. Sebagai contoh, sepasang suami isteri Muslim yang berpendidikan tinggi dan moden mendapati anak mereka sakit demam yang berpanjangan walaupun sudah banyak kali berjumpa doktor. Tanpa berfikir panjang mereka mengesyaki anak mereka terkena **sampuk syaitan** atau **perbuatan orang** yang mana kebetulan juga mereka tidak berapa baik dengan jiran sebelah rumah.

Maka pasangan tersebut telah membawa anak mereka berjumpa bomoh. Memandangkan pasangan tersebut orang kaya, maka adalah sukar seorang bomoh untuk mengatakan 'anak mereka sakit biasa saja', peluang terbaik untuk mendapat income lebih ialah mengatakan 'anak anda kena buatan orang'.

Itulah cara pemikiran kolot orang Islam, sudah belajar tinggi-tinggi masih mencari bomoh yang tiada sijil SIRIM itu. Begitulah juga tentang hal ehwal **Dajjal**. Umat Islam masih memikirkan Dajjal seperti berikut ;

#### A. Gambaran paling kolot !

- Digambarkan bermata satu dan bertanduk serta berbadan besar.
- Digambarkan sebagai raksasa yang ganas.
- Digambarkan seperti raksasa yang berjalan di atas permukaan bumi dan memijak semua rumah-rumah.

#### B. Gambaran kolot !

- Dajjal digambarkan **orang bermata satu** yang datang dengan tentera-tenteranya di atas satu kapal angkasa.
- Dajjal digambarkan **memaksa** setiap orang yang dijumpainya supaya mengaku dirinya sebagai tuhan.
- Dajjal digambarkan suatu manusia yang berperwatakan ganjil dan keadaan fizikalnya yang menakutkan serta suka membunuh semua orang yang dijumpainya.

Setelah berfikiran seperti A dan B, umat Islam secara sendirinya cuba membentuk pula jalan penyelesaian

masing-masing terhadap persoalan, “**apa aku nak buat jika Dajjal datang kepada ku?**”

Berikut pemikiran kolot umat Islam tentang jalan penyelesaian menghadapi Dajjal;

#### A. Penyelesaian **paling kolot** !

- *“Apa aku nak takut! Jika dia paksa aku, aku tetap akan berlawan jika aku mati nanti, aku akan mati syahid macam sahabat nabi“*
- *“Aku akan pastikan tempat persembunyian aku tidak diketahui Dajjal.”*
- *“Aku akan pastikan tempat sembunyi aku di bawah tanah kerana rasaksa Dajjal itu tak boleh nampak dengan jelas”*

#### B. Penyelesaian **kolot** !

- *“Kalau Dajjal suruh mengakui dia sebagai Tuhan, aku akan angguk saja supaya dia tak bunuh aku. Tetapi hati aku tetap akan berniat dia bukan Tuhan, kalau tidak murtadlah aku.”*
- *“Kalau Dajjal paksa aku mengakui dia sebagai tuhan, baik aku ikut sahaja. Lepas tu kalau aku jadi orang dia, aku akan cari peluang bunuh dia.”*

Itulah pemikiran-pemikiran kolot yang dapat penulis kumpulkan. Dan banyak lagi pemikiran kolot yang tak dapat penulis tuliskan kerana terlalu banyak yang merapu dan tidak masuk akal.

**Gaya Berfikir Kolot Memudahkan Kerja Dajjal?**

Jika umat Islam mempunyai fikiran seperti A dan B, manakala jalan penyelesaian juga seperti A dan B, seronoklah Si Laknat itu. Mungkin ada yang memikirkan bahawa Dajjal tidak tahu cara berfikiran kolot di atas. Mana mungkin tidak! Dajjal dimudahkan oleh Allah SWT untuk melakukan kerja-kerja terkutuknya.

Dajjal ditakdirkan Allah untuk mendapat bantuan dari Iblis dan sekutu-sekutu syaitan. Di dalam diri manusia mempunyai nafsu yang sememangnya dikuasai oleh syaitan untuk menyesatkan iman kita. Memandangkan gerak kerja Dajjal dibantu syaitan dan Iblis adalah tidak mustahil apa yang difikirkan manusia dilaporkan oleh syaitan untuk tujuan kajian Dajjal.

Dajjal akan mengumpulkan semua pemikiran manusia untuk dibuat satu kesimpulan yang khusus. Jika sekiranya Dajjal mendapat maklumat bahawa 90 peratus golongan remaja meminati dunia hiburan atau lebih cenderung kepada muzik. Maka Dajjal akan melaksanakan suatu bentuk penyelidikan bagaimana untuk mempengaruhi pemikiran remaja melalui muzik.

Dengan bantuan syaitan ini, Dajjal lebih mudah juga untuk memikirkan bagaimana untuk menerapkan nilai-nilai kesyaitanan dan pemujaan terhadap dirinya melalui muzik dan hiburan. Untuk memaksa manusia menyembah Dajjal secara terang-terangan adalah sukar, kerana masing-masing mempunyai agama sama ada Islam, Kristian, Yahudi atau sebagainya.

Tetapi untuk membuat manusia mengakuinya sebagai tuhan tanpa manusia sendiri sedari adalah suatu perkara yang mudah. Jika aspek hiburan adalah senjata, maka hiburanlah yang perlu kita ambil peduli dan berhati-hati.

Ingatlah wahai saudara-saudara sekalian, raksasa atau makhluk aneh yang anda tunggu-tunggu tidak akan kelihatan sampai bila-bila. Apa yang pasti, yang akan muncul nanti ialah seorang manusia yang kelihatan normal, berpendidikan, prestij, berkaliber dengan gaya ahli politik yang luar biasa. Manusia itu bernama Dajjal. Kenyataan ini telah banyak dibahaskan oleh kebanyakan pemikir-pemikir Islam dan Barat.

Cara ia memunculkan diri dan hari kemunculannya tidak diketahui melainkan konco-konconya yang terdiri dari kalangan pemimpin-pemimpin beberapa negara Eropah, billionaire dan ketua agama Yahudi. Saat ia muncul, semua umat Islam tidak menyedari kerana umat Islam masih memperhatikan manusia yang bermata satu, berbadan besar dan tertulis KAFIR di dahinya. Semua itu tidak kelihatan. Walaupun hadis mengatakan Dajjal dengan ciri-ciri mata satu, berbadan besar tetapi semua itu boleh diubah Dajjal cuma hanya pada keadaan tertentu yang menampakkan ia begitu. Dan itulah tujuan hadis disabdakan, untuk dikaji dan diselidiki bukannya difahami secara luaran sahaja.

Hanya yang dapat mengenali Dajjal adalah konco-konconya dan ulama-ulama yang zuhud yang mana mereka dapat menghidu bau bencana akhir zaman ketika kemunculannya itu.

## **Adakah Hiburan Senjata Ampuh Dajjal ?**

Ya, telah terbukti bahawa dunia berubah-berubah secara serentak dari segi fesyen dan alunan muzik melalui dunia hiburan. Bermula dengan agogo, twist, rock N roll, rock metal, hard rock, rap, reggae hinggalah sekarang ini semuanya berlaku secara serentak. Menghairankan ! Yakni apa yang berlaku di negara maju sama ada cara muzik dimainkan atau cara berpakaian semuanya diikuti oleh negara dunia kedua dan ketiga.

Dan sekarang ini, suatu era baru yang diketengahkan Dajjal melalui konco-konconya di Hollywood ialah ‘hiburan realiti’. Rancangan bercorak ‘realiti’ semakin menular malah lebih cepat dari virus H5N1 (Birdflu) ke dalam umat Islam. Tak perasankah anda? Anda tentu perasan... semua ini dilihat berlaku dengan cepat dan Akademi Fantasia yang penuh maksiat dan fantasi itu menjadi pelopor sebelum Malaysian Idol dibawa masuk. Seperti yang kita ketahui, konglomerat hiburan dalam Malaysia adalah dikuasai bangsa asing termasuklah semua stesen TV (kecuali RTM). Maka seharusnya kita berwaspada dengan dakyah Dajjal semua ini.

***Na'uzubillahiminza* Cara Dajjal Menubuhkan Negara Yahudi Israel**

**September 25, 2007 · [3 Comments](#)**

oleh Ibnuyaacob

Menyedari bahawa suatu platform antarabangsa dan komuniti diperlukan untuk pelaksanaan matlamat **One**

**World Government.** Dajjal telah melakukan suatu perancangan rapi untuk menubuhkan negara Yahudi Israel melalui kaedah-kaedah perundangan antarabangsa dan sekiranya tidak berjaya kaedah paksaan akan digunakan.

Melalui pergerakan **Illuminati** yang majoriti ahli-ahlinya berkelulusan Undang-Undang, **Dajjal** dari pejabatnya di **Segitiga Bermuda** (menurut Muhammad Isa Dawud) telah merancang bahawa **negara Yahudi** perlu ditubuhkan melalui suatu gerakan NGO yang kuat yang dapat mempengaruhi ahli-ahli politik dunia. Maka keputusan yang dibuat ialah menubuhkan **pertubuhan Zionis**. Pertubuhan ini akan berfungsi sebagai agen penggerak utama dalam menubuhkan negara Israel dan akhirnya bertindak sebagai pemerintah negara tersebut. Oleh itu seseorang perlu dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kerja-kerja ini.

### **Sejarah Pertubuhan Zionist Antarabangsa**

Pertubuhan Zionist diasaskan oleh seorang bekas peguam yang berbangsa Yahudi iaitu **Theodor Herzl** (Gambar). Herzl dilahirkan di Budapest, Hungary. Dia menerima ijazah dalam perundangan tetapi memilih untuk menceburi bidang penulisan.





Bagaimana timbul idea menubuhkan **Zionist** ?

Menurut suatu sumber, pada 1891 semasa Herzl berumur 31 tahun, dia telah berhijrah ke Paris sebagai tetamu undangan bagi persidangan akhbar *Vienna Neue Presse*. Dia menganggap peningkatan sikap anti-sematik (anti yahudi) timbul kerana fahaman dan sikap orang yahudi sendiri yang tidak mahu berubah. (Sumber ini mungkin rekaan sahaja untuk menutup cerita bahawa Herzl sebenarnya sedang diarah “**seseorang**” bukannya suka-suka pergi Paris)

Semasa di Paris, dia menyaksikan sikap anti-sematik yang menebal di Prancis semasa cuba membela Dreyfus yang cuba menyatakan kesaksian bagi kes penindasan Yahudi. Bila Herzl meninjau kelibat **Alfred Dreyfus**, dia terdengar suara sumbang dari para hadirin mengatakan “*Death to the Jews!, death to the Jews!*“. Dreyfus ialah seorang Yahudi sejati serta berpangkat besar dalam ketenteraan negara Perancis.



(Gambar) *Alfred Dreyfus*

Namun begitu, orang Perancis sangat maju, berbudaya di dunia. Sifat anti-sematik mereka susah untuk dihakis. Herzl berasa kurang senang dan menyimpulkan bahawa penyelesaian terhadap sifat **anti-sematik** ialah menempatkan semula mereka (minoriti Yahudi) di tanah bumi asal mereka iaitu Palestin.

Anti-Sematik akan pudar, dia percaya, hanya bila Yahudi mempunyai negara mereka sendiri. Daripada itu, Herzl menubuhkan gerakan politik Zionist.

Selepas berjumpa Dreyfus, Herzl telah menggunakan sepenuh masa hidupnya untuk mencapai matlamatnya iaitu membina sebuah Negara Yahudi merdeka. Dia mula membuat risalah (*brochure*) dan mengedarkan risalah-risalah berikut dikalangan Yahudi Eropah. Risalahnya itu mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Yahudi Eropah dari pelbagai negara.

Dalam tahun 1897, kongres pertama **Dunia Zionist** telah diadakan di Bassel, Switzerland. Ia merupakan kali pertama orang-orang Yahudi seluruh dunia berjumpa untuk

membincangkan agenda politik. Bahasa perantaraan yang digunakan dalam kongress tersebut ialah bahasa Jerman. Mereka sedar bahawa organisasi politik perlu dibentuk untuk mencari negara baru. Kongress sebulat suara mengundi Herzl sebagai Presiden organisasi. Mereka mula menetapkan tarikh akhir, menetapkan corak bendera, dan bersetuju membuat perjumpaan setahun sekali. Pada perjumpaan pertama tersebut, Herzl telah berucap dengan mengatakan “*Jika kamu semua berkendak, maka ia bukan lagi fantasi.*”



(Gambar atas) *Herzl berucap dalam Kongres ke-2 Zionis di Basel.*

Tidak dinafikan bahawa hasrat Herzl menubuhkan negara Yahudi iaitu Israel didorong oleh arahan dari pemimpinnya dalam pergerakan Illuminati. Cara Herzl bekerja adalah luar biasa. Dia tidak lagi menghiraukan akan kerjayanya dan keluarganya, malah yang lebih aneh ialah ia tidak perlu mencari **sumber kewangan** untuk bergerak ke serata

dunia. Dari mana dia mendapatkan semua kos pengangkutannya ke sana ke mari itu?

Tidak lain adalah dari jutawan-jutawan yang juga ahli Illuminati. Jutawan-jutawan ini telah diarahkan untuk membantu Herzl dari sumber kewangan sebagai jalan memudahkan kerja-kerja Herzl. Jutawan-jutawan ini juga berbangsa Yahudi atau dikenali sebagai *financiers*.

### **Herzl Diherdik Khalifah**

Persetujuan yang diperoleh tentang kawasan negara Israel ialah bumi Palestin. Pemilihan ini dibuat berasaskan disitulah tempat lahirnya **Nabi Yaakub a.s.** yang juga digelar bapa Bani Israel (Nama Israel adalah gelaran kepada Nabi Yaakub). Namun begitu, hasrat ini terhalang kerana ketika itu Palestin di bawah kekuasaan Kerajaan Islam Turki Uthmaniah. Khalifah Islam ketika itu ialah **Sultan Abdul Hamed II (1876-1909)** iaitu khalifah yang sangat tegas dan patuh kepada ajaran Islam.



(Kiri) Sultan Abdul Hamed ketika berumur 30-an. (Kiri) ketika lewat 60-an.

Herzl berangkat ke Turki pada Mei 1901 untuk berjumpa Khalifah. Misi Herzl ke sana ialah memujuk Khalifah menyerahkan bumi Palestin kepada orang-orang Yahudi. Malangnya, Khalifah enggan menyerahkannya kepada orang-orang Yahudi, malah permintaan Herzl itu dibalas dengan kata-kata berikut;

*“Beta lebih rela ditikam dengan besi daripada melihat Palestin hilang.”*

Herzl terkejut dengan pendirian Sultan Abdul Hamed, perasaan dendamnya pada khalifah tidak dapat dibendung lagi. Tetapi dendamnya perlu disimpan dahulu, jalan lain harus difikirkan sebagai menunaikan hasrat menubuhkan negara Israel.

Selepas itu, Herzl berhijrah ke seluruh dunia untuk mencari tempat yang sesuai bagi menubuhkan negara Israel. Herzl tahu itulah tugas yang diberi oleh pemimpinnya (Dajjal) sepanjang hidupnya, jika gagal mungkin ia akan ditimpa masalah.

Pada 1903 **Joseph Chamberlain** dari **British Royal Commission** telah menawarkan khidmat berunding dengan kerajaan Mesir bagi mendapatkan tempat di Selatan Palestin iaitu **Semenanjung Sinai**. Malangnya, rundingan gagal. Kerajaan British selepas itu menawarkan kawasan di Utara Afrika iaitu **Uganda** dan **Cyprus**. Herzl membawa cadangan ini kepada Kongres Zionis di Bussel.


Keputusan yang dibuat pada kongres ke-6 itu ialah persidangan sebulat suara tidak bersetuju dan bumi Palestin

adalah kawasan terbaik untuk penempatan negara Israel memandangkan ia adalah bumi sejarah Yahudi dan makam Nabi Yaakub.

Herzl gagal dalam melaksanakan misi Illuminati, Zionis dan pemimpinnya Dajjal. Pada 1904, Herzl telah mati akibat serangan sakit jantung. Mayat beliau ditanam di **Edlach**, Selatan Austria. Herzl mati ketika berumur 44 tahun.

### **Taktik Akhir Dajjal Mendapatkan Palestin**

Satu arahan diturunkan oleh Dajjal kepada pemimpin Zionis (pengganti Theodor Herzl) dalam melaksanakan misi mendapatkan Palestin. Arahan tersebut ialah “merencanakan revolusi menjatuhkan Kerajaan Khalifah Uthmaniah pimpinan Sultan Abdul Hamed IV. Tugasan ini diberikan kepada ahli freemason Yahudi Turki iaitu **Mustapha Kamal Attartuk**. Misi Mustafa Kamal mendapatkan Palestin berjaya apabila berjaya menggulingkan kerajaan Khalifah Islam terakhir itu dalam **Revolusi Turki pada 27 April 1920**



(Kiri) Semasa Revolusi 1919. (Kanan) Ketika menjadi kapten dalam Perang Gallipoli 1915.

Namun negara Yahudi tidak dapat ditubuhkan lagi atas sebab-sebab tertentu.



(Atas) Khalifah terakhir Sultan Abdul Hamed IV meninggalkan istana atas arahan Presiden Turki pertama Mustafa Kamal Attartuk pada 1922.

## **Komposer Rock Amerika Mendedahkan Pengaruh Yahudi di Hollywood**

**August 30, 2007 ·**

oleh *Ibnuyaacob*



*Penre ketika menjadi komposer pada 1985*

Kali ini penyampaian penulis agaknya akan tertumpu kepada bidang hiburan untuk seketika. Tiada tujuan lain hanyalah untuk menyedarkan artis-artis dan peminat fanatik dunia hiburan mahupun muda atau tua. Di sini penulis ingin menghuraikan berkenaan komposer terkenal iaitu Wes Penre dalam membongkar agenda gerakan sulit Yahudi iaitu ILLUMINATI dalam dunia hiburan di Amerika, Hollywood. **Wes Penre** pernah diberi liputan dalam beberapa akhbar utama tempatan dahulu kala tetapi tidak meluas, dan mungkin ada dikalangan anda yang sudah mengetahui hal ini.



Siapakah Wes Penre? Peminat-peminat muzik mungkin tidak mengenalinya tetapi dialah salah seorang individu penting dalam membangkitkan zaman Rock dan **Heavy Metal** tahun 1980-an dan 1990-an dahulu di Amerika Syarikat. Beliau adalah komposer terkenal, pengubah lagu, pencipta lagu bagi kumpulan-kumpulan rock zamannya seperti **Rolling Stone, Led Zepallin, Black Sabbath, Metallica, Aerosmith, Slaughter, Megadeath, Dio, Sepultura** dan lain-lain lagi.

Apakah yang Wes Penre ingin bongkarkan? Menurut Penre, semasa beliau menjadi komposer muzik dan pencipta lagu, dia amat hairan bagaimana lagu-lagu ciptaannya yang berunsur-unsurkan pujian kepada tuhan, kedamaian, intergrasi antara kaum, cintakan keluarga dan kehidupan manusia tidak diterima oleh syarikat-syarikat rakaman gergasi seperti **BMG** dan **Sony Music** dan beberapa syarikat rakaman gergasi lain lagi.

Lagu-lagu ciptaannya yang bertemakan seks, pemujaan syaitan, penghinaan kepada semua agama, peperangan dan sewaktu dengannya pula diluluskan untuk diterbitkan dalam album-album kumpulan rock. Beliau kurang mengambil berat masalah ini ketika itu kerana masih banyak lagu-lagu ciptaannya diterbitkan. Lama-kelamaan sifat ingin tahu mula timbul dalam diri. Sifat ini berkobar-kobar sehingga mendesak dirinya untuk melakukan kajian dan siasatan sendiri.

Selepas berkahwin pada 1988, Wes Penre mula mendapatkan sebuah komputer dengan kelengkapan

internet. Pada ketika itu, komputer agak mahal kemampuan pencapaian internet tidak sebaik zaman sekarang.

Hasil ketekunannya membuat kajian mendapati bahawa industri muzik di Amerika Syarikat di kawal sepenuhnya oleh suatu kelompok Yahudi ekstremis. Kelompok ini ialah gerakan sulit Illuminati yang sudah bertapak di bumi sejak 1770-an lagi. Kajiannya juga dibantu oleh beberapa artis-artis lain yang mengetahui rahsia disebalik industri hiburan Amerika, banyak maklumat yang diperolehinya. Pada awal tahun 2000, Penre tekad meninggalkan bidang hiburan dan sekarang ini beliau menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang penulisan dan kerja-kerja dakwah agama Kristian. Namun itu bukanlah bermakna dia tidak mengambil tahu langsung perkembangan muzik-muzik masa kini, katanya....

*“I am one of those who at that time didn’t understand why my revealing lyrics and melodic songs were not appreciated by the big Record Companies. Now I know better. And no matter what some people might think, I am NOT a bitter, failed musician, who wants to “get even” with the Industry. I live a life I am very happy with, and even if I had the chance again, I would not sign up to be a professional musician. In a better world I would, but I will NOT sacrifice my body and soul to make big bucks for the Illuminati.”*

Katanya lagi,

*“.....so when I write this, I am one of the few who exposes this without having a religious or personal agenda.*

*Whatever you may think of the following, it will definitely open your eyes, and next time you see an interview with one of those artists, listen to a concert, or listen to a CD, you will recognize some of what is written here. Again, my intention is not to have you stop listening to music. I still find much of the rock music being great, and I listen to it daily - but with a new insight ...”*

Lihatlah, bekas komposer rock terkenal pun sudah insaf, tambahan Penre bukanlah beragama Islam. Jadi dimanakah hala tuju anak-anak muda Islam di Malaysia, mahupun yang belajar di universiti, adakah mereka sedar bahawa mereka cumalah hamba-hamba orang Yahudi sahaja sekarang ini.

## **Pembongkaran Gerakan Illuminati Dalam Bidang Muzik**

Berikut adalah perkara-perkara yang Wes Penre ketahui selepas membuat kajian tentang industri muzik yang menjadi darah dagingnya itu;

- Penre menyedari terdapat suatu gerakan sulit orang-orang Yahudi di peringkat antarabangsa di belakang syarikat-syarikat rakaman dan industri bisnes di Amerika Syarikat. Gerakan sulit ini dikuasai oleh golongan billionaire yang menggelarkan diri mereka **Illuminati** atau **Moriah Conquering Wind**, iaitu orang-orang yang bertanggungjawab menggunakan industri hiburan untuk memutar belit minda masyarakat untuk mencapai matlamat pergerakan sulit mereka iaitu **One World Government**.

- Kesemua pengarah-pengarah eksekutif tertinggi Syarikat-syarikat rakaman terdiri dari individu yang sama, mereka adalah ahli pergerakan rahsia Yahudi iaitu Freemason dan Illuminati.
- Untuk menjadi ahli-ahli muzik di bawah syarikat-syarikat rakaman gergasi, anda mesti bekerja sebagai pembawa agenda Illuminati, yang mana bermatlamat mengawal pemikiran seluruh populasi dunia, atau dalam erti kata lain, anda mesti bersedia untuk digunakan sebagai hamba mereka sebelum memulakan kerjaya. Namun demikian, ini tidak bermakna semua artis diserap masuk sebagai pembawa agenda mereka, tetapi mereka terikat dengan peraturan-peraturan dalaman industri tersebut. Dalam dunia sebenar, anda bebas melakukan apa saja sebagai seorang artis, sama ada untuk meluahkan perasaan anda melalui muzik anda. Tetapi jika anda mahu membuat perkara tersebut dalam industri muzik barat, anda mesti menyesuaikan diri dengan kehendak kelompok-kelompok Yahudi ini. Seinggalah sekarang, industri hiburan dan Holywood adalah dua contoh industri yang dikawal sepenuhnya oleh Illuminati.
- Artis-artis terkenal, yang mendapat publisiti meluas, mereka sendiri sebenarnya adalah mangsa aturan kelompok Yahudi (Illuminati) ini, artis-artis ini diberi personaliti yang berbeza-beza dan semuanya dikawal oleh seorang Programmer yang bertindak sebagai pengurus mereka. Semuanya ini dilakukan untuk memastikan artis-artis tersebut sentiasa berada di atas landasan matlamat Illuminati, oleh sebab itu artis-artis

- tersebut terpaksa mengikut sahaja apa yang direncanakan ke atas mereka. Jika mereka cuba lari dari landasan Illuminati atau tidak mengikut perancangan yang ditetapkan, mereka akan dibelot, dihalang dari membuat rakaman album, atau dibuang dari industri atau mungkin dibunuh. Sebab itulah artis-artis terkenal di Amerika mempunyai statistik kes-kes bunuh diri yang tinggi, yang sebenarnya bukanlah bunuh diri tetapi dibunuh menggunakan helah tertentu. Contoh terdekat seperti yang berlaku kepada bekas gitaris kumpulan rock terkenal, Metallica tahun 1980-an dahulu yang dijumpai mati di sebuah bilik hotel.
- Kebanyakan artis-artis Amerika terlibat dengan pertubuhan-pertubuhan rahsia seperti Church of Satan. Artis-artis ini mengamalkan upacara-upacara penyembahan berhala dan ilmu hitam di Church of Satan sebagai syarat untuk kekal popular (seperti Marilyn Monroe, Ozzy Osborne, Led Zepellin, Michael Jackson, The Eagles dan banyak lagi). Wes Penre juga berjaya mendedahkan apakah yang sebenarnya berlaku disebalik sifat glamour yang dimiliki artis.



*Gambar terkini Penre dengan mini studio di rumahnya*

## **Kesimpulannya**

Keadaan yang dinyatakan di atas bukanlah teori, ianya realiti yang berlaku sekarang ini. Apa yang penulis paparkan bukanlah pendedahan pertama tetapi ianya sudah pun dipaparkan oleh beberapa orang pensyarah-pensyarah Malaysia yang berkhidmat di Amerika Syarikat dan Britain. Pendedahan yang dilakukan adalah berdasarkan fakta-fakta sahih yang dikaji oleh orang-orang Amerika sendiri yang hairan dan gusar dengan keadaan sosial yang melanda masyarakat mereka.

Kita sebagai rakyat Malaysia nampaknya masih terhegeh-hegeh mendewakan selebriti-selebriti Hollywood melalui pelbagai rancangan-rancangan hiburan. Kebodohan artis-artis Malaysia lebih menonjol apabila pemenang-pemenang Anugerah Skrin dipilih untuk melawat dunia Hollywood tidak lama dulu pada 19-26 Mac 2007. Inilah bukti orang-orang Islam yang menghambakan diri mereka kepada nafsu hiburan semata-mata.

Mujurlah ketika itu wartawan bernama HARTATI HASSAN BASRI dari Harian Metro bersikap agak rasional dan tidak terikut-ikut dengan sanjungan ke atas Hollywood. Hartati mengambil jalan yang betul dalam artikelnya yang bertajuk “Pembohongan Hollywood” yang mana beliau menjelaskan penggambaran hanya di lakukan dalam Universal Studios, Fox, CBS Paramount dan Warner Bros Studio VIP Tour.

Cuma ada sedikit komen dari penulis...

Iyelah mereka mempunyai modal yang besar dan canggih. Maksud canggih bukannya cari kampung orang, pinjam rumah dan buka kamera. MAksud canggih di sini ialah semua kerja-kerja yang dilakukan adalah dalam suatu kawasan di mana selebriti-selebriti boleh dipantau kehadiran dan disiplinnya.

Hartati mungkin tidak sedar apatah lagi Raja Hiburan Malaysia Datuk Farid Ridzuan bahawa mereka sedang berurusan dengan kelompok-kelompok Yahudi yang terkenal. Ini tak termasuk lagi Brtiney Spears, Harrison

Ford dan Richard Gere yang memang anti-Islam cuma orang Islam sahaja yang kurang mengetahui.

## **‘Bilderberg Group’ Pertubuhan Dari Inspirasi Dajjal**

**October 1, 2007 ·**

oleh Ibnuyaacob

### **Siapakah Bilderberg Group?**

Kumpulan ini ditubuhkan pada 1954 dan namanya diambil sempena nama sebuah hotel di Netherlands yang bernama Bilderberg. Kumpulan ini ditubuhkan oleh **billionaire-billionaire** antarabangsa dengan tujuan menguasai semua ekonomi kerajaan-kerajaan dunia.



(Atas) *David Rockefeller*, lahir 12 Jun 1915, masih hidup lagi sekarang.



Mengikuti suatu sumber, idea penubuhan Bilderberg Group adalah bermula pada saat perjumpaan dua kumpulan *international billionaire conspirators* iaitu Keluarga **Rotchilds** dari Britain dan Keluarga **Rockefeller** dari Amerika Syarikat. Dua keluarga billionaire ini merupakan penguasa ekonomi dunia yang sebenar khususnya dalam industri kelengkapan peperangan dan carigali minyak (ExxonMobil).

Tetapi idea penubuhan Bilderberg telah wujud sebelum 1954 lagi di mana ketua pengarang majalah Forbes iaitu B.C. Forbes, beliau mendedahkan suatu perjumpaan antara penguasa-penguasa ekonomi dunia telah dikenalpasti. Perjumpaan itu dihadiri oleh Henry Davidson, pengarah JP Morgan & Co., Frank Vanderlip, CEO National City Bank, Paul Warlberg, Pengarah Kuhn Loeb & Co, dan Piatt Andrew, Setiausaha **Jabatan Kewangan Amerika**.

Pertemuan mereka dikenalpasti bertujuan membincangkan suatu plan strategi yang saintifik untuk sistem tukaran matawang Dollar Amerika. Individu berempati ini amat berkuasa dalam menekan ahli-ahli kongress Amerika supaya menerima sebarang saranan dan idea daripada **Persatuan Bank-Bank Antarbangsa Amerika**.

Semenjak penubuhan Bilderberg Group, terdapat beberapa perkara yang dilihat oleh pemerhati-pemerhati politik dunia tentang Bilderberg Group ini. Antara individu yang banyak mendedahkan berkenaan rahsia kumpulan ini ialah **Adreas Von Retyi** dalam bukunya yang bertajuk “**Bilderberg: The Timetable of New World Order**”



Buku ini mendedahkan;-

- Mesyuarat Bilderberg di Jerman yang memutuskan untuk memilih Bill Clinton sebagai Presiden US.
- Bagaimana Bilderberg mencipta krisis minyak dunia pada 1970-an.
- Bagaimana Bilderberg meruntuhkan tembok Berlin di Jerman

### **Bilderberg Adalah Inspirasi Dajjal?**

Ya, kumpulan ini adalah kumpulan yang diarahkan oleh Dajjal kepada konco-konconya (keluarga Rotschild dan Rockefeller) untuk ditubuhkan. Bilderberg berperanan khusus dalam mengawal industri minyak dunia melalui syarikat-syarikat mereka iaitu ExxonMobil, Shell, Projet dan Caltex.

Jika anda seorang yang sering membaca artikel-artikel berkenaan ekonomi, perjanjian carigali minyak, krisis ekonomi sejak 1900-an, anda akan dapati bahawa billionaire-billionaire tersebut adalah orang yang sama sehingga sekarang iaitu anak cucu Rotschild dan Rockefeller. Dan sekarang ini ialah David Rockefeller yang menguasai seluruh ekonomi dunia.

Kesimpulannya, ekonomi dunia sejak 1740-an dikuasai oleh **Empayar Rotschild** ([www.rotschild.com](http://www.rotschild.com)) hingga sekarang, manakala muncul pula satu lagi penguasa ekonomi iaitu **Empayar Rockefeller** ([www.rockefellercenter.com](http://www.rockefellercenter.com)) pada 1870-an, kedua-duanya keluarga Yahudi.

Sesungguhnya, inilah bukti Dajjal adalah genius, bukannya seorang individu yang menyorok di gua, gunung dan bukit, kemudian berdiam diri menunggu hari kiamat. Semuanya telah diatur oleh Dajjal.

*Wallahu'alam...*

**Tanda K.A.F.I.R. Pada Dajjal Sudah Muncul?**

**October 3, 2007 ·**

oleh *Ibnuyaacob*



*Texe Marrs*

Seorang bekas **Pegawai Kanan Tentera Laut Amerika**, iaitu **Texe Marrs** telah membuat suatu kajian mengenai hadith Rasulullah SAW yang berikut;

1. Dari Annas رضي الله عنه, berkata Rasulullah صلى الله عليه وسلم :

ألا إنه أعور وإن ربكم ليس بأعور وإن بين عينيه مكتب كافر فيه...

*...Ketahuilah sesungguhnya dia (Dajjal) buta sebelah sedangkan Rabb kalian tidak buta. Dan sesungguhnya diantara kedua matanya tertulis KAFIR.* (HR. Bukhari)

2. Dalam riwayat lain disebutkan :

ثم تهجاها (ك ف ر) يقرؤه كل مسلم

*“...Kemudian mengejanya (Kaf, Fa, Ra) semua Muslim dapat membacanya.”* (HR. Muslim dalam shahihnya kitab Fitna (18/59-Syarah Imam Nawawi)

Menurut kajian Marrs, **KAFIR** yang dimaksudkan **Rasulullah** adalah suatu simbolik dan perlu diteliti dengan mendalam. Marrs berpendapat **KAFIR** yang dimaksudkan adalah pertubuhan CFR yang diasaskan pada 1921 di Washington, Amerika Syarikat. Marrs juga amat yakin dengan kajiannya kerana dia juga adalah bekas pegawai kanan tentera Amerika dan telah melihat pelbagai perancangan-perancangan rahsia kerajaan Amerika.

 *logo pertubuhan CFR*

Marrs telah membuat soal-selidik dalam webnya dengan meletakkan soalan berkenaan Dajjal ini seperti berikut:

*15. In the Islamic religion the antichrist is said to be a one-eyed lying false Christ with what letters marked on his forehead?*

*A. D-E-V-I-L B. C.F.R. C. J-E-S-U-S D. M-O-S-E-S*

Jawapannya : B

Berikut adalah keserasian huruf **Kaf...Faa..Ra...** dengan **CFR**.

**Kaaf** (Arab) = **C** (Inggeris) - dalam Inggeris konsonan “C” berbunyi seperti “K” apabila dibaca

**Faa** (Arab) = **F** (Inggeris) - vokal huruf Faa sama dengan Inggeris huruf ‘F’

**Raa** (Arab) = **R** (Inggeris) - vokal huruf ‘Raa’ sama dengan vokal Inggeris huruf ‘R’

Maka, **KaFiR** = **CFR**

**Mengapa CFR dan Apakah CFR itu ?**



(Gambar) *Richard N. Haas, Presiden CFR, berbangsa Yahudi*

CFR adalah singkatan daripada [Council on Foreign Relationship](#) yang beribu pejabat di Washington, Amerika Syarikat. Pertubuhan CFR ditubuhkan pada 1921 iaitu selepas Perang Dunia Pertama. Pertubuhan ini adalah pertubuhan NGO orang-orang Yahudi terbesar yang berselindung dibalik matlamat kebajikan masyarakat.

Apa yang menyebabkan Texe Marrs mengatakan CFR adalah tanda Dajjal (antichrist)? Marrs amat yakin dengan kajiannya kerana semua ahli-ahli CFR adalah terdiri daripada presiden-presiden Amerika sejak 1920-an hingga sekarang. Selain itu, ia juga dianggotai oleh billionaire-billionaire berbangsa Yahudi seperti Rockefeller dan Rotschild.

Semenjak penubuhan CFR pada 1921, dilihat dasar luar Amerika mula berubah. Antaranya ialah menyokong penubuhan negara Israel, membantu perpindahan masyarakat Yahudi ke Israel, penindasan Palestin, perang dunia kedua dan sebagainya.

Hatta, PBB juga ditubuhkan oleh ahli-ahli [CFR](#) yang berjawatan penting dalam kementerian eksekutif di Amerika. Dan perkara yang paling disyaki ialah sebelum berlakunya sesuatu peperangan ahli-ahli CFR akan bermesyuarat secara sulit di hotel-hotel terkemuka milik orang-orang Yahudi. Perkara ini dapat dilihat pada beberapa hari sebelum tercetusnya Perang Iran-Iraq, Perang Teluk 1991, Perang Afghanistan, Perang Iraq dan terbaru ialah perang menentang Iran yang sedang di rancang.

[CFR](#) disyaki sebagai bayangan kepada pertubuhan Illuminati. Untuk mengkaburi mata masyarakat, CFR berkempen mempamerkan sifat kebajikannya terhadap isu-isu antarabangsa. Perkara-perkara ini, anda boleh baca di laman web rasminya . Di laman ini anda akan melihat bagaimana artikel-artikel politik yang mengelirukan maklumatnya. Anda juga akan melihat bagaimana terdapat 2 orang Islam yang menganggotai CFR sebagai *Manager Director* iaitu **Fouad Ajami** dan **Farid Zakaria**. Keduanya penyokong penuh Amerika semasa berperang dengan Iraq dan mereka juga individu yang menulis artikel-artikel menghasut orang Arab menyokong dasar luar Amerika.

Menurut **Myron Fagon** dalam bukunya yang bertajuk “**Pawn In The Game**”, matlamat akhir CFR ialah **One World Government**. Matlamat ini semakin tercapai apabila tertubuhnya PBB selepas perang dunia ke-2. Jika diteliti betul-betul, PBB sebenarnya dikuasai oleh **Majlis Keselamatan** yang dianggotai 7 negara kuasa nuklear termasuk Jepun.

Mesyuarat Majlis Keselamatan pula tidak dihadiri oleh Presiden setiap negara tetapi dihadiri oleh *Menteri-Menteri Luar Negeri* (Foreign Minister) untuk memutuskan sesuatu perkara. Dan yang paling membimbangkan sekarang ialah semua menteri-menteri luar negeri itu adalah ahli bagi CFR sekarang ini.

Dan amat logik sekiranya Iran tidak dibenarkan mempunyai nuklear, kerana ia akan mengimbang kuasa dunia Islam dan Barat. Iran tak mungkin diambil sebagai

ahli Majlis Keselamatan kerana ia akan mengganggu matlamat CFR yakni Dajjal.

Kaedah akhir CFR melalui ahli-ahli Majlis Keselamatan PBB ialah, para ahli-ahli majlis akan mencadangkan kepada dunia melalui suatu persidangan tentang perlunya semua kerajaan disatukan. Tujuannya supaya tidak lagi berlaku perbalahan antara dunia barat dan dunia Islam. Jika cadangan ini benar-benar muncul, agak anda siapakah yang akan dilantik menjadi Presiden Besar mengetuai semua kerajaan-kerajaan dunia nanti ?

### **Sejauh Mana Penguasaan CFR terhadap Negara Dunia?**

Untuk menguasai dunia, CFR harus mempunyai ahli-ahli dikalangan negara Islam untuk membantu mencapai matlamat **One World Government** yang dibentuk pada 1784 di Perancis. Caranya ialah menubuhkan suatu lagi NGO yang dianggotai hanya oleh menteri-menteri dan **billionaire-billionaire**. Pertubuhan itu ialah **Trilateral Commission**.

Ahli-ahli TC adalah terhad dan tidak boleh dianggotai oleh semua orang. Ianya diasaskan oleh orang yang sama iaitu **David Rockefeller 1973**. Anggota TC meliputi semua korporat seluruh dunia, antaranya ialah **Presiden Bank Dunia**, Presiden Toyota, Presiden Panasonic, Presiden Fuji Xerox, bekas Penasihat Politik Presiden Indonesia (mungkin sebelum Bambang Susilo dan termasuk 2 orang Tan Sri dari Malaysia berstatus *billionaire*).





(Kiri) *Yotaro Kobayashi, Presiden Fuji Xerox, (Kanan) Shiguro Ogata, Gabenor Bank Jepun*

## **Pendedahan Maklumat Sulit CFR dan Trilateral Commission**

Masyarakat barat dikurniakan Allah sifat suka mengkaji dan menyelidik, dan sekarang ini terdapat beratus-ratus laman web yang mendedahkan gerakan sulit tajaan Dajjal iaitu CFR, Trilateral, [Bildenberg](#), [Skull and Bones](#), [New World Order](#), [Illuminati](#) dan sebagainya. Salah seorang rakyat Amerika yang terkenal Alex Jones (pengarah filem) mendedahkan banyak maklumat tentang gerakan Yahudi di Amerika. Pendedahannya di luar batasan yang dibenarkan sehingga ia ditahan oleh pihak berkuasa Amerika.

Kesimpulannya, adakah pertubuhan-pertubuhan ini ditubuhkan secara kebetulan? mengapa setiap pengasas pertubuhan ini adalah dari keluarga yang sama iaitu cucu-cicit [Rotschild](#) dan [Rockefeller](#)? Jika anda peminat setia buku **Muhammad Isa Dawud**, anda pasti jumpa jawapannya dalam bukunya yang bertajuk [“Dajjal Akan Muncul Dari Kerajaan Jin di Segitiga Bermuda”](#).

*wallahu'alam...*

**Menyelami Gaya Pemikiran Muhammad Isa Dawud Mengenai Dajjal**

**October 10, 2007 ·**

oleh *Ibnuyaacob*

## **Pemikiran Asas**

Semua penulisan **Muhammad Isa Dawud** yang sampai ke Malaysia adalah mengenai perkara-perkara misteri yang diberitakan dalam al-Quran dan hadith. Perkara-perkara misteri berikut merangkumi hal ehwal **Dajjal, Imam Mahdi, Jin dan Yakjuj Makjuj**. Selain itu, karangan beliau juga ada bertumpu kepada soal-soal kesihiran serba sedikit khususnya dalam bukunya yang bertajuk **Sihir Dalam Perkahwinan**.

Semua perkara-perkara misteri yang ditulis oleh beliau itu adalah topik-topik kegemaran masyarakat Islam masa kini khususnya di Malaysia. Topik-topik itu pula dihuraikan dalam bentuk bersahaja dan tidak langsung mengikut gaya penulisan buku yang sepatutnya. Tetapi itu bukanlah persoalan yang berat, bagaimana gaya pun yang dipamerkan dalam tulisannya pasti habis di pasaran.

Tambahan pula, setiap kali mengemukakan teori, beliau bukan sahaja menyandarkan pada hadith dan al-Quran, malah dipetk juga dari kisah-kisah sahabat yang jarang kita dengar dan baca sebelum ini. Disamping itu, fakta-fakta penulisannya juga disokong oleh manuskrip-manuskrip kuno yang dikaji beliau. Itu lebih meyakinkan kita untuk membeli bukunya.

Maka semua itu saya kategorikan sebagai pemikiran asas Muhammad Isa Dawud dalam dunia penulisan.

## **Persoalan Utama Penulisan Beliau**

Dalam kebanyakan tulisannya, saya yang kurang ilmu ini dengan yakin mengatakan terdapat dua buku yang paling laris di pasaran, buku tersebut ialah ;

- 1) *Dialog dengan Jin Islam*
- 2) [\*Dajjal Akan Muncul Dari Kerajaan Jin di Segitiga Bermuda\*](#)

Jika anda bersetuju, senyum saja dalam hati, jika tidak, tidak perlu marah, kerana ia bukanlah sejenis pertandingan membaca.

Saya adalah kategori orang yang kerap ke kedai buku, paling kurang 3 kali seminggu. Dalam pemerhatian saya, kedua-dua buku inilah kerap habis, sekejap ada, kemudian tiada. Manakala buku yang sentiasa ada ialah

- 1) Imam Mahdi Di Ambang Pintu (Jilid 1 & 2)
- 2) [\*Siapa Penghuni Bumi Sebelum Manusia\*](#)
- 3) Sihir Dalam Perkahwinan
- 4) Kejutan : Imam Mahdi (Siri 1)
- 5) Kejutan : Imam Mahdi (Siri 2)
- 6) Kejutan : Imam Mahdi (Siri 3)

Sepanjang pengetahuan saya, hanya inilah buku-buku yang sampai ke Malaysia. Kajian-kajiannya yang lain lagi entah mengapa tidak diterjemahkan. Mungkin ianya kurang menarik, maksud saya kurang menarik perhatian editor penerbit syarikat di Malaysia. Manakala semua buku-buku di atas pertama kali di jual di Indonesia dan kemudian

barulah di bawa masuk ke Malaysia. Sungguh beruntung rakyat Indonesia !

Saya sendiri sedang berusaha sedaya upaya mendapatkan kertas-kertas kerja Muhammad Isa Dawud yang banyak dibentangkan di seminar-seminar di Arab Saudi. Selain itu, saya masih cuba dapatkan *video tape* atau *audio tape* berkenaan ceramah-ceramah yang disampaikan di kebanyakan negara khususnya di Mesir. Setakat ini, usaha saya masih tidak membuahkan hasil. *Insyallah* jika berhasil, akan saya paparkan semua maklumat itu di dalam blog saya ini.

### **Kategori Pembaca Buku Tulisan Muhammad Isa Dawud**

Saya melihat terdapat dua kategori pembaca bagi buku-buku beliau di Malaysia;-

#### **a) *Kategori Santapan Rohani***

Kategori pembaca jenis ini adalah banyak dan terlalu banyak. Pembaca jenis ini membaca kerana minat perkara-perkara yang dibahaskan tetapi kurang memikirkan hal ehwal pemikiran penulis buku itu.

Cara pembacaan pembaca kategori ini pula, adalah jenis langkau mukasurat. Maksudnya, jika mukasurat tersebut mengandungi fakta-fakta yang kurang menarik maka bacaan akan dipindahkan ke mukasurat yang berikutnya dengan cepat.

Pembaca kategori ini juga mungkin hanya sekali baca buku yang dibeli itu, atau paling rajin 2 kali dan kemudian tiada lagi pengulangan bacaan.

### **b) *Kategori Kajian Ilmiah***

Pembaca jenis ini, membaca dengan tujuan melihat apa yang cuba disampaikan oleh penulis itu. Kemudian, mereka juga melihat apakah yang sedang difikirkan oleh si penulis semasa menulis buku tersebut.

Pembaca kategori ini membaca berulang-ulang kali, dan mungkin ada catitan yang dibuat pada buku tersebut. Pembaca jenis ini juga amat kurang sekali bilangannya dan mungkin hanya terdiri dari kalangan penuntut IPT dan penulis-penulis buku atau yang betul-betul obses dengan topik tersebut.

Kesimpulannya, di manakah kategori bacaan anda? Jika anda kategori A, maka tidak salah anda bersikap demikian kerana ia bergantung kepada minat anda. Tetapi jika anda di kategori B, maka seharusnya anda mempamerkan atau meluahkan buah fikiran anda melalui blog-blog anda atau website anda. Jangan biarkan ia bersarang di dalam pemikiran, carilah rakan yang sesuai untuk berbincang hal-hal misteri ini.

### **Muhammad Isa Dawud Pembawa Pemikiran Yang Cepak**

Gaya penulisan beliau walaupun meleret-leret, seolah-olah seperti ingin membawa kita kepada suatu **matlamat**. Apa yang dapat saya nyatakan di sini, matlamat Muhammad Isa

Dawud ialah beliau mahukan pembaca-pembacanya meneliti dengan berat masalah hal ehwal Dajjal dan kemudian mengaitkan Dajjal tersebut dengan permasalahan negara Amerika dan Segitiga Bermuda.

**Muhammad Isa Dawud** sedar, sekiranya dia membuka pendahuluan bukunya dengan 'permasalahan di Amerika dan Israel' sebagai tajuk utama, saya yakin amatlah kurang orang membacanya. Maka jalan yang baik membawa pemikiran pembaca ialah dengan menghidangkan dahulu hal ehwal misteri di awal pendahuluan buku kemudian sedikit demi sedikit dikaitkan Dajjal dengan permasalahan Amerika.

Teknik penulisan sebegini banyak diamalkan oleh penulis-penulis Sains Politik, Sejarah dan penulis-penulis yang kerap berceramah di depan orang awam. Teknik sebegini memang betul dan berkesan. Lihatlah semua bukunya pada bahagian akhir akan disentuh juga sedikit berkenaan masalah Amerika. Jika saya menjadi beliau, saya tetap akan menggunakan kaedah yang sama kerana pemikiran umat Islam sukakan yang misteri dan mistik.

Saya juga dengan pasti mengatakan, semasa menulis buku, Muhammad Isa Dawud bergantung sepenuhnya dengan daya ingatannya. Maka semasa menulis, beliau tidak membuka buku-buku lain sebagai rujukan. Fakta-fakta yang ditulis adalah berdasarkan apa yang diingatnya dan dibacanya sebelum ini. Begitulah cara menulis orang yang obses dengan kajian-kajiannya. Adalah tidak mustahil seseorang dapat mengingat fakta-fakta yang spesifik dengan spontan.

Lihat sahaja pencerama agama atau politik. Mereka berceramah tanpa teks, kemudian menghuraikan topik-topik dengan detail termasuk statistik-statistik yang tepat. Begitu juga Muhammad Isa Dawud, saya secara peribadi mengkategorinya sebagai **Penulis Yang Obses**. Ianya sesuai dengan umurnya yang semakin meningkat tetapi masih ligat dalam arena penulisan.

### **Matlamat Akhir Penulisan Muhammad Isa Dawud**

Ini adalah hasil kajian saya berkenaan buku-bukunya, matlamat akhir beliau dalam penulisannya ialah Menyedarkan umat Islam bahawa [Dajjal](#) itu adalah perancang utama segala isu-isu politik seluruh dunia atau disebut [Bapa Konspirasi Dunia](#). Maka disebabkan itulah saya meletakkan blog ini dengan tajuk **Dajjal : The King of the World Conspiracy**. Tajuk blog ini adalah matlamat semua penulisan dan kajian-kajian Muhammad Isa Dawud.

Melalui blog ini juga saya akan cuba mengaitkan [organisasi-organisasi Yahudi](#) dan perancangan mereka dengan fakta-fakta yang ditonjolkan oleh **Muhammad Isa Dawud**. Keberkaitan itu juga akan saya cuba tonjolkan agar pembaca-pembaca sekalian membaca berulang kali buku-buku tulisan **Muhammad Isa Dawud**.

### **Muhammad Isa Dawud Yang Pemarah**

Beliau saya kategorikan sebagai orang yang pemarah. Jika anda melihat tulisannya dalam artikel di akhbar **al-Midan** bertarikh **2 Januari 2003** berkenaan rejim Saddam Hussain, anda tidak dapat bayangkan bahawa bagaimana

beliau seorang lebih arif dalam hal ehwal Dajjal telah menuduh **Saddam Hussain** sebagai Dajjal (antichrist). Mungkin juga kerana terlalu marah akan sikap Saddam Hussain yang bersekongkol dengan Amerika dahulu maka tohmahan itu dilemparkannya.

Beliau sendiri tahu Saddam bukanlah Dajjal tetapi kerana terlalu marah, beliau menggelarkan Saddam adalah al-Masih Ad-Dajjal. Saya sendiri tersenyum lebar bila membaca artikel itu.

### **Buku-buku Muhammad Isa Dawud Dalam Bahasa Arab**

Title: *Ightiyal Bashshar al-Asad: wa wilayat al-khawf al-Arabi al-muttahid*

Year: 2006

ISBN-13/EAN: 9789772862283

Title: *al-Haykal : saat al-sifr : khatwat al-Sahayanah al-qadamah*

Author: *Muhammad Isa Dawud*

Year: 2006

ISBN-13/EAN: 9789772861859

Title: *Ashbah la arwah*

Author: *Muhammad Is· Dawud*

Year: 1997

ISBN-13/EAN: 9789772620920

Title: *al-Hubb wa-al-jasad*

Author: *Muhammad Is· Dawud*



Year: 1999

ISBN-13/EAN: 9789772620913 Wassalam

## **Kritikan Pembaca Buku Muhammad Isa Dawud**

**October 23, 2007 ·**

oleh *Ibnuyaacob*

Di bawah ini adalah salah satu contoh kritikan dan komen yang dibuat oleh individu yang telah membaca buku **Muhammad Isa Dawud**. Penulis paparkan sebagai suatu bukti pemikiran umat Islam terhadap artikel penulis sebelum ini yang bertajuk, ***“Menyelami Gaya Pemikiran Muhammad Isa Dawud Mengenai Dajjal.”***

### **Kritikan**

*“Iya ini buku termasuk kategori buku yang memalukan dengan mengatasnamakan buku agama. Isinya serta rincian dialognya menyesatkan umat. Tapi emang lris maniss sih kalau diitung2 dari ukuran popularitas. Tapi hati-hati yang laris itu bukan berarti benar....”*

*Sebenarnya banyak hal yang bisa menyesatkan kalau tidak diverifikasikan karena sumber rujukan buku tersebut sebagai buku ilmiah susah ditelusuri . Sehingga jalinan pengungkapannya membuat rancu , ini kisah fiksi atau penelusuran dengan bukti ilmiah.*

*Lantas, darimana perincian2 percakapan atau ulasan yang diperoleh buku tersebut. Saya membaca buku M Isa Dawud sejak buku pertamanya yang menghebohkan yaitu Dialog*

*Dengan Jin (kalo nggak salah), setelah sukses buku ini, buku2 sejenis pun bermunculan.*

*Lantas buku MID tentang segi tiga bermuda, penghuni dunia sebelum manusia (kalo nggak salah), dan buku tentang imam mahdi serta dajjal juga sudah saya baca .*

*Cuma ya itu tadi, makin lama kok bukannya menyajikan fakta yang sah tapi malah mirip jalinan kisah fiksi yang dibuat-dibuat yang justru pengungkapannya akan menjebak umat islam kepada kecanduan kisah misteri ala israiliyat yang ganjil atau model pengungkapan kisah metafora Benua Atlantis yang membuat penasaran banyak orang, atau kisah Harry Potter, Narnia, Star Wars, piring terbang Erick Von Danniken dll. Saya tiba-tiba tersentak, mau dibawa kemana umat islam dengan buku2 semacam ini?*

*Jadi menurut saya, sikapi dengan kritis untuk buku-buku semacam itu dan komparasikan jangan main telan melulu. Akal pikiran kita mestilah digunakan untuk hal-hal yang realistis dalam arti sesungguhnya bukan malah terbelenggu kisah-kisah yang sumbernya tidak jelas. Masih mendingan baca buku dongeng atau novel sekalian karena kita tahu bahwa itu sebuah novel, sebuah rekaan. Tapi membaca buku semacam karangan MID saya ragu karena terus terang aja bisa disebut gado2, ini fiksi atau non fiksi? Kalau sudah rancu kan jatuhnya pada kejujuran penulisnya, dus tentu saja akhlaknya lantas tujuan si pembuat buku ini, lalu muncul gugatan dan pertanyaan :  
**APA MAKSUDNYA MEMURUKKAN UMAT ISLAM KE DALAM LUMPUR YAKJUU DAN MAKJUU (KHAYAL DAN***

*ANGAN) YANG MENYESATKAN ? Trus dimanakah tanggung jawab editor dan penerbit buku kalau memang misalnya dampaknya sedemikian merugikan? Siapa yang mendanai mereka? Lalu tanya KEN-APA?*

<http://myquran.org>, link forum ialah

<http://myquran.org/forum/index.php?topic=7787.30>

(oleh : Atmonandi, 05 Oktober 2006, 05:35:15 pm, Indonesia)

Bagi pembaca yang bersetuju pula dengan pandangan Muhammad Isa Dawud, dinasihatkan tidak memarahi atau memusuhi orang-orang yang mengkritik seperti ini. Kita semua boleh saja berbeza pendapat kerana pendapat yang dikeluarkan adalah berdasarkan ilmu pengetahuan seseorang.

Jika berhadapan dengan individu seperti ini, sama ada di forum-forum internet atau semasa di luar rumah seharusnya anda hanya perlu menanyakan soalan ini kepadanya.

*“Yang benarnya bagaimana pula?”* atau

*“Kalau itu tidak betul, apakah maklumat yang paling benar?”*

Agak-agaknya apa yang akan dijawab oleh orang yang ditanya itu jika anda bertanya seperti soalan di atas?

Saya tidak berminat menghurai dan berhujah tentang kritikan di atas kerana tulisannya jelas menunjukkan

individu tersebut tidak habis baca dan kemungkinan melangkau mukasurat ketika membaca.

## **Ulasan Buku : Siapa Penghuni Bumi Sebelum Manusia?**

Tajuk Asli : *Allazina Sakanu al-Ardha Qablana* Pengarang : *Muhammad Isa Dawud*

Penterjemah : *Irwan Kurniawan (Bahasa Indonesia), Mukhtar Yusuf (Bahasa Malaysia)*

Terbitan : *Pustaka Hidayah (Indonesia), Pustaka Syuhada (Malaysia)*

Ulasan oleh : Ibnuyaacob (<http://dajjal.wordpress.com/>)

### **Pendahuluan**

*Assalamu 'alaikum,*

Kurnian Allah SWT yang mencukupkan diriku dengan pancaindera anugerah-Nya, moga aku sentiasa bersyukur dan sentiasa tergolong dalam golongan mukmin yang bersyukur dengan pemberian-Nya. Segala yang baik itu dari Allah dan yang buruk dan silap itu adalah dari kelemahan diriku sendiri.

Menurut penerbit, buku ini adalah karya terbaru selepas buku **“Dialog Dengan Jin Islam”** dan **“Dajjal Akan Muncul Dari Kerajaan Jin Di Segitiga Bermuda”**.

Buku yang bertajuk di atas sudah pun berada di pasaran sejak 1996 di kedai-kedai buku di Indonesia dan 1997

barulah di terbitkan di Malaysia dalam edisi bahasa Malaysia. Seperti biasa Muhammad Isa Dawud akan tampil dengan karangan-karangannya yang unik dan penuh misteri khususnya dalam buku ini. Barangsiapa yang berlegar-legar di kedai buku dan terpandang tajuknya, pasti akan terus membelinya.

Namun, tidak semua orang suka akan gaya penulisannya yang penuh ilmiah itu. Ya, karangannya walaupun berkisar makhluk asing bukannya ditulis untuk **tujuan hiburan** tetapi ianya ditonjolkan dengan **tujuan mengajar masyarakat berfikir dan berbahas**. Membaca bukunya tidak seperti membaca akhbar-akhbar tabloid yang mengunjurkan cerita-cerita misteri. Yakni pembaca jangan pula samakan bukunya dengan majalah tabloid **Mastika** dan **Variasari**.

Kali ini penulis akan mengulas berkenaan bukunya yang bertajuk SIAPA PENGHUNI BUMI SEBELUM MANUSIA? Walaupun isi kandungan ini tidak mengisahkan hal-ehwal Dajjal yang menjadi intipati utama blog ini, namun isi kandungannya terdapat maklumat-maklumat tersembunyi yang pada pandangan penulis merupakan kunci kepada identiti Dajjal.

Di bawah ini adalah pandangan peribadi penulis sebagai **peminat** tulisan Muhammad Isa Dawud. Sekiranya para pembaca sekalian kurang bersetuju, tidak mengapa. Ianya cuma sekadar perkongsian ilmu penulis yang sedikit ini dalam mentafsir pemikiran orang yang lebih bijak dan lebih berpengalaman dalam hal ehwal antropologi dan sosiologi.

## **Persoalan-Persoalan Utama**

Buku ini membincang dan menghuraikan persoalan-persoalan berikut:-

1. Mencari apakah adanya makhluk berakal lain yang hidup di bumi sebelum kedatangan Nabi Adam a.s.
2. Membincangkan peradaban yang dibina oleh makhluk-makhluk tersebut.
3. Membuktikan terdapatnya keupayaan sains dan teknologi yang lebih maju yang telah pun wujud sebelum kedatangan manusia.
4. Membuktikan bahawa **makhluk-makhluk berakal** ini hidup bermasyarakat dan berorganisasi seperti juga manusia sekarang ini.
5. Membuktikan makhluk-makhluk ini mempunyai bentuk fizikal yang hampir sama dengan manusia cumanya berbeza dari segi beberapa anggota badan.
6. Membuktikan bahawa kehidupan makhluk-makhluk ini telah musnah akibat dari pancaran atom yang teramat kuat yang disyaki kesan dari peperangan.
7. Membincangkan kewujudan saki baki makhluk-makhluk ini yang masih hidup sekarang tetapi tinggal di persimpangan masa yang sukar ditemukan manusia kecuali beberapa orang yang bernasib baik.
8. Membincangkan bagaimana datangnya **Nabi Adam** dan **Siti Hawa** ke muka bumi.
9. Membahaskan apakah **Nabi Adam** dan **Siti Hawa** datang ke bumi dari planet lain atau benar dari syurga berdasarkan al-Quran dan Hadith.

10. Menghuraikan semua persoalan-persoalan berdasarkan bukti-bukti peninggalan artifak, **manuskrip-manuskrip kuno, al-Quran, hadith, Taurat, Injil** dan beberapa kisah-kisah turun-temurun yang diambil dari beberapa orang individu di Skandinavia.

### **Ulasan Mengikut Topik**

#### ***Kita, Sebelum Membicarakan Mereka (ms 1-36)***

Topik ini dimulakan dengan ungkapan berikut

*Dilahirkan....letih...kemudian mati*

*Dilahirkan....kini letih.....dan belum mati.... namun pasti akan mati*

Isa Dawud menyatakan bahawa itulah ringkasan hidupnya. Ya, samalah dengan penulis sendiri dan para pembaca sekalian. Memang kita letih bekerja, belajar dan beribadat dan semua itu akan menghalala kepada satu matlamat iaitu 'kematian'.



(Gambar) Anatoli Francis (1844-1924) , Ashley Montagu (1905-1999)

Beliau memulakan bicaranya dengan menghuraikan kisah penguasa Parsi yang bernama **Zemire** dari karangan **Anatoli Francis** yang bertajuk “**Opinions of Jerome Coignard**“. Kisahnya berkisar seorang penguasa yang mahu mengetahui sejarah manusia dan beliau telah mengarahkan para pendetanya menuliskan hal itu.

Topik ini juga mengetengahkan penemuan-penemuan penting oleh **Ashley Montagu** mengenai tulisan-tulisan kuno berbentuk ukiran paku (cuneiform) di **Sungai Tigris** dan tulisan hieroglif Mesir. MID (Muhammad Isa Dawud) menghuraikan penemuan tulisan-tulisan itu dengan menimbulkan suatu persoalan, apakah bentuk kehidupan 10,000 tahun silam?

Kemudian MID telah mengalihkan terus perbincangan dari penemuan manuskrip itu kepada persoalan asal iatu



“Penghuni Bumi Sebelum Manusia” pada mukasurat 6. Perbahasan lebih detail diteruskan dalam mukasurat ini dengan menghujahkan bilangan-bilangan tahun sebelum datangnya Nabi Adam. Namun begitu, perbincangan ini tidak begitu panjang, ianya diganggu oleh perbincangan tentang umur Adam, Nuh dan nabi-nabi lain pada mukasurat 14.

Perbincangan dari mukasurat 15 hingga 36 mengisarkan perbahasan tentang tempoh sebenar kehidupan manusia bermula dari Nabi Adam, Idris, Ibrahim, Nuh hinggalah Isa. Perbahasan juga menghuraikan adakah Nuh pernah bertemu dengan Adam atau pernah melihat Adam? Tentang umur sebenar Nabi Nuh juga dihujahkan.

MID juga menggunakan hampir 30 % fakta **Taurat** dalam topik ini. Ini dapat dilihat apabila MID cuba menghujahkan fakta-fakta tentang salasilah Nabi Adam. Fakta diambil dari Bab 5 (Fasal Kejadian) dari teks Taurat Ibrani, Yunani dan Samiri.

### **Isi-Isi Penting Topik**

- Di sini dapat disimpulkan bahawa adanya kehidupan lain sebelum manusia berdasarkan fakta dari Taurat dan penemuan tulisan-tulisan kuno oleh para arkeologi.
- Terdapat penyelewengan fakta tahun dan nama dalam salasilah Adam hingga Nuh daripada Taurat Ibrani, Yunani dan Samiri.

## ***Pembodohan Pembahasan Tentang Bahtera Noh (ms 36-52)***

Sub-topik ini membicarakan sepenuhnya pembohongan orang-orang Yahudi yang coba menyatakan kebenaran Taurat palsu mereka mengenai tempat sebenar bahtera Nuh mendarat. MID mengupas fakta-fakta yang dikemukakan oleh **John Leiby** yang yakin bahwa bahtera Nuh terdampar di **Gunung Ararat, Timur Turki**.



**FROM THE AIR** the shipshaped outline lies in the center of a landslide on the slope of a mountain that is only 25 miles from the Russian border. The landslides

are of recent origin, may have partly thick mud and stones around the strange form. The photo was shot by a Turkish aerial-survey plane from 10,000 feet.

## **NOAH'S ARK?**


### **Boatlike form is seen near Ararat**

While routinely examining aerial photos of his country, a Turkish army captain suddenly gaped at the picture shown above. There, on a mountain 20 miles south of Mt. Ararat, the biblical landfall of Noah's Ark, was a boat-shaped form about 500 feet long. The captain passed on the word. Soon an expedition including American scientists set out for the site.

At 7,000 feet, in the midst of crevasses and landslide debris, the explorers found a clear, grassy area shaped like a ship and rimmed with steep, packed-earth sides. Its dimensions are close to those given in Genesis: "The length of the ark shall be 300 cubits, the breadth of it 50 cubits, and the height of it 30 cubits," that is, 660x75x45 feet. A quick two-day survey revealed no sign that the object was man made. Yet a scientist in the group says nothing in nature could create such a symmetrical shape. A thorough excavation may be made another year to solve the mystery.



**FROM THE GROUND**, at the "ark," the 160-foot-wide object is seen to have grass-covered mound in center. The 20-foot-high rim bears expedition's houses.



(Gambar) *Ekspedisi mencari bahtera Nuh di Gunung Ararat.*

MID juga menegaskan orang Yahudi sanggup melakukan ekspedisi untuk membuktikan bahawa kenyataan Taurat mereka adalah benar (walaupun mereka tahu ianya palsu belaka). MID memberikan contoh ekspedisi yang dilakukan oleh **Frederick Barot** dari Jerman yang melakukan pendakian di sebuah gunung di Armenia.



(Gambar) *Gunung Armenia yang dikatakan terdamparnya bahtera Nabi Nuh.*

Selain itu, terdapat ekspedisi lain iaitu oleh **Gordon Gaskeil, Christian Herald** dan **George Jefferson Green**. Kesemua mereka cuba membenarkan perkara yang palsu.

Seperti biasa, perbincangan tentang Nuh di bawah topik ini terhenti pada mukasurat 46. MID menamatkan perbincangan bahtera Nuh dengan menghuraikan dengan panjang lebar tentang kepalsuan fakta-fakta Taurat. Kemudian perbincangan itu diselitkan secara tidak langsung tentang makhluk-makhluk aneh sebelum kedatangan Adam.

**Isi-Isi Penting Topik Ini**

- Hampir kesemua fakta-fakta yang dikemukakan oleh pengkaji Yahudi tidak boleh dipercayai terutamanya berkisarkan bahtera Nabi Nuh.
- MID mendedahkan bahawa kita perlu berhat-hati dalam meneliti setiap ekspedisi yang dilakukan oleh pengkaji barat tentang peninggalan-peninggalan para nabi.
- Penulis sendiri dengan yakin ingin mengatakan bahawa ekspedisi ini banyak difilemkan khususnya dalam rencana *Discovery Channel* dan *National Geographic*.
- Kesimpulannya, fakta-fakta bahtera Nuh dari kedua-dua siaran (channel) ini tidak semuanya boleh dipercayai.

***Kenyataan-Kenyataan Di Bumi, Kebatilan-Kebatilan Dalam Taurat Dan Kontradiksi-Kontradiksi Dalam Injil (ms 53-90)***

Di dalam topik ini penulis amat tertarik dan masygul kenyataan berikut :

*“.....Al-Quran Al-Karim adalah kitab pertama yang dikenal manusia, yang mengkaji tingkatan-tingkatan lapisan bumi, menyingkapkan ketersembunyiannya melalui penggalian-penggalian dan peninggalan-peninggalan di perut bumi. Itu adalah kajian yang sekarang disebut, Geochronologic Study. Kerana kita sebagai manusia tidak menyaksikan penciptaan bumi dan penciptaan diri kita sendiri. Allah SWT membukakan untuk kita pintu kajian hakikat-hakikat ini tempat kita hidup dan melimpahnya.*

*Dan kita merupakan bahagian daripadanya, agar kita melihat, belajar dan memahami...”*

## **Isi-Isi Penting**

- Di dalam al-Quran telah ada kunci-kunci ilmu yang didedahkan oleh Allah SWT. Tinggal hanya untuk umat Islam mencar dan membahaskannya dengan lebih mendalam. Ilmu-ilmu tersebut ialah astronomi, geologi, geografi, biologi dan matereologi.
- Penentuan jarak masa antara Adam dan Nabi Isa tidak kurang dari 10 juta tahun. Penentuan masa ini dibahas berdasarkan pendapat beberapa tokoh iatu **Dr. Mustapha Mahmud** dan **Dr. Abd Alim bin Abd Rahman**.
- MID dalam membincangkan umur manusia tertua seperti biasa memasukkan unsur-unsur sains dalam perbincangannya. Dalam topik ini, MID menjelaskan bagaimana atom-atom proton, eon dan neutron digunakan bagi menentukan umur terhadap fosil-fosil yang dijumpai. Perbahasan kaedah saintifik ini agak panjang iaitu dari mukasurat 65 hingga 73.
- MID juga menjelaskan kecelaruan fakta yang terdapat dalam **Injil Lucas** dan **Injil Mathew** dalam membincangkan soal umur manusia tertua.
- Selain itu, kitab perjanjian lama (Taurat) juga mengalami kecelaruan fakta di mana hanya terdapat 19 nama sebelum kemunculan Nabi Ibrahim sedangkan dalam Injil Lucas, bilangan nama menjadi 20 pula. Ini membuktikan terdapat penambahan atau

penyelewengan tulisan oleh pendeta-pendeta Yahudi dan Kristian.

### ***Lima Juta Tahun Sebelum Adam (ms 91-109)***

- Terdapat penemuan fosil-fosil yang membuktikan adanya kehidupan sebelum turunnya Adam. Fosil-fosil itu bukanlah *dinosaur* tetapi makhluk seperti manusia cuma ianya mempunyai banyak tangan, sayap dan perbezaan pada beberapa anggota tubuh yang lain.
- MID juga menyelitkan perbincangan mengenai kisah-kisah individu yang pernah terserempak dengan makhluk aneh dan juga menghadapi situasi dalam dimensi lain. Contohnya, kisah **Leinigh Herbert, Blatsber, William Morrow, Charles Thomas, Ashley Montagu** dan **Alfred Kroeber**.
- Perbincangan terpenting adalah pada rahsia firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 30 yang bermaksud;

*“Sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”, mereka (malaikat) berkata, “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di muka bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah...”*

- MID menegaskan bagaimana malaikat tahu bahawa hamba Allah yang bakal dicipta nanti (Adam & keturunannya) akan membuat ‘kerosakan’ dan ‘menumpah darah’ (berperang). Ini membuktikan sudah ada kehidupan makhluk lain sebelum manusia yang telah diturunkan syariat Islam. Cuma bezanya

- mahluk sebelum Adam berbeza dari segi jasad dan kemampuan intelektual.
- Akhir topik ini MID cuba membuka permasalahan Jin dengan menjelaskan kehidupan-kehidupan masyarakat jin yang engkar dalam melaksanakan syariat. Kemudian kisah keengganan Iblis sujud kepada Adam.

### ***Hari-Hari Terakhir Bumi Sebelum Turun Adam (ms 117-140)***

- MID membuka persoalan tentang keadaan bumi yang sebenarnya sebelum Adam turun. Menurutnya ijtihadnya, perpecahan dan peperangan atom sudah terjadi dan menyaksikan kerosakan bumi yang teruk dan hanya beberapa tempat yang selamat. Ledakan itu jugalah yang menghancurkan sebahagian besar peninggalan peradaban sebelum Adam.
- Beberapa manuskrip dari Sweeden dijadikan bukti walaupun masih dalam perdebatan para cendekiawan. Perbincangan juga terarah kepada bentuk-bentuk muka bumi di negara-negara Skandinavia terutamanya negara Sweeden dan Norway.
- Perbincangan terhenti seketika apabila MID mengetengahkan buku yang dikarang oleh **Von Deikin** berkenaan kenderaan dewa-dewa. MID menyatakan rasa tidak setujunya dengan buku Von Deikin yang dianggap bercampuran perkara-perkara mitos.
- Kemudian perbincangan diteruskan dengan merungkai permasalahan jin. MID membahaskan tentang kemampuan fizikal jin menurut bukti-bukti dari al-Quran.



- Perbincangan diakhiri dengan mengulas buku karangan **Dr. Jamaluddin Muhammad Musa** yang bertajuk “*Perang Nuklear Yang Akan Datang*”.

***Adam Dan Hawa Di Atas Potongan Benda Yang Terbang Dari Syurga (ms 141-162)***

- Perbincangan topik ini dimulakan dengan mengisahkan pengembaraan seorang arab bernama Harith bin Syadid yang ingin mencari datuknya di **Zimbabwe**. Dalam pengembaraan itu cuba mengungkap kisah lagenda yang mengatakan adanya kehidupan misteri di sebuah kota lama.
- MID juga mengulas dengan panjang buku karangan **Van K.Razanhover** yang bertajuk “Sebelum Manusia Datang Ke Bumi”. Buku ini membahas tentang keyakinan penulis tersebut bahawa sejarah manusia bermula dari Belanda berdasarkan penemuan-penemuan batu-batu kuno.
- Perbincangan paling menarik adalah pada mukasurat 149 yang mengutarakan pemikiran **Ibnu Qayyim** dalam kitabnya yang bertajuk “*Hadiy al-Arwah Ila Bilad al-Afrak*”. Ibnu Qayyim membahas secara kontroversi apakah syurga (seperti yang disebutkan dalam al-Quran) yang diduduki Adam dan Hawa sebelum turun ke bumi adalah syurga hakiki atau syurga planet lain?
- Perbincangan ini amat menarik dimana diambil beberapa bukti dan tafsiran dari beberapa surah yang berkaitan seperti surah al-A’raf dan An-Nabaa’.

- MID meneruskan perbincangannya berkenaan planet-planet dari luar bumi dengan mengulas kisah seorang lelaki misteri yang memberikan hasil kajiannya kepada seorang pembentang kertas kerja di bandar Bonn, Jerman.

***Misteri Di Danau Kematian Dan Api Yang Besar Dan Misteri Terbesar Bersama Setiap Batu Atau Peninggalan (ms 163-184)***



(Gambar) *Gunung Berapi St. Helen, Montana, Amerika Syarikat.*

- Perbincangan dimulakan dengan menghuraikan misteri Gunung Berapi Saint Helen di Montana, Amerika Syarikat.

- Huraian misteri gunung berapi ini kemudian diakhiri dengan ulasan tentang sejarah penemuan negara Amerika dan asal usul namanya sekali.
- Kemudian, perbincangan yang panjang-lebar telah ditumpukan pada sejarah kuno negara Australia melalui lagenda-lagenda yang dituturkan oleh suku-suku orang asli di sana seperti Aborigin, Arunta, Warra Munga, Binbinga dan Kamiliol.



*(Kiri) Orang asli Aborigin dan (Kanan) Orang Asli Warramunga, dari Australia*

- Perbincangan tentang negara Australia diketengahkan kerana Muhammad Isa Dawud cuba membuka persoalan berkemungkinan bahawa negara Australia yang seperti pulau besar itu adalah bongkahan dari jatuhan serpihan-serpihan planet lain.
- Muhammad Isa Dawud kemudian membongkar pula bukti-bukti dari lagenda-lagenda di Peru, Amerika Selatan. Perbincangan mengenai Peru tertumpu kepada misteri bentuk-bentuk fizikal tempat-tempat ibadatnya. Bukti-bukti penemuan ahli paleantologi

mengenai lembah-lembah di Peru juga dibahasakan dengan panjang.



(Gambar) *Gambar kuno di batu-batu di Peru yang dijumpai*



(Gambar) *Gambar kuil kuno dari pandangan udara di Peru*



(Gambar) *Kuil kuno di Peru yang berjaya ditemui ahli arkeologi.*

- MID menyimpulkan di akhir topik ini bahawa penemuan-penemuan dan misteri di Montana, Australia dan Peru itu masih belum ada jawabannya.


***Api Aneh Di Bumi Aneh Tidak Ada Kehidupan Di Bumi Kita Yang Datang Dari Planet Lain (ms 185-212)***

- MID memulakan topik ini dengan mengisahkan dengan panjang lebar berkenaan seseorang yang ‘aneh’ yang datang ke kota London. Orang aneh tersebut telah bekerja di sebuah ladang yang besar. Sebuah peristiwa aneh telah berlaku di ladang itu dan penjaganya. Peristiwa itu disaksikan sendiri oleh tuan punya ladang yang kemudiaanya telah dianggap gila

- orang masyarakat setempat kerana menuturkan tentang ‘daerah makhluk asing’.
- Perbincangan diteruskan dengan menghuraikan kisah kedua iaitu berkenaan seorang kanak-kanak perempuan yang terjatuh ke alam lain di sungai berdekatan rumahnya.
  - Budak perempuan yang bernama Karen itu telah mengalami satu pengalaman mengembara ke alam lain (dimensi kelima) yang tidak disengajakannya.
  - Kanak-kanak itu mengisahkan kepada keluarganya bahawa dia telah melihat suatu peradaban yang lebih maju tetapi hampir musnah.
  - Malah Karen juga berbicara dan berjalan bersama-sama makhluk di alam misteri itu. Namun percakapannya tidak dipercayai kerana ia masih kanak-kanak. Sehingga dewasa, budak perempuan itu membukukan kisah misterinya.

***Tetaplah Mada'in Salleh Sebuah Misteri Dan Tanda Bagi Yang Bertanya (ms 213-242)***

- Topik ini membicarakan dua hujah dari dua orang penulis, yang pertamanya seorang dari Sweeden iaitu **F.N. Mubirg** dan seorang lagi penulis Muslim iaitu **Abd Hamid Murdad**. Kedua-dua penulis itu membicarakan misteri bagi tempat dan kaum yang sama iaitu kaum **Tsamud**, ‘Ad dan daerah **Mada'in Salleh** di **Semenanjung Arab** cumanya berbeza dari segi pendapat dan hipotesis.



(Gambar) *Peninggalan kaum Ad & Tsamud di Madain Saleh*

- Pertamanya **Muhammad Isa Dawud** membentangkan hasil tulisan F.N. Mubirg yang mengambil kisah dari seorang pengembara zaman **Viking Kuno**. Pengembara itu menceritakan pengalamannya melihat tempat-tempat di kawasan Timur Tengah yang menunjukkan adanya peradaban yang maju dengan bangunan-bangunan yang tinggi.
- Pengembara itu juga melalui manuskripnya mengisahkan bagaimana nenek moyangnya yang berkerja sebagai perompak telah terdampar di suatu tempat yang agak aneh. Bangunannya dari logam dan mempunyai kapal-kapal yang dapat terbang ke udara tanpa mengeluarkan sebarang bunyi.
- Bahagian kedua pula MID membentangkan sebahagian kisah yang dipetik dari buku bertajuk Madain Saleh, **Tilka Al'A'jubah** karangan Muhammad Abd Hamid Murdad. Penulis buku ini mengisahkan pengalamannya melawat lembah Mu'azam, Gunung Al-Hiwar dan Al-Hijr. Tempat-

- tempat ini adalah peninggalan peradaban kuno kaum Tsamud yang dilaknat Allah SWT.
- Muhammad Abd Hami Murdad juga menceritakan legena-lagenda fiksi yang menjadi pegangan kaum-kaum Badwi yang tinggal di kawasan-kawasan itu. Menurut beliau lagi terdapat pelbagai mitos yang direka-reka kaum Badwi terutamanya bagi kawasan Wadi Al-Anbiya, Wadi Ar-Rajim, Gunung Bakrah, Gunung Al-Ibrah, Gunung Al-Muruuj dan Lembah Al-Mazham serta Madain Saleh.
  - Akhir sekali, Muhammad Isa Dawud menyimpulkan bahawa dia sendiri bersetuju dengan penulisan penulis barat dan muslim itu tentang peradaban-peradaban yang wujud di Madain Saleh. Menurutnya lagi, peradaban itu telah pun diberitakan dengan jelasnya dalam kitab yang paling dipercayai iaitu Al-Quran.

***Mungkin Ada Penghuni Marikh Tetapi Inilah Kenyataannya (ms 243-257)***

- Topik akhir ini Muhammad Isa Dawud mulakan (seperti topik sebelumnya) dengan ulasan terhadap buku bertajuk **Di Tepian Alam Semesta**, karangan **Carter F. Washington**.
- Buku Carter ini membincangkan penemuan terhadap kerangka-kerangka makhluk kuno yang membuktikan wujudnya kehidupan sebelum turunnya Adam. Dalam perbahasannya, Carter dengan tegas mengatakan huruf-huruf **Latin** dimulakan oleh makhluk-makhluk ini.



- Beliau juga dengan yakin menegaskan peradaban di bumi adalah berpunca dari peradaban yang wujud dari planet-planet lain.
- Seorang ahli astronomi bernama **Liwel**. Penyelidik ini telah membangunkan teleskop bintangnya sendiri untuk mengkaji keadaan-keadaan di planet **Marikh**.
- MID mengakhiri perbahasannya dengan mengetengahkan suatu kesimpulan yang ringkas tetapi menarik dan kukuh (pada pandangan penulis). Kesimpulannya ialah ;

*“Nabi Adam telah turun ke bumi sejak berjuta-juta tahun yang dahulu dan sebelum turunnya Adam, bumi telah dihuni oleh makhluk mukallaf yang juga diturunkan syariat agama iatu Jin. Bangsa Jin telah membangunkan peradaban-peradaban yang moden sehingga menuntut mereka engkar terhadap seruan Allah. Mereka (Jin) bertelagah sesama sendiri sehingga terjadinya ledakan atom yang menghancurkan sebahagian besar peninggalan peradaban mereka.*

*Kemudian Adam diturunkan dan dalam masa yang sama Allah memperkenankan doa para Jin yang mahukan diri mereka tidak dapat dilihat oleh manusia. Maka Muhammad Isa Dawud ingin memahamkan kita peradaban yang maju yang tersisa hingga sekarang itu ialah peninggalan bangsa Jin kerana hanya golongan jin yang dapat terbang ke langit, hidup di lautan dan berlari pantas kilat.”*

**Fakta-Fakta Menarik Yang Perlu Direnungkan dan Dibahaskan**

1. Iblis adalah bangsa **Jin** yang dididik oleh malaikat sehingga ‘alim seperti malaikat, namun sifat **takabburnya** telah membuat Allah murka dan melaknatnya sehingga akhirat. Dengan itu, Iblis berikrar akan berusaha menyesatkan anak-anak Adam. Kisah ini diriwayatkan oleh **Imam At-Tabari**.
2. Kemampuan jin dalam menghasilkan teknologi *atom* dan *fusion*
3. Persoalan yang dibangkitkan oleh **Ibnu Qayyim** iaitu adakah Adam, Hawa dan Iblis berada bukan di **syurga sebenar** tetapi **syurga dari planet lain** yang hampir sama indahnya dengan syurga sebenar.
4. Malaikat mengetahui telah adanya peradaban yang moden sebelum Adam berdasarkan firman Allah SWT dalam surah **al-Baqarah**, ayat 30 iaitu:  
*“Sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”*, mereka (malaikat) berkata, *“Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di muka bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah...”*
5. **Taurat Kuno** menyebut sebuah lagenda yang mengatakan semasa penghijrahan Nabi Musa a.s. bersama 70 orang Bani Israel, sebahagian pengikut Musa telah melihat gambar-gambar yang aneh di dasar **Sungai Nil**. Dari gambaran penglihatan mereka gambar-gambar itu mengisahkan kehidupan peradaban sebelum kedatangan Adam. Namun, Nabi Musa melarang mereka untuk melengah-lengahkan perjalanan kerana bimbang tentera Firaun akan sempat mengeja mereka. Pengikut-pengikut Musa yang telah melihat gambar-gambar itu telah menulisnya di dalam

**manuskrip-manuskrip** dan diwarisi oleh anak cucu mereka.

## **Pandangan Penulis**

Saya lebih tertarik dengan fakta kelima (5) iaitu **penghijrahan Nabi Musa dan Bani Israel**. Selepas membaca kenyataan **Muhammad Isa Dawud** tentang lagenda itu, tiada lain yang saya fikirkan iaitu adakah sebahagian orang Bani Israel yang melihat gambar-gambar itu di dasar **Sungai Nil** adalah termasuk **Samiri** yakni **Dajjal** (mengikut teori Isa Dawud). Jika Samiri adalah salah seorang individu yang melihat gambar-gambar itu, maka tidak syak lagi bahawa dia kelak akan cuba mendapatkan bantuan jin dalam mencari teknologi-teknologi baru. Kita sedia maklum bahawa Dajjal dikurniakan Allah pemikiran yang pantas dan genius. Maka sudah pasti Samiri (Dajjal) itu mengetahui peradaban itu ialah peradaban bangsa Jin. Ini hanyalah teori sahaja yang tidak dapat dipastikan kebenarannya. Hanya Allah jualah yang mengetahui segala.

## **Beberapa Kelemahan Yang Dikenalpasti**

- Bahasa yang diterjemah ke Bahasa Malaysia kurang tepat walaupun dilakukan oleh orang Malaysia, masih terdapat beberapa perkataan Indonesia yang tidak diterjemahkan. Ini mungkin mengganggu kekusyukan membaca dikalangan pembaca Malaysia.
- Agak mengecewakan pihak penerbitan **Pustaka Syuhada** (Malaysia) tidak menterjemah sendiri dari buku asli dalam bahasa Arab. *Terjemahan* atas

*terjemahan* akan merosakkan beberapa ayat dan cara persembahan asal penulis buku tersebut.

- *Font editing* kurang kemas dimana perbezaan huruf tidak dibuat pada sebahagian ayat-ayat al-Quran, hadith dan pandangan penulis buku. Sebaiknya dialog, hadith dan pernyataan penulis di asingkan dalam perenggan (paragraph) lain.

Namun demikian usaha pihak **Pustaka Syuhada** menerbitkan tulisan Muhammd Isa Dawud amatlah dihargai. Mudah-mudahan pihak penerbit (Pustaka Syuhada) dapat membaiki kelemahan-kelemahan ini disamping menerbitkan lebih banyak lagi karangan-karangan ilmiah para penulis Arab di lain masa.

*Insyallah...*

Untuk pembaca Indonesia, Singapura, Malawi, Brunei dan Bangladesh;

*(Ulasan di atas adalah berdasarkan buku Muhammad Isa Dawud versi Bahasa Malaysia, kemungkinan pernyataan dan mukasurat terdapat sedikit perbezaan-Ibnuyaacob)*

**eori Dajjal Sebagai Perancang Konspirasi Yahudi Sudah Lama Wujud**

**December 8, 2007 · [2 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*

Dengan tajuk yang agak panjang di atas, saya ingin menegaskan bahawa **Muhammad Isa Dawud**

(Penulis/Wartawan) bukanlah orang pertama yang mempercayai bahawa [Dajjal](#) (Antichrist) merupakan perancang utama terhadap konspirasi Yahudi. Setiap apa yang dilakukan oleh Yahudi dalam gerak kerja mereka sejak dari zaman **Nabi Musa** hinggalah sekarang dipercayai dipengaruhi oleh seseorang yang amat berkuasa.

**Muhammad Isa Dawud** mula memperkenalkan teorinya tentang [Dajjal](#) mengatur segala konspirasi dunia pada tahun 1996. Teorinya itu diperkenalkan di dalam buku kontroversinya yang bertajuk “**Dajjal Akan Muncul Dari Kerajaan Jin di Segitiga Bermuda**”. Buku ini adalah terbitan **Darul al-Basyir, Kaherah** dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh **Pustaka Hidayah** (Indonesia) dan **Pustaka Syuhada** (Malaysia).


Namun demikian, 95 tahun sebelum **Isa Dawud** menulis buku tentang [Dajjal](#), terdapat seorang cendekiawan dari Russia yang telah pun mengesyaki bahawa Dajjal adalah perancang utama konspirasi Yahudi. Cendekiawan yang sedar ini bernama **Prof. Sergius A. Nilus** yang hidup sezaman dengan **Henry Ford** ketika itu.



*Prof. Sergey A. Nilus (Kiri), Buku pertama edisi Rusia (Kanan)*

### **Hasil Kerja Prof. Nilus**


Prof. Nilus menerbitkan buku yang bertajuk “**The Great Within the Small**” yang diterbitkan pada 1901 dalam bahasa Rusia. Hasil kerja Prof Nilus telah dibawa keluar dari Rusia oleh seorang rakannya yang bernama **G. Butmi** untuk disebarakan kepada masyarakat dunia. Senaskah daripadanya berjaya disimpan di **Muzium British** pada 10 Ogos 1906.



*Dr. Theoder Herzl, Pengasas Pertubuhan Zionist Antarabangsa.*

Buku karangan Prof. Nilus mengandungi himpunan-himpunan Protokol Pertubuhan Zionis yang mana pada zaman itu, organisasi Zionis masih dipimpin oleh pengasasnya iaitu [Dr. Theoder Herzl](#). Apa yang mengejutkan ialah Prof. Nilus berjaya membawa keluar minit-minit mesyuarat kongres Zionis di **Bassel** yang diadakan pada tahun 1897.

Amat dipercayai bahawa, maklumat-maklumat yang dimiliki oleh Prof. Nilus adalah hasil kerjasamanya dengan seorang perisik Rusia yang bernama **Miss Glinka**. Beliau (Glinka) telah mengupah seorang pencuri yang bernama **Joseph Schorst** untuk mencuri dokumen-dokumen mesyuarat Zionis selepas [kongres Zionis](#) itu berlangsung. Sebenarnya Schorst juga seorang Yahudi tetapi dia tidak terikat dengan ideologi ekstrim **Yahudi Zionist**. Apa yang diketahui ialah Schorst adalah salah seorang ahli **Mizrain Lodge** di Paris.



*Kongress Zionist di Bassel (atas)*

Dipercayai juga bahawa, rakan Prof. Nilus iaitu **Prof. Philip P. Stephanov** juga memiliki dokumen protokol Yahudi itu. Stephanov telah mencetak dokumen tersebut lebih awal secara persendirian pada tahun 1897. Kemudian pada 1901, barulah Prof. Nilus menerbitkan dokumen tersebut dalam buku kontroversinya yang bertajuk “**The Great Within the Small**”. Bezanya ialah, dokumen protokol Yahudi yang diterbitkan oleh Prof. Nilus mengandungi ulasan-ulasan yang misterius dan hanya dapat difahami oleh masyarakat Islam sedangkan beliau berada di Rusia ketika itu bukannya di negara Arab.

Pada Januari 1917, Nilus menerbitkan edisi kedua, tetapi tidak sempat kerana tercetusnya **Revolusi Rusia** pada Mac 1917. Perampas kuasa ketika itu, **Kerenski** (berbangsa Yahudi) telah mengarahkan Prof. Nilus ditangkap. Beliau



dipenjarakan dan disiksa, malahan semua hasil karangannya dihapuskan. Ramai pengkaji mempercayai **Kerenski** adalah salah seorang ahli pertubuhan Yahudi sama ada [Zionis](#) atau [Freemason](#).



*Rejim Kerenski yang berjaya menguasai Rusia 1917. (atas)*

Dengan kuasa tuhan, beberapa naskah Prof. Nilus berjaya di selamatkan dan diterbitkan di Jerman pada 1919, di Perancis dan Amerika pada 1920 dan di beberapa negara lain iaitu Arab, Itali dan Jepun.

### **Ulasan-Ulasan Aneh Prof. Nilus Tentang Raja Yahudi**

Berikut di bawah ini adalah ulasan-ulasan aneh Prof. Nilus yang mana saya percaya **Muhammad Isa Dawud** bukanlah orang pertama yang mengesyaki Dajjal sebagai perancang utama. Atau pun, Muhammad Isa Dawud sendiri telah

mendapat ilham dari hasil ulasan Prof. Nilus.  
*Wallahualam...*

### **Ulasan Prof. Nilus dalam Bukunya “The Great Within the Small”**

*“....sudah hampir empat tahun Protokol-Protokol Para Ilmuwan Zionis ini berada di dalam simpanan saya. Hanya Tuhan sajalah yang mengetahui, betapa saya telah berusaha untuk membawanya ke pengetahuan ramai - tetapi sia-sia - malah untuk memberikan amaran kepada mereka yang berkuasa, dengan mendedahkan punca-punca keributan yang melanda Rusia yang seolah-olah bersikap tidak acuh.....”*

*“.....hanya sekarang, apabila saya khuatir ianya mungkin sudah terlambat, saya telah berjaya menerbitkan hasil kerja saya ini, dengan harapan ia dapat memberi amaran kepada mereka yang masih mempunyai telinga untuk mendengar dan mata untuk melihat.”*

*“...seseorang itu tidak dapat meragui lagi bahawa kemenangan kerajaan Raja Israel dicapai setelah dunia mengalami kemerosotan samalah seperti kuasa Syaitan, dengan kuasa dan sifatnya yang menggerunkan; Raja yang dilahirkan dari keturunan Zionis (Yahudi) iaitu AntiChrist (Dajjal) - makin hampir untuk menduduki takhta empayar sejagat (masyarakat dunia)....”*

*“....peristiwa-peristiwa dicituskan dalam jangkamasa yang pantas di dunia: perkelahian, peperangan, kebuluran, khabar angin, wabak penyakit, gempa bumi - kesemuanya*

*yang kelihatan mustahil sebelumnya, pada hari ini menjadi kenyataan.....Seseorang itu mungkin tidak terfikir hari-hari berlalu terlau pantas untuk menyegerakan matlamat insan pilihan (Dajjal).”*

*“....di sanubari saya, saya dapat merasakan bahawa masanya telah tiba untuk mengadakan **Majlis Oecumenical ke-8** yang akan menyatukan pastor dan wakil-wakil semua umat kristian. Semua perbalahan sekular dan perpecahan akan dilupakan bagi menyiapkan diri untuk menentang ancaman AntiChrist (Dajjal) yang mendatang.”*

Saya percaya bahawa Prof. Nilus seorang yang berpegang teguh kepada ajaran Kristian dan beliau tidak meragui bahawa Dajjal (AntiChrist) itu wujud dan ada bersembunyi di sesuatu tempat yang rahsia. Saya juga percaya bahawa Prof. Nilus mengetahui semua perancangan rahsia Yahudi Zionis adalah diatur oleh Dajjal sendiri yang memberikan maklumat dari suatu tempat lain yang rahsia dan misteri.

Dan kemudian sehinggalah pada 1996, **Muhammad Isa Dawud** memecahkan kebuntuan Prof. Nilus (walaupun tidak disebut dalam karyanya) tentang tempat perancangan Dajjal tersebut. Muhammad Isa Dawud dengan hujah-hujahnya yang tersendiri dengan yakin menyatakan Dajjal sedang bersembunyi di **Segitiga Bermuda**.

Pembaca-pembaca yang telah membaca buku Muhammad Isa Dawud yang bertajuk, *“Dajjal akan Muncul....”* juga harus ingat bahawa Muhammad Isa Dawud ada menulis dalam bukunya seperti berikut, *“....Dajjal melalui agen-*


agennya....” Perkataan tersebut diulang berkali-kali seolah-olah ingin memberitahu kita bahawa ada manusia-manusia Yahudi yang mengetahui Raja mereka sedang bersembunyi di suatu tempat yang misterius dan hanya menunggu masa untuk keluar.

Saya secara peribadi bersyukur dengan terbitnya buku **Muhammad Isa Dawud** tentang **Dajjal** itu kerana ia telah merungkai dan membuktikan kebenaran beberapa ulasan-ulasan penyiasat konspirasi Yahudi sebelumnya seperti **Henry Ford, Victor E. Marshden** dan **Prof Nilus** sendiri.

Namun begitu, kesemua hipotesis-hipotesis di atas sangat abstrak untuk difikirkan secara logik oleh kebanyakan masyarakat. Oleh itu, terpulanglah kepada kebijaksanaan kita untuk menilai dan mencari maklumat yang sebenarnya.

*Wassalam...*

## Rujukan



*Buku-buku Marshden edisi Amerika, 1937 (kiri), edisi Brazil 1937 (Tengah), edisi Poland 1943 (Kanan)*

Victor E. Marsden, *The Protocols of the Meetings of the Learned Elders of Zion, 1923* (pembaca digalakkan membaca buku ini)

Sergius A. Nilus *The Great Within the Small*“, 1901 (Terjemahan Inggeris)

**Misi Rahsia Yahudi Dalam Walt Disney**

**January 7, 2008 · [3 Comments](#)**

oleh Ibnuyaacob



(Gambar) Pengasas Walt Disney Picture, *Mr. Walt Disney*



(Gambar) *Taman Tema Disneyland*, berhati-hati dengannya!

Seperti yang diketahui, pengasas **Walt Disney Picture** dan **Disneyland** adalah seorang **Yahudi Zionist** yang sejati. Bukan itu sahaja, malah Walt Disney juga seorang **gay** atau **homoseksual**. Jadi tidak hairanlah semua filem-filem kartunnya menerapkan ciri-ciri homoseksual dan pornografi tanpa disedari oleh ibu bapa tetapi disedari oleh anak-anak mereka.



(Gambar) *Pastor Josue Yrion*

Di bawah ini saya pameran suatu pembentangan umum oleh saudara Pastor Josue Yrion yang membongkar matlamat rahsia kartun-kartun terbitan Walt Disney itu.

Pada gambar di bawah, dapat dilihat bahawa pereka kartun Roger Rabbit sengaja membuatkan watak perempuan tersebut berada dalam keadaan mengghairahkan. Kita mungkin tidak perasan perkara-perkara seperti ini kerana kita tidak menunggu gambar kartun berputar sehingga tamat bersama anak kita. Kita hanya membiarkan mereka melihat seorang diri.





Kekejianan Yahudi Walt Disney ini tidak sahaja ditonjolkan dalam kartun tetapi diberikan penerapan di luar pawagam terutamanya di taman tema Disneyland. Lihat gambar budak perempuan di bawah yang menaiki patung mainan elektrik. Lihat pada gaya kedudukan Donald Duck tersebut. Dalam banyak-banyak kedudukan, kenapa pereka patung tersebut membuat gaya kedudukan sedemikian? Mungkin anda boleh jawab...



Kita biasanya tidak melihat design mesin elektrik tersebut kerana sibuk melihat telatah anak kita menaikinya. Tetapi lain bagi kanak-kanak, apabila mereka duduk di atas patung seperti itu atau mana-mana patung lain, mereka akan menghafal bentuk kedudukan patung dan rupa parasnya sekali.

Sebagai ibu bapa yang mempunyai anak atau abang / kakak yang mempunyai adik-adik kecil, diharap agar lebih teliti dan sensitif dalam ruang persekitaran. Janganlah semata-mata untuk membuatkan anak-anak kita tida mengganggu di dapur maka kita menyajikan mereka dengan kartun-kartun di Astro tanpa berfikir panjang.

*PS: mudah-mudahan kita menjadi umat Islam yang sentiasa mengkaji dan memerhati bukannya menelan ludah Yahudi barat.*

## Misi Rahsia Yahudi Dalam Walt Disney 2

January 14, 2008 · [4 Comments](#)



oleh *Ibnuyaacob*



Karektor kartun **POOH** atau **Winnie The Pooh** memang tidak asing lagi bagi kanak-kanak dan orang dewasa sekarang ini. Kartun ini sudah lama bertapak di kaca-kaca televisyen semenjak 15 tahun lalu melalui penerbit kartun terkenal Walt Disney Picture. Kemasyuran watak Pooh ini lebih dirasai apabila ramai pengeluar-pengeluar barangan mainan mengeluarkan patung-patung comel karektor Pooh.

Pada sedutan filem di atas menunjukkan Winnie sedang mempamerkan aksi-aksi pemujaan Syaitan dengan menyebut **Satan! Satan!** berulang-ulang kali. Winnie

juga berdialog sendirian mengatakan dia harus meminta pertolongan dari *Syaitan*. Dalam video di atas, suara Winnie diperlahankan kelajuannya supaya perkataan yang disebut lebih jelas.

Kaitan Antara Pemujaan Syaitan dan **Walt Disney** ialah masyarakat Yahudi sejak dari zaman Nabi Ibrahim memang terkenal dengan pemujaan Syaitan dalam amal ibadat mereka. Upacara pemujaan dalam agama Yahudi didokong oleh fahaman **Kabbalah**. Amalan **Kabbalah** masih diamalkan oleh masyarakat Yahudi sekarang terutamanya pada hari **Pesta Purim**.

Kartun Winnie the Pooh mula diperkenalkan pada 1926 oleh **A.A Milne** dan **E.H. Shepard** manakala filem kartun ini diterbitkan pertama kalinya oleh **Walt Disney Company**. Pada 1950-an, **Winnie The Pooh** menduduki carta kartun paling popular di seluruh dunia. Pooh juga dianugerahkan **Hollywood Walk of Fame** pada **11 April 2006**.

**Wahabi Tali Barut British Freemason (Bahagian 1)**

January 22, 2008 · [1 Comment](#)

**[DAJJAL VIDEO COLLECTION](#)**

oleh *Ibnuyaacob*



**Illuminati** telah mencipta dua bentuk gerakan yang menekan masyarakat. Pertama, **Demokrasi Liberal**, untuk Barat menentang Keganasan dan kedua, gerakan politik berwajahkan Islam. Kedua-dua gerakan ini akan memaksa kita bergerak ke arah objektif akhirnya iaitu **New World Orde**.

Barat dan Islam mempunyai era yang panjang dalam kesesuaian antara mereka, namun sejarah telah diubah untuk menjana mitos “**Pertembungan Ketamadunan**” (Clash of Civilization). Dalam perancangan untuk membakar sentimen Barat untuk menentang Islam, kesemua perhatian kita telah difokuskan ke arah sifat-sifat **Wahabi** yang fanatik, atau lebih spesifik, kita diarah memperkatakan tentang individu yang direka personalitinya oleh golongan **Freemason** iaitu **Osama Bin Laden**.



*Peter D. Goodgame* (Penulis Buku Konspirasi Politik)

Bagaimanapun, menurut suatu artikel yang ditulis oleh **Peter Goodgame** iaitu **The Globalist and the Islamist**,

pihak **Freemason** mempunyai peranan tersendiri dalam membentuk dan menaja semua organisasi-organisasi penganas pada era abad ke-20. Tetapi sejarah sebenarnya bermula pada abad ke-18 dimana **British Freemason** mencipta ideologi **Wahabi** yang menjadi pegangan Arab Saudi sebagai satu cara merealisasikan objektif mereka.

Seorang perisik British, bernama **Hempher**, yang juga ahli Freemason bertanggungjawab ke atas pembentukan fahaman Wahabi. Maklumat ini didedahkan oleh seorang penyelidik dari Turki iaitu **Ayyub Sabri Pasha** pada 1933 dalam laporannya yang bertajuk **Mir'at al-Haramain**. Menurutny lagi, polisi British Freemason dalam menyerang sesebuah negara ialah dengan cara **Pecah dan Perintah** (Divide and Conquer). Ini termasuklah seperti kes fahaman **Ahmadiyya** di India pada abad ke-18.



Buku *The Memoirs of Mr. Hempher* (edisi Arab)

Maklumat terperinci konspirasi ini boleh didapati pada sebuah dokumen yang bernama “**The Memoirs of Mr. Hempher**”, yang diterbitkan dalam beberapa siri dalam akhbar Jerman yang berjudul **Spiegel**. Akhbar ini kemudiannya berpindah ke Perancis. Seorang doktor berketurunan Lubnan telah menterjemah dokumen tersebut

ke dalam bahasa Arab dari bahasa Jerman, yang kemudiannya barulah diterjemah ke bahasa Inggeris dan beberapa bahasa lain

Dokumen tersebut adalah tulisan tangan pertama **Hempher** (perisik British) dalam melaksanakan misi untuk kerajaannya. Dokumen itu jugalah yang menceritakan bagaimana dia boleh sampai ke Timur Tengah untuk ‘**mencari jalan**’ menjatuhkan Empayar Islam Uthmaniyah. Dengan ‘jalan baru’ yang dibina Hempher itulah kerajaan British menggunakannya untuk menyuntik fahaman perkauman, kebangsaan, ketagihan arak, perjudian, perzinaan dan pembukaan aurat wanita Islam.

Tetapi strategi terpenting sekali yang direncanakan ialah menerapkan **nilai-nilai bida’ah** dalam jiwa setiap muslim. Selepas penerapan ini berjaya, maka mata masyarakat dunia akan cuba dialihkan kepada Islam dan dalam masa yang sama konsep “**Islam adalah agama pengganas**” disuntik sedikit demi sedikit.

Untuk menyemai sifat kefanatikan dan fahaman Wahabi dalam masyarakat Islam, perlu bagi pihak **British Freemason** memahami dahulu apa yang didakwahkan oleh agama Islam. Hasil daripada kajian mereka tentang Islam, mereka mendapati agama Islam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran, persamaan hak antara semua kaum dan bangsa dan menyeru kepada persaudaraan sesama Islam. Membunuh sesama Muslim juga dilarang sama sekali.




Kerajaan Uthmaniyah: *Sultan Abd Hamed II*, (Kanan)  
*Sultan Abd Hamed memberitahu pegawai-pegawainya*  
*tentang perletakan takhta kerajaan,*

Bagaimana pun, sebagai sebahagian dari strategi Pecah dan Perintah mereka, British amat berharap masyarakat Arab Islam menentang sendiri saudara-saudara Turki mereka yang memegang tampuk pemerintahan **Kerajaan Uthmaniyah**. Jalan terbaik untuk mencapai matlamat ini, mereka dapati ialah **mencari ruang-ruang dalam undang-undang Islam yang membolehkan masyarakat Arab lain mengisytiharkan Kerajaan Turki sebagai MURTAD.**

***bersambung...*** Wahabi Tali Barut British Freemason  
**(Bahagian 2)**

February 5, 2008 · [No Comments](#)





(sambungan) Hasil kajian dan mesyuarat pihak British Freemason, mereka dapati **Syeikh Abdul Wahab** adalah instrumen yang sesuai yang boleh digunakan mereka untuk membawa 'idea' ini ke dalam masyarakat Islam di Semenanjung Arab. Ini kerana, adalah tidak logik pihak British melalui residen-residennya untuk bercakap soal undang-undang Islam di tengah-tengah masyarakat Islam.



(Gambar) Perkuburan Baqi yang dimusnahkan Ibnu Saud pada 1925.

Syeikh Abdul Wahab berjaya dipilih sebagai jurucakap dan juru pelaksana idea British Freemason tanpa beliau sendiri sedari. Kita boleh simpulkan Syeikh Abdul Wahab adalah **kambing hitam Arab** yang ditangkap British, kemudian **ditutup matanya**, kemudian diletakkan **bom jangka** di badannya dan kemudian **dilempar di tengah-tengah masyarakat Islam Arab Saudi**.

Tetapi pergerakan Wahabi bergerak terlalu cepat seolah-olah diarah oleh sesuatu dari belakang. Syeikh Abd Wahab berjaya menguasai keseluruhan pemikiran masyarakat Arab Saudi tentang bahaya Bidaah. Bagaimana British Freemason membantu fahaman Wahabi ini berkembang amat menghairankan. Namun matlamatnya semakin jelas apabila tiba era keruntuhan Kerajaan Khalifah Uthmaniyah.

Khalifah Uthmaniyah sampai ke penghujung apabila tercetusnya pemberontakan pertama golongan Wahabi pada 1818. Penentangan itu didalangi oleh Saudi al-Faisal I. Pergerakan penentangan yang didominasi oleh pengikut Wahabi sekali lagi melakukan pemberontakan pada akhir kurun ke-19.

Selepas Perang Dunia 1, negara-negara kekuasaan Empayar Uthmaniyah telah dipecah-pecahkan kepada beberapa bahagian. Manakala setiap bahagian pecahan itu diletakkan regim-regim Arab boneka untuk mentadbir negara baru mereka. Sebagai pengganti kepada kejatuhan kekuasaan Uthmaniyah ke atas Arab Saudi, British Freemason telah menganugerahkan kekuasaan pentadbiran Arab Saudi kepada Ibnu Saud pada 1932. Satu tahun kemudian, dalam 1933, Saudi memberi konsesi minyak kepada California Arabian Standard Oil Company (Casoc) yang bergabung dengan Standard Oil of California (SOCAL) dan kini dikenali sebagai CHEVRON yang diketuai oleh agen-agen Rothschild dan Rockefeller.

Sejak masa itu, Arab Saudi menjadi salah satu rakan dagangan terpenting pihak Barat di kawasan Timur Tengah. Arab Saudi bukan sahaja rakan minyak terpenting tetapi

juga dijadikan anjing salakan yang berlakon menentang Israel di pentas antarabangsa. Sedangkan bunyi salakan itu adalah bunyi yang dirakamkan sendiri oleh Israel.

Perancangan berbelas-belas tahun ini semakin berjaya apabila British Freemason berhasil melahirkan pemikir-pemikir Islam boneka yang cuba mempromosikan fahaman Wahabi. Dalam perancangan mewujudkan masyarakat Islam yang tidak mengamalkan sunnah, kini strategi itu sedikit demi sedikit di ubah ke arah mewujudkan masyarakat Islam yang berstatus pengganas. Kekuatan strategi British Freemason amat bergantung kepada kemantapan fahaman Wahabi dikalangan masyarakat Arab Saudi dan ulama'-ulama' boneka Wahabi.



Kontraktor-kontraktor boneka mula diberanakkan seperti Laden (bapa Osama) yang mendapat kontrak sepenuhnya membina masjidil Haram dan sebarang pengubahsuaian. Kekayaan Laden ini dijadikan modal awal yang akan membiayai suatu projek mempromosi aktiviti “**Bunuh Diri Untuk Agama**” di tengah-tengah masyarakat Islam. Matlamat utama ialah orang Islam membunuh orang Islam lain tanpa pengaruh dari luar. Orang yang diarahkan dan dijadikan kambing hitam ialah **Osama** anak kepada Laden.

Osama yang berfahaman Wahabi ini tahu strategi ini dan sudah pun sedia mendapat skrip lakonannya. Maka tidak hairanlah Osama dengan mudah diterima oleh madrasah di Afghanistan tempat ia mula-mula belajar berjihad sebelum tahun 2000. Kenapa pasukan Mujahidin di Afghanistan senang menerimanya? Mudah saja, Osama mempunyai wang yang banyak. **Mujahidin** pula memerlukan wang untuk melawan Russia. Cuma yang menyedihkan adalah pasukan Mujahidin yang berhati mulia di sana tidak tahu bahawa Osama adalah pelakon terhandal keluaran **Freemason** iaitu **Rothschild**.

Kuasa kewangan Rothschild semenjak perlantikan **Ibn Saud** sebagai pemerintah Arab Saudi berjaya menyelinap masuk ke dalam kantung ekonomi keluarga Saud. Keadaan ini mewujudkan suatu situasi kebergantungan Keluarga Saud terhadap aliran wang masuk dari Rothschild. Dalam erti kata lain, Rothschild berjaya memastikan ekonomi Keluarga Saud bergantung sepenuhnya kepada projek-projek syarikat minyak Rothschild. Matlamat tercapai, untuk menguasai sesebuah negara dari seluruh aspek,

adalah penting menjaga poket keluarga pemerintah terlebih dahulu.

Situasi kebergantungan ini membuka ruang penuh untuk **British Freemason** menguasai pentadbiran dan dasar luar Arab Saudi. Bagi memastikan keluarga Saud tunduk patuh, Rothschild memberi sumbangan beratus-ratus juta tanpa henti untuk semua kos-kos pembinaan masjid seluruh Arab Saudi.

Dalam 1999, King Fahd telah menghadiri mesyuarat Bilderberg, disyaki oleh kebanyakan pemerhati politik berbincang tentang peranan beliau dalam agenda One World Government sama seperti peranan yang dimainkan oleh Arafat dan Pope. Buktinya, keluarga Saud sekarang ini adalah sebahagian daripada boneka-boneka rangkaian Illuminati.

Diterjemah dan diubahsuai dari artikel **David Livingstone**, penulis buku *The Dying God: The Hidden History of Western Civilization*


**Siapa Yang Paling Jahat?**

February 8, 2008 · [No Comments](#)

oleh Ibnuyaacob



(kiri) David Rockefeller Sr. (Kanan) Airel Sharon



(Kiri) George Bush Jr. (Kanan) Lord Jacob Rothschild







(Kanan) Arnold Schwarzenegger (Kanan) Sharon Stone

Antara antara 6 wajah di atas

**Siapakah paling anda benci?**

**Siapakah paling anda suka baca beritanya?**

**Siapa yang paling anda kenali?**

Bagi yang tidak mendalami ilmu konspirasi Yahudi, jawapan yang paling majoriti diperoleh untuk soalan Siapa Paling Anda Benci? ialah George Bush dan Airul Sharon. Manakala soalan “Siapa paling anda suka baca beritanya? Arnold Swazernegger dan Sharon Stone dan soalan Siapa paling anda kenali? Jawabannya Bush, Sharon dan Arnold.

Dua gambar lagi iaitu **Rockefeller** dan **Rotschild** langsung tidak dikenali malah hampir tidak pernah dengar.

### **Inilah realitinya...**

Apabila kita kurang membaca dan kurang menyelidik dalam hal-hal politik antarabangsa, maka pemikiran kita hanya akan kaku dan bergerak dalam lingkungan maklumat-maklumat dalam akhbar-akhbar tempatan. Sedangkan akhbar-akhbar tempatan yang mengambil secebis berita luar sebagai hiasan bukannya untuk mendidik pemikiran pembaca ke arah lebih kritis.



(Gambar) Pada 1836, paderi Yahudi iaitu **Rabbi Kalischer** telah menyarankan **Rothschild** melabur dalam hartanah di Palestin.

Berbalik kepada 6 gambar tadi, bagi penyelidik-penyelidik konspirasi Yahudi, orang yang paling jahat ialah Rotschild dan Rockefeller. Manakala George Bush dan Sharon adalah pengikut kepada Rotschild dan Rockefeller, sementara Arnold pula hanyalah barua Yahudi yang menurut perintah. Pelakon Sharon Stone pula adalah hamba paling rendah dalam status organisasi Yahudi.

### **Mengapa Rotschild dan Rockefeller paling jahat?**

Kedua-dua makhluk ini merupakan benih dari keturunan Yahudi asli yang mana bertanggungjawab di atas masalah-masalah ekonomi dunia dan juga peperangan dunia. Kedua-dua mereka memiliki kekayaan yang tiada had, namun kekayaan mereka disembunyikan oleh majalah FORBES dan diletakkan dengan nama yahudi lain iaitu Bill Gates. (Bill Gates juga seorang Yahudi sejati)

Kekayaan Rotschild dan Rockefeller adalah diperoleh secara turun temurun semenjak zaman sebelum lahirnya Nabi Muhammad SAW.

Menurut kebanyakan penyiasat konspirasi, keturunan Rothschild adalah dari nasab salah seorang Bani Israel yang mengikut Nabi Musa a.s. merentas laut Merah kerana dikejar Firaun. Keturunan nenek-moyang Rothschild ini jugalah yang berpaling tadah kepada Nabi Musa dan Nabi

Harun dengan mengikut kata-kata dusta Samiri (Dajjal) agar menyembah patung lembu.

**Rothschild** dan **Rockefeller** diyakini sebagai Yahudi dari suku Ashkenazim iaitu sama keturunannya dengan Karl Marx, Hitler dan Albert Pike. Mereka menguasai seluruh ekonomi dunia termasuk Jepun. Persoalannya, bagaimana kedua-dua mereka menguasai dunia? Itu adalah cerita panjang yang mana anda perlu menyelongkar semula sejarah berlakunya Revolusi Perancis, Amerika, Rusia dan beberapa negara Eropah lain.

(Gambar) Arnold bersama **Kurt Waldheim**.

Sebenarnya semua gambar-gambar diatas adalah selebriti terkenal yang berdarah Yahudi Eropah. Misalnya, Arnold Swarzenegger sebenarnya adalah Yahudi kelahiran Austria. Bapanya pula iaitu ahli Parti Nazi Austria yang pernah menjawat jawatan penting dalam pasukan keselamatan Austria.



(Gambar) Billionaire Amerika **Warren Buffett**, Gubenor California **Arnold Schwarzenegger** dan **Lord Jacob Rothschild** (manusia terjahat) sedang bersiar-siar Rothschild Estate di Scotland.

Pendedahan yang membuktikan Arnold adalah penyokong gerakan Nazi bawah tanah ialah ketika berlangsungnya hari perkahwinannya. Semasa majlis tersebut Arnold telah menjemput Kurt Waldheim iaitu bekas penjenayah perang Austria yang berkecimpung dalam dunia Nazi. Waldheim juga bertanggungjawab dalam mencetuskan Perang Dunia Kedua melalui gerakan bawah tanahnya.

### **Kesimpulan**

Kita boleh membahagikan dunia seperti berikut:

Negara dunia mengikut telunjuk PBB, manakala PBB mengikut Amerika, Amerika ditadbir oleh Bush, manakala Bush tunduk kepada arahan **David Rockefeller** dan **Jacob Rothschild**. Kemudian kedua-duanya menurut arahan siapa?..... sudah tentu Dajjal.

## Antara Yahudi Orthodox dan Pemimpin Arab

January 16, 2008 · [1 Comment](#)



oleh Ibnuyaacob



(Gambar) *King Ibnu Saud* berbincang dengan bekas Presiden Amerika, Franklin D. Rosevelt di atas kapal perang USS Quincy.

Dalam soal membantu rakyat Palestin, pemimpin-pemimpin Arab dilihat amat bacul dan penakut. Mereka selalunya berselindung dibalik sumbangan derma yang banyak untuk tabung Palestin. Mereka juga berselindung dibalik forum-forum dan persidangan-persidangan antarabangsa yang membincangkan masalah Palestin. Tetapi pada hakikatnya, dalam masa yang sama mereka menjilat tangan orang-orang [zionist](#) yang berlumuran darah pejuang-pejuang Palestin.



*(Kiri) Abbas dan sahabat karibnya Olmert. (Bawah) Arafat mencium cincin Pope.*

Pemimpin arab seperti *Hosni Mubarak* (Presiden Mesir) dan *Mahmood Abbas* (Presiden Palestin) sudah pun diketahui masyarakat dunia sebagai tali barut Israel yang paling akrab. Selain itu, bekas pemimpin PLO iaitu **Yasser Arafat** juga tidak terkecuali dari gelaran tali barut, tetapi akhirnya persahabatan dengan syaitan Yahudi itu tidak berakhir dengan ketenangan malah memakan diri.

**Perubahan Sikap Yahudi Orthodox Terhadap Ideologi Zionis**



*(Atas) Yahudi Orthodox di New York membakar bendera negara Israel semasa suatu demonstrasi yang diadakan.*

Apa yang pelik sekarang ialah masyarakat Yahudi yang selalu dilaungkan oleh masyarakat Islam sebagai JAHAT! JAHAT! KEJAM! Sekarang ini amat berlainan sekali sikap mereka. Mereka mula membela masyarakat Palestin dan menyokong sebarang tindakan oleh Parti Hamas untuk kerajaan Palestin.





(Atas/bawah) *Pertubuhan Naturei Karta menyertai demonstrasi bersama rakyat Palestin untuk menyokong rakyat negara itu menentang pencerobahan askar Israel di Ramallah, Palestin pada November 2007 lepas.*

Tidak cukup dengan itu, mereka secara terbuka menyatakan sokongan padu kepada Presiden Iran, [Mahmood](#)

[Ahmedinejad](#) tentang sikap anti-Israelnya. Pergerakan yahudi orthodox yang diberi nama [Naturei Karta](#) ini tidak sahaja menyatakan sokongan melalui sidang akhbar tetapi melalui suatu lawatan rasmi yang dibuat di **Tehran**.



*(Atas/bawah) Naturei Karta mengadakan mesyuarat bersama Presiden Iran di New York pada Isnin, 24 September 2007.*

Mesyuarat tersebut berlangsung di **Intercontinental Hotel**, New York sempena kunjungan Presiden Iran itu. Dalam mesyuarat tersebut, pemimpin Naturei Karta iaitu **Yisroel Dovid Weiss** menyatakan usul sokongan penuh terhadap tindakan Iran menentang pencerobohan Israel terhadap Palestin. [Dovid Weiss](#) juga melaporkan, tindak tanduk Israel adalah bertentangan dengan ajaran suci Kitab Taurat. Malah menurutnya lagi, fahaman Zionis yang dipromosikan pemimpin Israel adalah terpesong dari akidah agama Yahudi yang sebenar.

Ini amat berlainan dengan pemimpin-pemimpin negara Arab yang melihat masalah Palestin dari jauh dan kemudian melempar sahaja duit-duit berminyak mereka itu. Tidak terkecuali juga beberapa pemimpin politik di Malaysia yang secara berani mengatakan bahawa tindakan **pejuang Hamas** meletupkan diri dan mengangkat senjata adalah tidak patut. Tindakan yang terbaik menurutnya adalah berbincang di meja rundingan.

Lebih memalukan apabila ahli politik dari Parti UMNO itu menyatakan pendapatnya dalam program **Debat Perdana** (rancangan kelolaan **Dato' Johan Jaafar**) di hadapan seorang ahli panel berbangsa Cina (parti DAP). Dan yang lebih memalukan, ahli panel berbangsa Cina itu pula menyatakan sokongan terhadap **Hamas**.

**Nano Robot Dan Projek L.U.C.I.D**

February 15, 2008 · [No Comments](#)




oleh Ibnuyaacob

### [Dajjalvideo Conspiracy](#)

Bagi menguasai pemikiran manusia pada jarak jauh, Dajjal melalui agen-agensya telah memperkenalkan sejenis robot paling kecil di dunia yang diberi nama **Nano Robot**. Saiz robot ini bukanlah sebesar kotak rokok tetapi lebih kecil daripada bakteria. Anda kurang percaya?


Teknologi ini telah pun dikenalpasti dibangunkan oleh jurutera-jurutera **Hitachi Corp**. Namun begitu, perkembangannya tidak dapat dihalang dan sekarang ini boleh dikatakan hampir semua syarikat sama ada kecil atau besar meneroka teknologi baru ini. Cuma apa yang membimbangkan ialah ada beberapa syarikat gergasi antarabangsa meneroka teknologi ini untuk kegunaan pihak Illuminati bagi mencapai matlamat **New World Order**.



(Gambar) Editor majalah *Popular Science* mengatakan nanorobot sebagai “*Incredible shrinking doctors*”.

Sebelum membangunnya teknologi nano robot, suatu pra-teknologi untuk nano robot telah pun dihasilkan iaitu **Nano Transistor**. Teknologi **nano transistor** mula dibangunkan oleh pakar-pakar saintis dari Korea yang mana telah berjaya menukar **mitos sains fiksyen** ke dalam dunia sains teknologi sebenarnya. Tidak lama kemudian, saiz robot telah berjaya dikecilkan lagi dari bentuk **transistor** kepada bentuk **sel nano**.

Menurut **Dr. Eric Drexton**, “... *nanomachines, or biological robots, injected in human bodies, can be programmed to recognize and kill cells,*” . Ini bermakna secara tidak langsung ia boleh mengikut saluran darah ke otak dan membentuk suatu arahan dalaman kepada otak seseorang mengikut fail-fail yang di muat naik (upload) ke dalam robot tersebut.



Kenyataan Dr. Eric disokong oleh pakar elektronik dari **Hewlett Packard Corp.** iaitu **Phil Kuekes**. Beliau mengatakan, "*Intelligent nano-scale devices will, in a few years, be injected into the human body,*". Sekarang nyatalah kawalan ke atas masyarakat tidak hanya melalui dasar-dasar kerajaan dan undang-undang tetapi juga melalui kawalan pemikiran yang siap dirancang.

### **Ciri-Ciri Nano Robot**

- Saiznya 50,000 kali lebih kecil dari saiz rambut
- Lebih kecil dari bakteria
- Mempunyai ingatan terbina dalam (built-in memory 126kb)
- Pergerakannya berasaskan frekuensi ELF

- Central Processing Unit (CPU) dikeluarkan oleh Hitachi Corp.

## **Kelebihan Nano Robot**

Robot ini berupaya membunuh sel-sel darah putih melalui operasi cengakamannya. Misi robot nano ini ialah memastikan individu yang telah disuntik mengikut arahan yang diberikan. Jika sekiranya gagal, maka robot nano ini akan diarahkan oleh pusat kawalan untuk menyerang bahagian jantung atau paru-paru. Akibatnya, individu yang menjadi mangsa tersebut akan mati seolah-olah terkena serangan jantung atau sesak nafas.

## **Proses Penyebaran Nano Robot**

Oleh kerana terlalu kecil, maka keupayaannya amat tinggi. **Nano robot** boleh diletakkan di merata-rata tempat sama ada di atas wang kertas, badan manusia atau apa-apa sahaja. Projek yang dibangunkan oleh pihak **Illuminati** ini membuat suatu ujikaji dengan memasukkannya ke dalam botol vaksin. Tujuannya adalah untuk memastikan vaksin yang disuntik akan turut serta memasukkan Nano Robot ke dalam saluran darah seseorang.

Untuk melaksanakan matlamat ini, jurutera-jurutera komputer Illuminati akan memasukkan fail-fail berkaitan tingkahlaku yang dirancang, misalnya '**Operasi bunuh diri**' ke dalam memori nano robot yang beribu-ribu bilangannya. Selepas itu, robot-robot dimasukkan pula bersama ubat-ubat vaksin pencegah penyakit yang biasa

diambil masyarakat, contohnya vaksin cacar atau demam campak.

### **Apa Yang Perlu Kita Bimbang?**

Kita bimbang, kejadian bom berani mati yang berlaku di Iraq adalah berpunca dari suntikan-suntikan yang diberikan oleh pihak palang merah PBB. Kita juga bimbang, bahawa semua botol-botol vaksin yang mengandungi nano robot yang telah diprogramkan itu sampai kepada masyarakat kita di Asia melalui pengimport-pengimport ubat tempatan.

Kita juga bimbang robot-robot tersebut dimasukkan ke dalam rokok-rokok yang terjual dalam negara kita. Ini kerana, 90 peratus penjenayah yang ditahan polis di seluruh dunia adalah dikalangan mereka yang merokok. Dan yang paling membimbangkan adalah CEO Syarikat Rokok Antarabangsa iaitu Benson & Hedges sendiri tidak menghisap rokok, seolah-olah beliau tahu apa yang terkandung di dalamnya.

Dan yang paling kita bimbang ialah kemungkinan pemimpin-pemimpin Islam yang dijemput menghadiri makan malam (dinner) di White House telah diberikan nano robot melalui makanan hidangan mereka. Ini kerana, ketua tukang masak untuk keluarga presiden di White House ialah seorang Rabbi Yahudi.





(Gambar) **Laura Bush** bergambar bersama tukang-tukang masak **White House**. Disebelah kiri Laura ialah Rabbi Binyomin Taub, Rabbi Hillel Baron dan sebelah kanannya ialah Rabbi Mendy Minkowitz.

Perancangan Dajjal untuk menguasai manusia melalui penggunaan nano robot ini dipanggil **Project L.U.C.I.D** atau **The Beast 666 Universal Human Control System**.

*Wallahu'alam.*

**Kesesatan Pendakwah Wahabi**

February 18, 2008 · [No Comments](#)



oleh *Ibnuyaacob*

## Wajah-wajah Pendakwah Wahabi di Malaysia



(Kiri) Dr. Asri Abdul Talib, Mufti Perlis (kanan) Fathul Bahri Mat Jahya.

Di sini ingin saya tegaskan semula berkenaan hal kesesatan Wahabi yang pernah saya paparkan dahulu di blog ini. Kali ini saya ingin mengutarakan beberapa maklumat penting yang membuktikan bahawa semua penganut fahaman Wahabi itu sesat dan kufur aqidah.

Seperti yang diketahui bahawa fahaman Wahabi itu berasal dari ajaran **Syeikh Ibnu Taimiah** dan Ibnu Qayyim Jauziyyah. Kedua-dua mereka pengasas kepada fahaman ekstrim ini yang mana menolak sebahagian besar bab-bab fekah dan sunnah, malah yang lebih mengaibkan adalah mereka terang-terangan menghina sahabat nabi. Namun begitu, kedua-duanya hanya muncul sebagai pendokong fahaman tersebut dan tidak mempunyai ramai anak murid.

Tetapi kekuasaan Wahabi lebih menonjol dengan lahirnya Syeikh Abdul Wahab yang amat tergila-gilakan fahaman ekstrim itu. Menurut sejarah, Syeikh Abdul Wahab seorang yang malas belajar dan sukakan kepopularan, beliau

berangan-angan ingin menjadi sehebat Imam Hambali, Maliki dan Syafie. Dan beliau amat membencinya juga dan dalam masa yang sama beliau rasakan dirinya mempunyai ilmu setanding dengan mereka.



Dalam kitab yang berjudul *Wabilah 'Ala Dhoroihil Hanabilah* karangan Mufti Mekah (ms 275), Kitab tersebut menyatakan bapa kepada pengasas ajaran Wahhabi merupakan seorang ulama Islam bermazhab Hambali. Dan bapanya marah kepada anaknya yang bernama Muhammad ( Pengasas ajaran Wahhabi ) dek kerana tidak mahu belajar dengan ulama hanya fanatik terhadap kata-kata Ibnu Taimiah dan Ibnu Qayyim Jauziyyah bulat-bulat serta penyebar keburukan di alam ini. (lihat <http://abu-syafiq.blogspot.com>)

### **Ibnu Taimiah Telah Bertaubat**

Saudara Abu Syafiq (dari blognya) mendedahkan suatu perkara yang patut dibaca oleh semua pendokong fahaman

Wahabi. Pendedahan itu ialah “**Ibnu Taimiah** yang merupakan pencetus kepada fahaman salah itu telah bertaubat”.

**Syeikhul Islam Imam Al-Hafiz As-Syeikh Ibnu Hajar Al-Asqolany** yang hebat dalam ilmu hadith dan merupakan ulama hadith yang siqah dan pakar dalam segala ilmu hadith dan merupakan pengarang kitab syarah kepada Sohih Bukhari berjudul Fathul Bari beliau telah menyatakan kisah **taubat Ibnu taimiah** ini serta tidak menafikan kesahihannya dan ianya diakui olehnya sendiri dalam kitab beliau berjudul Ad-Durar Al-Kaminah Fi ‘ayan Al-Miaah As-Saminah yang disahkan kewujudan kitabnya oleh ulama-ulama Wahhabi juga termasuk kanak-kanak Wahhabi di Malaysia

Lihat dalam <http://abu-syafiq.blogspot.com/2007/07/ibnu-taimiah-bertaubat-dari-akidah.html>

### **Persamaan Sifat Syeikh Abdul Wahab dengan Mufti Perlis**

Sifat Syeikh Abdul Wahab yang keji ialah beliau sanggup untuk berbaik dan bersepakatan dengan perisik British ke Timur Tengah iaitu Hempher untuk mendapat jawatan ketua agama di Arab Saudi. Hempher yang merupakan perisik berbangsa Yahudi itu juga telah membantu Syeikh Abdul Wahab dan Ibnu Saud melepaskan Arab Saudi dari kekuasaan kerajaan Khalifah Turki Uthmaniyah. Jatuhnya Turki Uthmaniyah bermakna terbukanya takhta jawatan ketua agama untuk Syeikh Abdul Wahab seperti yang disepakati bersama Ibnu Saud. Ibnu Saud pula

dianugerahkan jawatan Raja Arab Saudi oleh British Freemason.

Sama seperti di Malaysia, Dr. Asri terpaksa menjilat tangan Menteri Besar Perlis untuk mendapat jawatan Mufti di Perlis sedangkan semua Mufti di seluruh Malaysia tidak menyenangkannya. Malah beliau tidak layak pun menjadi Mufti walaupun mempunyai PhD. Ini kerana syarat untuk dilantik sebagai Mufti ialah mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan Ijazah bidang Syariah Islamiyah bukannya Hadith.

Menurut sahabat saya yang juga salah seorang ahli jawatankuasa fatwa di Pulau Pinang, Dr. Asri seringkali bertingklaku tidak sopan apabila bermesyaurat bersama mufti-mufti negeri lain. Beliau kerap kali tidak mahu menerima pendapat mufti-mufti lain. Tentang tingklaku tidak sopannya itu tidak pula diberitahu bagaimana.

Maka, inilah persamaan antara Syeikh Abdul Wahab dan Mufti Perlis sekarang.

**Bukti Dajjal Adalah Manusia!**

February 21, 2008 · [8 Comments](#)



oleh *Ibnuyaacob*

Perkataan **Dajjal** sudah termaktub dalam minda setiap muslim bahawa ia berkaitan dengan kejahatan dan manusia akhir zaman. Bahkan bila seseorang itu marah, lantas ia bisa menyebut terus perkataan “**Dajjal**” itu. Dan kejahatan Dajjal ini tidak disukai juga oleh orang yang engkar arahan Allah. Cuba anda panggil seorang yang tidak pernah sembahyang dengan gelaran Dajjal, pasti orang termasuk akan marah. Yakni, umat Islam yang kufur juga menganggap **Dajjal** adalah seteruk-teruk manusia.

Persoalannya, siapa **Dajjal** itu? di mana ia tinggal? atau wujudkah dia?. Saya akan menjawab soalan ketiga iaitu, dia adalah makhluk yang memang wujud, serta kewujudan adalah sebagai makhluk yang bernama manusia bukannya gelaran bagi sesuatu kelompok manusia atau pertubuhan atau fahaman. Ya, ianya memang seorang manusia.

Apa buktinya? Untuk membuktikan **Dajjal adalah manusia**, ada dua perkara yang perlu kita baca, kaji dan fahami. Saya ulang sekali lagi, **BACA, KAJI dan FAHAMI**. Pertama sekali kita perlu baca hadith-hadith yang berkaitan. Setiap hadith membolehkan kita membuat dua tanggapan tentang Dajjal, iaitu tanggapan Dajjal itu sebagai manusia dan kedua tanggapan Dajjal itu sebagai sebuah fahaman atau sikap. Dan ini adalah perkara biasa, sememangnya hadith itu mengandungi makna tersirat yang perlu dibahas oleh umat Islam.

**Menganggap Dajjal adalah Sebuah Konsep, Pertubuhan atau Pemikiran Adalah Salah**

Bagi sebahagian orang Muslim, mereka beranggapan perkataan Dajjal yang selalu Rasulullah sebutkan adalah merujuk kepada sebuah sistem, gaya pemikiran, ideologi, konsep pemerintahan, jenis pertubuhan dan sebagainya. Anggapan seperti ini adalah salah sama sekali. Kita ambil contoh sebuah hipotesis, **Dajjal adalah sebuah sistem pemerintahan**. Saya tidak bersetuju sama sekali tetapi jika dikatakan **Dajjal mencipta sebuah sistem pemerintahan**, saya bersetuju.

Dan saya juga bersetuju Dajjal tidak menggunakan nama Dajjal untuk hidup di tengah-tengah manusia, kerana dia sendiri tahu nama Dajjal itu sudah popular dikalangan umat Islam. Dajjal sudah pasti, dan memang PASTI akan menggunakan nama lain untuk mengkaburi mata masyarakat dunia.

Jika Dajjal muncul dengan menggunakan **nama asalnya** iaitu **DAJJAL**, tidak perlulah Rasulullah bersabda panjang lebar dalam pelbagai hadith, cukup sekadar satu hadith saja. Rasulullah bersabda tentang Dajjal dengan banyaknya disamping memberikan ciri-ciri fizikal sekali kerana Dajjal itu sukar dikenali. Maka gunanya hadith-hadith yang banyak itu ialah untuk mengenal ia dengan tepat.

### **Hipotesis 1 : *Dajjal sebagai konsep atau sistem***

Jika benar Dajjal bukan seorang manusia, dan dia adalah simbolik kepada suatu konsep atau sistem, cuba kita baca hadith di bawah. Saya percaya, orang yang menganggap Dajjal sebagai suatu konsep tidak mampu mentafsir hadith

ini. Dan tiada nabi, sahabat, ulama atau imam mengatakan Dajjal itu sebuah sistem.

## **Hadith Panjang Yang Membatalkan Hujah Hipotesis 1**

*(Di sini saya hanya ambil sebahagian potongan hadith panjang itu) . Perkataan yang diwarnakan **BIRU** adalah hadith, manakala perkataan berwarna **MERAH** adalah dialog yang dituturkan oleh Dajjal dalam hadith Rasulullah.*

*Fatimah r.a berkata, “ .....maka aku pergi ke masjid dan menunaikan solat bersama Rasulullah sallallahu ‘alaihi wassalam pada barisan wanita yang berada tepat di belakang kaum itu. Setelah menyelesaikan solatnya, Rasulullah SAW duduk di mimbar. Sambil tersenyum baginda bersabda; “Hendaklah setiap orang tinggal di tempat solatnya. Selanjutnya beliau bersabda, “Apakah kamu semua mengetahui sebab aku mengumpulkan kamu?”*

*Mereka menjawab, “Hanya Allah dan Rasul-Nya yang lebih mengetahui.”*

*Baginda bersabda, “Sesungguhnya aku tidak mengumpulkan kamu semua bukan kerana ada pengharapan atau ketakutan. Melainkan aku mengumpulkan kamu semua oleh sebab Tamim ad-Dari, yang dahulunya seorang Nasrani, datang berbai’at untuk masuk Islam. Ia menceritakan kepada ku seperti apa yang telah aku sampaikan kepada kamu tentang Dajjal. Ia menceritakan kepada bahawa ia mengendarani sebuah kapal bersama tiga puluh orang dari Lakham dan Judzam.*



*Mereka dipermainkan ombak selama sebulan di laut. Lantas mereka berlabuh di suatu pulau di laut itu sampai terbenam matahari. Mereka duduk-duduk di pantai dekat perahu.”*

*“Lalu mereka naik ke pulau itu. Maka mereka didatangi seekor binatang yang banyak bulunya, yang mereka tidak dapat membezakan mana bahagian depan dan mana bahagian belakang. Mereka berkata;*

*“Celaka kamu, apakah kamu ini?”*

*Binatang itu menjawab; “Aku adalah mata-mata.”*

*Mereka bertanya, “Mata-mata apa?”*

*kemudian ia menjawab, “Wahai kaum, pergilah kepada orang yang berada di dalam gua, kerana ia merindukan berita dari kamu.”*

*Tamim ad-Dari berkata, “Ketika binatang itu menyebutkan kepada kami seseorang, kami meninggalkannya kerana mungkin ia adalah syaitan perempuan.”*

*Selanjutnya ia berkata, “Lalu kami berangkat segera hingga memasuki gua. Tiba-tiba di dalamnya **ada seorang manusia** yang paling besar badannya dan diikat dengan rantai yang kuat. Kedua tangan dan lehernya disatukan dan diikat dengan besi hingga ke dua mata kakinya. Kami katakan, ...”*

*“Celaka kamu, makhluk apakah kamu ini?”*

*Ia menjawab, “**Kamu semua telah mengetahui perihalku, kini beritahukan kepadaku, siapakah kamu ini?**”*

*(saya ringkaskan hadith ini)*

*“.....maka kami pun bersegera menjumpai mu. Kami takut pada binatang itu, dan kam tidak tenang, jangan-jangan ia adalah syaitan betina.”*

*Orang itu (Dajjal) berkata, “**Beritahukan kepada ku tentang kurma Baisan?**”*

*“Tentang apakah yang ingin engkau tanyakan?”*

*“**Aku bertanya kepada kamu, apakah kurma itu hampir tidak akan berbuah?**”*

*“Ya...”*

*Lalu ia berkata lagi, “**Beritahukan kepadaku tentang Tasik Tabriyah.**”*

*“Tentang apakah yang hendak engkau tanyakan?”,*

*“**Apakah tasik itu masih berair?**”*

*(Saya berhentikan hadith ini di sini sahaja untuk penelitian)*

Nah, bagi mereka-mereka yang beranggapan Dajjal adalah seperti Hipotesis 1, sila tafsirkan hadith ini dengan kaedah “mengandaikan” Dajjal sebagai suatu sistem. Bolehkah anda tafsirkan ia? Mana mungkin anda boleh.

Jika benar Dajjal itu tidak wujud dan bukan manusia, habis! dengan siapa **Tamim ad-Dari** bercakap? Adakah **Tamim**

**ad-Dari** bercakap dengan sebuah **SISTEM**? Mungkin orang yang berpegang dengan Hipotesis 1 akan berkata begini?

“**Tamim ad-Dari** pergi ke suatu kawasan dan hidup di kawasan itu dengan pemerintahnya menjalankan sistem diktator....bla...bla.. kemudian **Tamim ad-Dari kembali ke Madinah** dan menceritakan peristiwa hidupnya di kawasan ‘itu’ dengan menggunakan gaya bahasa **KIASAN** kerana orang zaman dahulu suka bersyair dan bermadah.”

Jika ini jawapan dari kelompok pendokong Hipotesis 1, ini bermakna Rasulullah juga berbahasa kiasan dalam menceritakan hal ehwal Dajjal. Jika Rasulullah bersabda secara kiasan tentang Dajjal, mengapa hadith lain tentang Iblis tidak dianggap kiasan? Mengapa kita percaya Iblis itu ada walaupun kita tidak nampak? sedangkan Dajjal pula kita tidak percaya ia wujud?

Adalah kekuasaan Allah untuk melakukan sesuatu perkara yang di luar jangkauan manusia. Sekiranya ada makhluk berumur panjang seperti jin dan syaitan boleh dicipta adalah tidak mustahil Dajjal juga mampu dicipta Allah.

**Hipotesis 2 : Dajjal Adalah Manusia Berumur Panjang?**

Hujahnya adalah mudah. Semua hadith menceritakan Dajjal sebagai seorang manusia. Cuma apa yang tidak digambarkan ialah Dajjal sebagai **bapa konspirasi** (*konspirasi* atau *fitnah* Dajjal tidak disabdakan dengan teliti oleh Rasulullah dengan tujuan untuk kita berfikir tentangnya). Untuk membuktikan Dajjal adalah manusia

dan memang wujud hidup sehingga sekarang. Ianya boleh dibuktikan dengan 2 perkara.

**Pertama :** Hadith-hadith Rasulullah

**Kedua :** Sejarah dunia.

Bukti melalui hadith tidak perlu saya huraikan panjang lebar kerana anda boleh baca sendiri di kebanyakan blog-blog di internet tentang [Dajjal](#).

(bersambung...)

**Bukti Dajjal Adalah Manusia (Bahagian 2)**

**March 9, 2008 · [3 Comments](#)**



oleh *Ibnuyaacob*

Sebelum ini saya telah membentangkan hujah pada bahagian 1 tentang mengapa tanggapan (Hipotesis) bahawa [Dajjal](#) sebagai suatu 'konsep' tidak boleh diterima. Kali ini saya akan membentangkan hujah ke-2 berkenaan Mengapa kita perlu percaya bahawa [Dajjal](#) itu manusia.

Saya juga meyakini (sepanjang pembacaan dan penelitian) bahawa [Dajjal](#) itu manusia bukan sahaja atas faktor hadith, tetapi melalui pembuktian perkembangan yang berlaku dalam sejarah dunia khususnya benua Eropah. Perkembangan yang berlaku ini sejak ratusan tahun dahulu didapati selari dengan perkembangan agama Judais yang

juga mengalami perkembangan sejak ratusan tahun dahulu juga.

Berikut adalah sebab kedua mengapa saya katakan Dajjal itu manusia:

- Penubuhan **Illuminati** pada 1774 di Perancis
- Perjumpaan 100 tahun sekali para **Rabbi** (Paderi Yahudi)
- Pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam **Protokol Pemimpin Zionis**

### **Bukti 1 : Penubuhan Illuminati pada 1774 di Perancis**



Pengasas **Illuminati** iaitu **Adam Weishaupt** merupakan seorang Profesor Undang-Undang di universiti Ingoldstald, Perancis. Sepanjang penubuhan **Illuminati** ini, Weishaupt telah menghasilkan suatu kertas kerja pada **1 Mei 1776** yang merangkumi perancangan-perancangan **Illuminati** untuk menguasai dunia bermula dengan negara-negara Eropah.

Perancangan tersebut ditulis dengan mengandaikan bahawa Yahudi dapat menguasai dunia dalam tempoh kurang dari 300 tahun. Kertas kerja perancangan ini telah diedarkan oleh untuk semua ahli-ahli Illuminati di seluruh Eropah. Namun demikian, pembawa buku rahsia [Illuminati](#) ini telah mati dipanah kilat pada 1784 semasa membawanya di Perancis.

Pihak berkuasa Perancis telah mengkaji dokumen rahsia ini dan mengedarkannya ke seluruh Perancis dan beberapa negara Eropah sebagai tanda amaran akan bahayanya pertubuhan [Illuminati](#). Dokumen tersebut dikeluarkan semula dengan tajuk “**The Original Writings of the Order and Sect of the Illuminati**”.

Pada 1789, salah seorang pemimpin Freemason iaitu Robinson yang kurang sefahaman dengan Weishaupt telah menerbitkan suatu buku bertajuk “**The Proof of a Conspiracy to Destroy All Governments and Religions**”. Tujuan buku ini dikeluarkan adalah untuk memberi amaran kepada golongan **Diraja Perancis** tentang perancangan Weishaupt untuk mencetuskan **Revolusi Perancis** pada tahun yang sama iaitu 1789.

***Dimana kaitannya penubuhan Illuminati dan kewujudan Dajjal?***

Hujah yang akan saya kemukakan untuk **mengukuhkan pendapat** bahawa Dajjal itu adalah manusia ialah dengan membawa pembaca merujuk kepada dokumen rahsia Illuminati yang bertajuk “**The Proof of a Conspiracy to Destroy All Governments and Religions**” dan “**The**

**Original Writings of the Order and Sect of the Illuminati**". Kedua-dua dokumen ini adalah pendedahan dari Robinson dan Polis Perancis pada 1780-an.

Persoalannya, dokumen tersebut mengandungi perancangan rahsia yang menyebut tempoh 300 tahun. Dalam pemikiran logik kita sebagai manusia biasa, mampukah kita merancang sesuatu perkara dengan mengambil tempoh yang begitu panjang ?

Di dalam dokumen tersebut menyebut bagaimana melaksanakan revolusi-revolusi di seluruh Eropah. Kemudian dokumen itu juga menyebut bagaimana menjatuhkan pemerintahan beraja negara-negara Eropah. Dalam erti kata lain, untuk menulis dokumen yang menceritakan perancangan seluruh Eropah, ia memerlukan seseorang yang pernah menjelajah ke seluruh dunia dan memahami segala bentuk kekuatan dan kelemahan kerajaan-kerajaan Eropah.

Persoalannya, benarkah dokumen tersebut dari idea asal Weishaupt, sedangkan ia sibuk bekerja sebagai Profesor Undang-Undang di Ingoldstadt? Selain itu dalam masa yang sama beliau juga sibuk dengan pembinaan Kuil Syaitan (Synagogue of Satan) di Gereja Katholik. Di manakah masa yang ia gunakan untuk mengkaji seluruh pentabdiran di semua negara-negara Eropah.?

Tidak lain tidak bukan, ianya adalah perancangan DAJJAL.

**Bukti 2 : Perjumpaan 100 tahun sekali para Rabbi Yahudi.**

Suatu yang agak aneh dan tidak terdapat pada mana-mana pertubuhan di dunia ini untuk membuat perjumpaan ialah ia mengambil tempoh yang begitu lama. Perjumpaan ini ialah perjumpaan 100 tahun sekali yang dihadiri oleh para **Rabbi Yahudi** yang menyokong Zionis dan idea **One World Government** yang diperkenalkan oleh **Illuminati**.

Perjumpaan 100 tahun sekali ini merupakan suatu perjumpaan rahsia, yang mana ia secara tidak sengaja didedahkan oleh **Rabbi Reichhorn** semasa berucap pada majlis pengkebumian **Rabbi Semeon Bin Yehuda**. Ucapan ini dilakukan pada 1869.

Dalam ucapan tersebut, Reichhorn menyatakan dengan jelas iaitu:

*“Pada setiap 100 tahun kami Pendeta-Pendeta Israel, pada kebiasaannya akan berjumpa di Sanhedrin untuk meneliti kemajuan kita ke arah penguasaan dunia seperti yang telah dijanjikan oleh Jehovah, dan penaklukan kita ke atas musuh kita iaitu Kristian.”*

Ucapan Reichhorn telah didedahkan oleh sebuah penerbitan Rusia bernama *La Vieilla France* pada 21 Oktober 1920 (no. 195).

**Dimana kaitannya ucapan Rabbi Reichhorn dengan kewujudan Dajjal?**

Kaitannya boleh dilihat pada tempoh perjumpaan yang ditetapkan dan pada beberapa perkataan yang terkandung dalam ucapan beliau. Tempoh 100 tahun adalah terlalu lama, sekiranya seseorang itu menghadiri perjumpaan pada



hari ini, kemungkinan besar dia tidak mungkin lagi dapat menghadiri perjumpaan seterusnya. Ini kerana tempoh perumpuan seterusnya adalah 100 tahun lagi.

Apakah rasionalnya perjumpaan itu ditetapkan tempoh selang masa 100 tahun. Seperti yang diketahui, 100 tahun bersamaan 1 abad. Setiap perjumpaan akan disertakan suatu laporan tentang perkembangan 100 tahun lepas. Mampukah kita membaca, menilai dan meneliti perkembangan 10 tahun lepas untuk dibuat perbincangan?

Dajjal tahu dia mampu hidup lama, malah dia tahu dia adalah manusia akhir zaman. Jadi apalah gunanya tergesa-gesa menetapkan sesebuah mesyuarat 10 tahun sekali atau 2 tahun sekali. Penetapan tarikh mesyuarat 100 tahun sekali sememangnya adalah untuk kemudahan Dajjal membuat pertimbangan dan penilaian ke atas perkembangan manusia.

### **Bukti 3 : Pernyataan jelas kewujudan Dajjal dalam Protokol-Protokol Rahsia Zionis**

Bukti ketiga adalah bukti paling kukuh untuk menyokong hadith-hadith nabi, bukti pertama dan kedua yang telah dinyatakan sebelum ini. Para pemimpin [Zionis](#) telah mengeluarkan kenyataan yang mengaku bahawa mereka sedang melakukan persiapan untuk menanti ketibaan Raja Yahudi mereka.

Para pemimpin [Zionis](#) tahu bahawa Raja mereka wujud dan akan muncul. Cara mereka (zionist) bekerja juga telah dengan sendirinya membuktikan bahawa mereka

menantikan **seseorang yang hebat** yang bakal memerintah dunia kelak.

Pernyataan ini jelas apabila kita merujuk pada

**Protokol No. 15 iaitu :**

*“Bila **Raja Israel** meletakkan di kepalanya yang suci, mahkota yang diberikan kepadanya oleh Eropah, beliau akan menjadi penjaga dunia. Mangsa-mangsa yang diperlukan olehnya mengikut kesesuaian mereka...”*

**Protokol No. 17 iaitu :**

*“...Melalui penyamaran ini, kita akan menyusup masuk ke dalam institusi Pope ini, dan memastikan bahawa kita tidak akan meninggalkannya sehinggalah kita telah menghancurkan seluruh kekuatan yang tinggal di dalam institusi ini. **Raja orang Yahudi** akan menjadi Pope Sejagat yang sebenarnya, ketua bagi sebuah Gereja Antarabangsa.”*

**Kesimpulan**

Maka benarlah apa yang dikatakan Rasulullah SAW dalam hadithnya iaitu:

*“...sesungguhnya **al-Masih ad-Dajjal** adalah seorang lelaki yang pendek, hujung tapak kakinya berdekatan sedangkan tumitnya berjauhan, berambut kerinting, bermata sebelah dengan mata yang terhapus.”*

(Riwayat Abu Daud, kitab Taqrijul Misykat)

## Asal Usul Keturunan Dajjal

May 4, 2008 · [2 Comments](#)



oleh *Ibnuyaacob*

### Hipotesis

#### **“Dajjal Adalah Dari Suku Ashkenazi”**

Di atas adalah pernyataan teori saya tentang asal usul [Dajjal](#). Hipotesis ini dilakukan secara ringkas sahaja melalui maklumat-maklumat dari buku, jurnal dan internet. Di bawah ini saya ingin menjelaskan mengapa saya beranggapan [Dajjal](#) berasal dari suku Ashkenazi.

#### **Apa itu Ashkenazi?**

Ashkenazi ialah nama suku (tribe) dari salah satu cabang dari bangsa Yahudi. Manakala Yahudi itu pula ialah berasal dari suku bangsa sebelah Siti Sarah iaitu isteri Nabi Ibrahim a.s. Semua anak keturunan dari perut Siti Sarah adalah digelar Bani Israel.

Bani Israel ialah gelaran kepada Nabi Yaakob a.s. yang mana semua keturunannya bermula dari Nabi Daud, Nabi

Sulaiman sehinggalah Nabi Musa dan Nabi Isa adalah berketurunan Yahudi yang digelar Bani Israel.

### **Populasi Suku Ashkenazi?**

Populasi terbanyak adalah di Amerika Syarikat dimana dianggarkan seramai 5-6 juta orang menetap di sana. Diikuti pula oleh negara Israel, dianggarkan seramai 3-4 juta orang menetap di Israel.

### **Adakah Dajjal berketurunan Yahudi?**

Pandangan peribadi saya ialah YA.

Tiada hadith khusus menyebut [Dajjal](#) dari keturunan Yahudi. Saya berpegang kepada atas 2 fakta sah di bawah:

**# 1 (Pertama)** - Berdasarkan riwayat Ahmad dan Muslim dari Anas.

*“Dajjal akan diikuti oleh 70,000 orang Yahudi Isfahan yang memakai toga.”*

=>> Orang-orang Yahudi mempunyai sifat semulajadi iaitu hanya mempercayai orang sebangsa dengan mereka. Ini disebabkan semenjak zaman Nabi Ibrahim lagi umat Yahudi berpegang bahawa mereka adalah bangsa yang dipilih oleh Allah.

=>> Yahudi Isfahan mengikut arahan [Dajjal](#) kerana mereka tahu pemimpin mereka adalah berbangsa Yahudi seperti mereka.

**# 2 (Kedua)** - Berdasarkan realiti dunia hari ini yang dikuasai golongan Yahudi.

Saya telah menerangkan dalam artikel-artikel sebelum ini betapa Yahudi sejak 300 tahun dahulu telah pun menguasai dunia dari pelbagai aspek seperti:

- Politik Antarabangsa
- Ekonomi Dunia
- Hiburan dan Perfileman

Di atas dua fakta di atas saya amat berkeyainan [Dajjal](#) berketurunan Yahudi. Cuma dalam artikel ini saya ingin mengkhusus akan suku-suku Yahudi itu.

**# 3 (Ketiga)** - Berdasarkan pendapat Janet Moser

**Janet Moser** seorang pengkaji konspirasi Yahudi berpendapat bahawa Dajjal (AntiChrist) adalah dari bangsa Yahudi.

Dalam artikelnya yang bertajuk “THE EARLY JEWISH & CHRISTIAN VIEW OF THE IDENTITY OF THE ANTICHRIST”, Moser mengambil fakta dari kitab Injil dalam bab 11 (Daniel) ayat ke-37, yang berbunyi:

*“Neither shall he regard the God of his fathers . . .nor regard any god: for he shall magnify himself above all.”*

*P/S: Sama ada ayat-ayat dari Injil benar atay tidak bukanlah tugas kita, ia adalah tugas cendekiawan-cendekiawan Islam untuk memperbetulkannya, misalnya Syeikh Ahmed Deedat, Syeikh Dr. Zakir Nair dan*

*Muhammad Isa Dawud. Namun apa yang hendak ditegaskan di sini ialah umat Kristian sendiri mempercayai bahawa Dajjal itu adalah berketurunan Yahudi.*

## **Permasalahan Suku Bangsa Asal Dajjal**

Cuma yang boleh kita perhalusi ialah dari suku manakah Dajjal itu berasal kerana Yahudi mempunyai pelbagai cabang suku antaranya ialah:

- Mizrahi
- Khazar
- Sephardi
- Askhenazi
- Samaritan


Tetapi dalam suku-suku di atas saya berkeyakinan (InsyaAllah) Dajjal itu adalah dari suku **Ashkenazi** di atas beberapa fakta.

### **# Fakta 1: Tokoh-Tokoh Suku Ashkenazi**

Ada beberapa sebab tertentu mengapa saya cenderung untuk mengatakan [Dajjal](#) berasal dari suku Ashkenazi. Fakta-fakta tersebut ialah...

- Kebanyakan tokoh-tokoh perang dunia berasal dari suku Ashkenazi.
- Tokoh-tokoh sains Eropah adalah dari bangsa Yahudi
- Tokoh-tokoh ekonomi dunia sekarang adalah berasal dari Yahudi suku Ashkenazi
- Kesemua tokoh berpengaruh dunia adalah berbangsa Yahudi Ashkenazi

*Beberapa Latar Belakang Tokoh Ashkenazi yang perlu diketahui*



(Gambar) *Baron Rothschild, John D. Rockefeller, Karl Marx dan Albert Einstein.*

1. **Albert Einstein**, merupakan Yahudi suku Ashkenazi, beliau adalah saintis terulung yang diagung-agungkan oleh barat sehingga wataknya dimasukkan dalam program Microsoft Office bahagian ‘Office Assistant’. Pदानlah begitu, Bill Gates juga berbangsa Yahudi.
2. **Karl Marx**, juga berbangsa Yahudi suku Ashkenazi. Beliau menulis beberapa buku dan juga pengasas fahaman Nazi yang selepas itu didokong oleh Adolf Hitler (juga seorang Yahudi, sebelah ibunya).
3. **Henry Kissinger**, bekas setiausaha kerajaan Amerika Syarikat juga dari suku Ashkenazi. Sekarang ini menjadi salah seorang pemimpin kumpulan sulit bernama [The Bilderberg Group](#).
4. **Keluarga Rothschild**. Merupakan keluarga yang terkaya di dunia dan 50% kekayaan dunia sekarang adalah miliknya. Keluarga Rothschild adalah penyebab bagi segala peperangan dunia dari 1800-an ahingga sekarang.
5. **[Keluarga Rockefeller](#)**, juga penguasa ekonomi dunia, dikatakan 40% kekayaan dunia sekarang adalah

miliknya termasuk semua mesin-mesin carigali minyak dismua negara Arab. Rockefeller adalah pengasas kepada [Trilateral Commission](#) malah mempunyai universiti sendiri. Sesetengah pengkaji konspirasi meramalkan dia adalah orang yang boleh berhubung terus dengan AntiChrist (Dajjal)

Di atas hanya beberapa tokoh sahaja dari suku Yahudi Ashkenazi. Yahudi dari suku lain juga mungkin menguasai pelbagai dimensi sosial dunia. Cuma [Dajjal](#) berkemungkinan lebih cenderung untuk menaikkan saudara mara sukunya pada peringkat teratas.

*“Yakni Dajjal mahukan tokoh-tokoh dari sukunya iaitu Ashkenazi menjadi pemimpin bagi semua tokoh-tokoh dari suku Yahudi yang lainnya”*

## **# Fakta 2 : Misteri Angka 13**

Terdapat fakta lain yang lebih menyakinakn saya tentang suku Ashkenazi ini. Fakta itu ialah tentang malapetaka penyakit yang ditimpakan Allah ke atas suku ini.

Angka tiga belas (13) amat menarik untuk dikaji dan dijadikan hujah kukuh. Allah telah menimpakan 13 jenis penyakit “wajib” atas suku ini. Maksud perkataan wajib itu ialah setiap 25 hingga 40 orang dari suku Ashkenazi akan terkena salah satu penyakit genetik ini. Sumber adalah berdasarkan statistik dari Jewish Genetics Centre.

Sesungguhnya penyakit genetik Ashekanazi ini mempunyai 13 jenis:

1. Bloom’s Syndrome



2. Canavan Disease
3. Cystic Fibrosis
4. Factor XI Deficiency
5. Familial Dysautonomia (Riley-Day syndrome)
6. Fanconi Anemia
7. Gaucher Disease
8. Mucopolidosis IV
9. Niemann-Pick Disease
10. Non-Classical Adrenal Hyperplasia
11. Nonsyndromic Hearing Loss
12. Tay-Sachs Disease
13. Torsion Dystonia

(Sumber : [www.jewishgeneticscentre.org](http://www.jewishgeneticscentre.org))

Penyakit ini sebanyak 90% melanda masyarakat Yahudi Ashkenazi di Israel. Kadang kala ia dihidapi juga oleh orang-orang Yahudi di Amerika dan Eropah. Namun ia tetap menyerang golongan Yahudi suku Ashkenazi walau di mana mereka berada.

Dan saya percaya ibu bapa Dajjal mengidap salah satu penyakit di atas dan saya juga percaya Dajjal salah satu penyakit di atas.

Fritz Springmeier (pengkaji konspirasi Yahudi) menyatakan [Dajjal](#) berasal dari salah satu 13 keturunan pilihan. 13 keturunan itu ialah:

1. Keluarga Astor
2. Keluarga Bundy
3. Keluarga Collins
4. Keluarga DuPont
5. Keluarga Freeman

6. Keluarga Kennedy
7. Keluarga Lee
8. Keluarga Onassis
9. Keluarga Reynolds
10. [Keluarga Rockefeller](#)
11. Keluarga Rothschild
12. Keluarga Russell
13. Keluarga Van Duyn

#### **# Fakta 4 : Ujian Kecerdasan IQ**

Walaupun suku Ashkenazi dimudharatkan dengan 13 jenis penyakit mutasi, namun Allah berkehendak ke atas mereka untuk menjadi suku bangsa paling bijak dari suku-suku lain.

Muhamad Isa Dawud pula sering menggunakan perkataan-perkataan ini untuk membahaskan tentang Dajjal, iaitu

*“anak genius itu....”* atau *“....yang genius itu”*

Pada mulanya saya hanya beranggapan Muhammad Isa Dawud sengaja menggunakan perkataan “genius” untuk membezakan Dajjal dan manusia biasa. Tetapi gelaran yang diberikan Muhammad Isa Dawud memang benar.

Menurut Danial A. Segal, seorang pakar antropologi, kajian ke atas tahap IQ bangsa Yahudi Ashkenazi mendapati mereka mengatasi suku-suku bangsa lain di dunia. Mereka mencatat 7 - 12 mata dan ke atas bagi setiap kajian. Berikut adalah Ujian IQ ke atas sampel Yahudi Ashkenazi berdasarkan dari 6 sumber.

<b>Source</b>	<b>Sample sizes. Number of Ashkenazi Jews tested.</b>	<b>Average IQ Ashkenazi Jews in USA and/or UK</b>
Backman 1972	1236	107.8 verbal IQ
Backman in present study	150	107.5 crystallized IQ
Lynn	Estimated	103.5 Ashkenazi Jews in Israel
Storfer	Suggested IQ	112
Bachman 1970	Lesser than 100	112.8
Herrnstein/Murray 1994	59	112.6

Atau lihat buku-buku berikut:

Daniel A. Segal *'The European': Allegories of Racial Purity*, *Anthropology Today*, Vol. 7, No. 5 (1991), muka surat. 7-9

Barnett, Susan M. and Williams, Wendy (2004). *"National Intelligence and the Emperor's New Clothes"*. *Contemporary Psychology: APA Review of Books* 49 (4): muka surat 389-396.

Saya juga sarankan anda baca kajian oleh Gregory Cochran, Jason Hardy dan Henry Harpending dalam jurnal mereka yang bertajuk 'Natural History of Ashkenazi Intelligence'.

Klik link ini untuk [download](#) (format .pdf)

## **Kaitan Ashkenazi dan Dajjal : persoalan-persoalan yang timbul**

- Sekiranya [Dajjal](#) bukan perancang bagi segala kemusnahan dunia mengapa semua kekayaan dunia dan pemerintahan dimiliki oleh golongan elit Yahudi Ashkenazi?
- Mengapa suku Ashkenazi amat berpengaruh dan sedang meluaskan pengaruhnya dari tahun 1800 hingga sekarang?
- Mengapa Dajjal memilih suku ini dari suku-suku lain untuk memimpin kumpulan-kumpulan sulit Yahudi seperti [Bilderberg](#), [Skull and Bones](#), [Illuminati](#), [Trilateral Commission](#), [Freemason](#) dan [Council on Foreign Relationship](#)?
- Mengapa hanya keturunan keluarga Rothschild dan [Rockefeller](#) sahaja yang dipilih untuk menguasai ekonomi dunia sejak 300 tahun dahulu?
- Mengapa konspirator-konspirator Yahudi dari suku lain (misalnya Mizrahi dan Sephardi) tidak membantah penguasaan Rothschild dan Rockefeller?
- Adakah mereka semua telah ketahui bahawa Rothschild dan Rockefeller adalah keluarga terpilih oleh Raja mereka?
- Ataupun adakah suku-suku Yahudi lain telah pun mengetahui bahawa [Dajjal](#) berasal dari suku ini?

Oleh kerana persoalan-persoalan inilah yang membuatkan penulis amat yakin suku Ashkenazi adalah suku asal Dajjal. Dan [Dajjal](#) sudah tentu mempunyai sebab-sebab tertentu untuk memilih sukunya sendiri.

## **Kesimpulan**

Umum mengetahui bahawa dunia hari ini dikuasai oleh bangsa Yahudi dari segala aspek bermula dari politik hinggalah ke dunia hiburan serta pendidikan.

Tetapi masyarakat dunia (khususnya umat Islam), tidak mengetahui bahawa kebanyakan Yahudi yang menguasai dunia hari ini adalah dari suku Ashkenazi. Dan ramai juga yang tidak tahu, mengapa.

*Wallahu'alam...*

**esanan Kepada Peminat Dunia Konspirasi Yahudi!!**

**May 17, 2008 · [2 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*

Assalamu'alaikum...

Bagi peminat-peminat dunia konspirasi Yahudi, tentu anda amat teruja dengan maklumat-maklumat yang didedahkan oleh kebanyakan web-web konspirasi dari barat. Tapi penulis ingin berpesan kepada anda yang meminati bidang 'ilmu' ini (Konspirasi) agar berhati-hati dalam beberapa perkara.

Walaupun mereka mendedahkan rahsia masyarakat Yahudi, namun dalam konteks pendedahan itu wujud 2 kelompok utama yang cuba mempengaruhi pembaca.

1. Kelompok pertama, mereka ingin membawa masyarakat mereka (Kristian) kembali ke pangkuan

- ajaran sebenar kitab Kristian. Maka setiap kali pendedahan tentang AntiChrist akan diletakkan beberapa petikan ayat dari Injil versi King James.
2. Kelompok kedua, mereka adalah golongan beragama yang telah berubah kepada Atheis. Perubahan ini disebabkan kekecewaan mereka terhadap agama Kristian sendiri yang dilihat diputarbelitkan oleh minoriti Yahudi. Oleh itu, mereka beranggapan semua agama adalah serupa. Maka mereka membuat web konspirasi Yahudi dengan memberi pandangan bahawa semua agama adalah palsu.

Bagi blogger muslim pula, saya nasihatkan sebelum membuat atau mengulas sesuatu isu tentang konspirasi agar teliti fakta-fakta tersebut secara menyeluruh. Lihat dahulu latar belakang pemilik web tersebut (sekiranya ada dinyatakan). Atau baca 80% artikel dalam web tersebut untuk mengetahui pemikiran pemiliknya.

Saya berikan contoh seperti David Icke iaitu pembuat filem konspirasi Yahudi, beliau bukanlah atheis dan bukan juga penganut setia Kristian. Namun dalam videonya diselitkan juga komentar-komentar tentang keraguannya tentang Islam. Ada sebahagian maklumat yang boleh kita ambil dan ada juga sebahagian maklumat yang kita harus abaikan.

Seperkara lagi, sekiranya anda menjumpai laman web yang mendakwa mereka golongan Aryan, anda hendaklah berhati-hati membacanya kerana disiti mereka mencampur-adukkan istilah Islam khususnya ungkapan Jihad untuk menarik perhatian umat Islam.

Mudah-mudahan usaha dakwah kita yang tidak seberapa ini diberkati Allah SWT. Dan mudah-mudahan juga masyarakat Islam khususnya di Malaysia, Indonesia dan Brunei sentiasa berwaspada tentang fitnah Dajjal yang ....

“TIDAK KELIHATAN TETAPI DIRASAI KESANNYA”

*Na'uzubillahiminzaalik...*

## **Nabi Isa AKan Muncul Sebagai Manusia Paling Maju Di Dunia**

**May 18, 2008 · [2 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*

Beratus-ratus laman web dari seluruh dunia menceritakan dan menghebahkan tentang Dajjal atau [Antichrist](#) ini. Setiap pendedahan yang dinyatakan boleh disimpulkan kepada beberapa perkara:

1. Keupayaan [Dajjal](#) meracuni pemikiran umat manusia sejak tahun 1800.
2. Keupayaan [konco-konco Dajjal](#) menguasai ekonomi dunia.
3. Keupayaan [organisasi-organisasi sulit](#) Dajjal menguasai pemerintahan dalaman setiap negara di dunia.
4. Keupayaan [agen-agen Dajjal](#) menggunakan [teknologi terkini](#) dalam meneroka dunia angkasa melalui UFO.

Kesimpulannya, [Dajjal](#) yang kita kenali itu merupakan manusia yang maju gaya pemikirannya. Seperti kata Muhammad Isa Dawud, “...*dia adalah anak yang genius..*”

Tapi kita terlupa akan seseorang yang ditakdirkan akan melawannya...

Iaitu **Nabi Isa a.s.**

### ***Ciri-Ciri Manusia Maju***

[Dajjal](#) dikatakan maju dan menguasai segala ilmu disebabkan perkara-perkara berikut:

- Hidup terlalu lama sejak sebelum kelahiran Nabi Musa.
- Telah merantau seluruh pelusuk dunia sejak beribu-ribu tahun.
- Mempelajari pelbagai bahasa di dunia.
- Melihat sendiri perkembangan tamadun masyarakat dunia.
- Mengetahui selok-belok tempat di dunia.
- Dan lain-lain lagi...

Maka, saya percaya Nabi Isa a.s. yang ditakdirkan Allah SWT untuk melawan [Dajjal](#) dibekalkan juga dengan perkara-perkara berikut:

- Kemajuan pemikiran dan teknologi setanding atau lebih daripada Dajjal.
- Kekuasaan ilmu teknologi moden yang melampaui pemikiran manusia.



- Strategi peperangan yang lebih maju.

Nabi Isa adalah manusia maju yang bakal diturunkan Allah SWT sesuai dengan tempoh masa hidupnya yang lama seperti Dajjal. Adakah Allah akan menurunkan hamba-Nya ini dengan tangan kosong sahaja untuk melawan [makhluk termaju](#).

*Apa yang perlu dibimbangi?*

Sebagai umat Islam, saya amat bimbang tentang **tiga** perkara:

- Pada ketika Dajjal muncul di tengah-tengah masyarakat, tiada seorang pun tahu ia adalah Dajjal. Mungkin disebabkan wajahnya telah diubah.
- Pada ketika munculnya **Imam Mahdi**, tiada seorang pun sedar dia adalah Imam Mahdi kecuali orang-orang tertentu yang ditakdirkan Allah sahaja.
- Pada ketika turunnya **Nabi Isa**, tiada seorang pun sedar ia adalah Nabi Isa kerana ketika itu manusia berada dalam keadaan jahil dan sentiasa merasakan dunia masih lagi bukan era akhir zaman.

Apabila membaca hadith Rasulullah SAW, kita mungkin hanya berfikir Nabi Isa turun dari langit kemudian terus membunuh Dajjal. Anggapan sebegini mungkin timbul kerana hadith berikut ringkas sahaja dan kita akan mengandaikan kejadian tersebut hanya berlaku sekejap sahaja.

Tetapi sebaliknya, kemungkinan kejadian tersebut lebih lama dari yang kita dijangkakan.


*Wallahu'alam....*

## **Rahsia Simbol NAZI**

**May 15, 2008 · [3 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*

Semua orang mengenali perkataan NAZI dan semua orang juga tahu apa itu NAZI. Orang ramai sudah biasa dengan perkataan ini malah apabila menyebutnya pastinya teringatkan negara Jerman dan pemimpin diktatornya iaitu **Adolf Hitler**.



Namun, kita kurang didedahkan oleh asal usul nama NAZI itu sendiri. Pendedahan ini bukanlah suatu perkara baru, ianya telah lama didedahkan oleh kebanyakan ahli-ahli sejarah yang bukan berlatarbelakangkan Yahudi.

### *Asal Usul Perkataan NAZI*

Sebenarnya perkataan NAZI bukanlah akronim bagi sesuatu pertubuhan. Ianya sebenarnya berasal dari suatu perkataan purba yang merujuk kepada sebuah suku Yahudi iaitu Ashkenazi.

(Ramai pengkaji sekarang membuktikan Ashkenazi bukanlah dari keturunan Yahudi Bani Israel yakni ia bukanlah dari pengikut Nabi Ibrahim a.s.)

Perkataan NAZI diambil dari 4 huruf hujung perkataan AshkeNAZI. Perkataan itu dikeluarkan oleh Dajjal dan dibangunkan inputnya sehingga menjadi suatu bentuk ideologi ekstrem.

*Apa itu Ashkenazi?*

Menurut Wessthea iaitu Pengarah Black Solidarity Terdapat dua kontradiksi di sini membabitkan asal usulnya. Fakta sejarah dari karangan sarjana Oxford dan juga PBB sendiri mengiktiraf Ashkenazi sebagai salah satu suku dari bangsa Yahudi Kuno.

Manakala para ilmuan sejarah era moden sekarang tidak mengiktiraf dan tidak mengesahkan fakta tersebut kerana fakta menyatakan Ashkenazi adalah seorang lelaki yang bukan dari keturunan Nabi Ibrahim tetapi dia adalah berasal dari keturunan Yafith anak Nabi Nuh a.s.

Secara faktanya juga Ashkenazi bukanlah golongan Sematik dan Hematik, Arab atau Parsi tetapi dari Eropah.

*Pembentukan simbol NAZI*

Simbol NAZI adalah seperti gambarajah di bawah. Kelihatan seperti kipas yang dibengkokkan setiap hujungnya.



Namun sebenarnya ialah simbol tersebut adalah hasil gabungan dua huruf iaitu N dan Z. Huruf N jika diterbalikkan akan kelihatan seperti Z dan begitu juga sebaliknya.

**N** diambil daripada suku kata **NA** manakala **Z** diambil dari suku kata **ZI**.

Selain teori di atas, ada juga sebahagian pendapat mengatakan simbol NAZI itu berasal daripada salib yang dipatah-patahkan hujungnya. Kemudian terbentuklah suatu simbol yang seperti sekarang ini.



*Jadi, apa kaitannya NAZI dengan Dajjal ?*

Mungkin anda sendiri mengetahui jawabannya.

*Wallahu'alam*

**Syarikat Illuminati Sudah Tiba Di Johor**

**May 22, 2008 · [3 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*



(Gambar) *Menteri Besar Johor bersama Pengarah Halliburton, David King merasmikan pembukaan kilang pada 29 Mac 2008.*

Dalam sidang perbahasan di parlimen pada 21 Mei (Rabu), **Dato' Seri Tuan Guru Hadi Awang** telah mempersoalkan tindakan Kementerian Perdagangan yang memberi kelulusan syarikat [Yahudi Zionis](#) untuk membuka kilang seluas 20,000 kaki persegi di Taman Teknologi Johordi Johor.

Syarikat tersebut dikenali sebagai **Halliburton Manufacturing & Technology (M) Sdn. Bhd.** Tuan Guru mempersoalkannya kerana syarikat tersebut terlibat secara langsung dengan penjajahan Amerika di Iraq, Mesir dan Palestin.

Amat mengecewakan apabila Timbalan Menteri iaitu **Dato' Jacob Dunggau Sagan** gagal menjawab soalan Tuan Guru. Beliau hanya sekadar berhela kosong dan memberitahu kerajaan memberi kebenaran kerana syarikat tersebut mampu membawa pulangan faedah terkumpul yang banyak kepada kerajaan.

## ***Berkenaan Halliburton Manufacturing***

Halliburton merupakan syarikat pembekal senjata utama untuk peperangan di Iraq. Syarikat ini juga merupakan syarikat warisan keturunan Yahudi yang bernama Halliburton. Di bawah syarikat ini terdapat banyak lagi syarikat-syarikat yang mengkhusus dalam teknologi senjata dan minyak.

Asalnya Halliburton Manufacturing diasaskan oleh dua orang tokoh perniagaan Yahudi iaitu Vida dan Erle P. Halliburton dan beribu pejabat di Burkburnett, Texas pada 1919. *Core business* untuk syarikat ini ialah *Oil Well Cementing*.

Sejak dari 1919 hingga 1982, jumlah pekerja tetap syarikat Halliburton ialah seramai 115,000 orang. Namun jumlah pekerja menurun kepada 73,000 orang pada 1991.

Untuk memantapkan peranan Halliburton Manufacturing, syarikat ini telah menubuhkan sebuah anak syarikat yang berperanan khusus dalam pembekalan alatan perang berteknologi. Anak syarikat tersebut bernama **Brown & Root Service**.

## ***Peranan Brown & Root Service Dalam Polisi Perang Amerika***

BRS adalah sekutu terbesar dalam membekalkan alatan perang sejak 1990-an. BRS secara langsung telah terlibat dalam konflik-konflik seperti...

- *Desert Storm Operation*, Kuwait pada 1991,

- *Konflik Balkan*, 1990 dan **Bosnia-Herzegovina**. Dalam konflik ini, Halliburton telah menuubuhkan sebuah lagi anak syarikat baru iaitu **Kellog Brown-Root** (KBR),
- Perang Teluk, Perang Afghanistan dan Perang Iraq.

### ***Kekuasaan Halliburton dan Syarikat-Syarikat Yahudi Lain***

Pada era Bush, Halliburton adalah penguasa sebenar loji-loji minyak di seluruh tanah Arab atau negara Islam kecuali Iran. Kekuasaan Halliburton bolehlah disamakan dengan kekuasaan Exxon Mobil yang dimiliki oleh [David Rockefeller](#).

Menurut Dr. P.s.Babcock,

*“...bagi sesiapa yang bukan dalam bidang industri minyak, Halliburton adalah sebuah syarikat yang misteri. Bagi yang terlibat dengan industri minyak pula, Halliburton adalah syarikat jenayah kolar putih.”*



(Logo jenama)

Halliburton boleh disamakan dengan syarikat Yahudi lainnya seperti **Baskin Robin** (pembekal aiskrim untuk kem tentera Amerika di Iraq) dan pakaian jenama **Bill Khakis** iaitu pembuat pakaian tentera Amerika dan [Zionis](#) sejak 1880-an.





(Dari kiri) *Irvin Robbin*, pengasas Aiskrim Baskin Robbin dan *Erle P. Halliburton*

Halliburton sama sahaja dengan kedua-dua syarikat ini, “**tidak popular, tetapi amat berkuasa**” dan terlibat secara langsung dengan setiap peperangan dunia dengan memainkan peranan masing-masing.

Tidak diketahui adakah pemilihan syarikat Halliburton oleh kerajaan Malaysia dibuat secara paksa atau pilihan terbuka. Adalah amat tidak logik pihak kerajaan Malaysia tidak mengetahui latar belakang syarikat ini.

Tindakan Kementerian Perdagangan itu bukan sahaja dipersoalkan oleh **Pakatan Rakyat** tetapi juga dari ahli perlimen BN sendiri iaitu **Dato’ Mukhriz Tun Mahathir** dalam **perbahasan parlimen** pada hari yang sama.

*Wallahu’alam.*

**Harun Yahya : Penyiasat Konspirasi Terkemuka**

**June 9, 2008 · [1 Comment](#)**

oleh Ibnuyaacob



Beliau bukanlah baru dalam bidang siasatan konspirasi Yahudi. Harun Yahya atau nama sebenarnya Adnan Oktar merupakan antara Conspiracy Investigator (CI) muslim paling terkenal di dunia setakat pengetahuan saya.

Hasil-hasil kerja beliau amat unik malah beliau tidak sahaja menumpu kepada membongkar aktiviti konspirasi Yahudi tetapi banyak makalah-makalah beliau mengajak manusia mengagungkan ciptaan Allah.

Selepas dipenjara atas tuduhan menentang Teori Revolusi Darwin semasa belajar di Turki, beliau banyak menulis tentang kehebatan makhluk-makhluk ciptaan Allah. Setiap huraian dan penerangannya digabungkan bersama fakta sains dengan ayat-ayat al-Quran. Bahasanya mudah, ringkas dan berfakta.

Maka tidak harianlah sebuah hasil kerjanya diterjemah di seluruh dunia dalam lebih 20 bahasa termasuk Eropah, Asia Timur, Asia Barat dan Amerika.

Beliau amat terkenal sebagai pembongkar dan penentang pertubuhan Zionist dan Freemason di seluruh dunia. Mungkin sifatnya ini yang menyebabkan pihak pengurusan Google Inc. mengharamkan penggunaan Google Groups kepada Adnan Oktar atau sebarang aktiviti berakaitan dengannya.

Bukan itu sahaja, beliau juga antara CI muslim yang dikategorikan oleh Jewish American Organization (JAO.org) sebagai anti-sematik dan berbahaya kepada Yahudi Zionis.

Nampaknya beliau mengikut jejak langkah Muhammad Isa Dawud digelar sebagai anti-sematik dan berbahaya. Cumanya Muhammad Isa Dawud di banned oleh Anti-Defamation League (ADL.org) lebih awal lagi.

Umur mereka berdua juga hampir sama, kedua-duanya berumur 50-an, cuma Harun Yahya tua setahun daripada Muhammad Isa Dawud iaitu 56 tahun.

### **Mengapa Harun Yahya Dianggap Berbahaya?**

Yahudi amat licik mencari mangsa untuk dihapuskan. Mereka tidak mencari orang-orang awam yang menyertai demonstrasi jalanan menentang zionis, tetapi mereka mencari penulis-penulis buku yang dijangka sebagai racun utama kepada masyarakat.

Buku pertama beliau bertajuk, *Judaism and Freemasonry* yang diterbitkan pada 1986 telah menimbulkan kemarahan pemimpin-pemimpin Freemason aliran sekular di Turki. Akibatnya beliau dipenjarakan dan dikurung di hospital pesakit mental di Ankara.

Dalam buku itu, beliau mengutuk habis-habiskan fahaman agama Yahudi iaitu Judais dan pertubuhan Freemason. Beliau juga menegaskan dalam bukunya bahawa kitab Taurat yang digunakan oleh masyarakat Yahudi sekarang adalah palsu.

Namun tentang dan tekanan yang dikenakan ke atas beliau kurang memberi kesan kerana beliau lahir dari keluarga kaya raya dan elit. Beliau banyak menggunakan wang-wangnya untuk tujuan berdakwah, membuat risalah dan mengedarkan kepada orang ramai.

Selepas keluar dari penjara pesakit mental itu, Harun Yahya tidak gentar malah berani menentang Yahudi secara terbuka dengan menerbitkan suatu lagi buku kontroversi pada 1996 iaitu *Soykurum Yalam (The Holocaust Lie)*.

Kini Harun Yahya amat terkenal dan berpengaruh ditambah pula kerajaan Turki sekarang dipimpin oleh pemimpin revolusi Islam dari parti AKP, Recep Tayyip Erdogan. Kedua-dua mereka mempunyai zaman yang sama dan jihad yang satu.

Harun Yahya dengan jihad ilmu-ilmu sains sosialnya manakala Recep Tayyip Erdogan dengan jihad politiknya.

**Bilal Philips Vs Harun Yahya**

Dalam beberapa ceramah baru-baru ini, Bilal Philips yang juga pendakwah dan penulis beberapa buku berkaitan konspirasi Yahudi menyelar salah satu hasil kerja Harun Yahya iaitu The Atlas of Creation.

Bilal terdapat beberapa ungkapan dalam makalah tersebut yang dipertikaikan oleh Bilal Philips.

Bilal Philips juga mengatakan Harun Yahya ialah seorang pantheist, penyembah berhala dan tidak mempunyai latar belakang sains dalam menerangkan sesuatu berkaitan dunia saintifik. Harun Yahya dianggap hanya sebagai interior designer sahaja dalam dunia saintifik.

Bilal juga menegaskan akan merancang beberapa video untuk mendedahkan pembohongan-pembohongan Harun Yahya (Adnan Okthar)

### **Pandangan Peribadi Saya**

Setakat tarikh ini, dan setakat pengetahuan yang ada, saya masih lagi menyebelahi pandangan Harun Yahya berbanding Bilal Philips. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan saya kurang bersetuju dengan Bilal malah sangsi dengan beliau:

- Pertamanya Bilal bermazhab Wahabi dan boleh dianggap pendokong ideologi Wahabi yang ekstrem setaraf dengan Ibnu Baaz. Pendokong Wahabi menolak pandangan para sahabat, tabi tabiin dan ulama mazhab lain.

- Keduanya, Bilal tidak hidup dalam perjuangan seperti Harun Yahya yang pernah dipenjarakan oleh konco-konco Kamal Attartuk.
- Ketiganya, Bilal hanya mengkritik buku Harun Yahya yang berkaitan penciptaan Allah tetapi tidak mengkritik buku-buku Harun Yahya yang berkaitan Zionis.
- Keempatnya, Bilal Philips walaupun mempunyai PhD tetapi telah mengeluarkan kenyataan mengatakan semua ulama ahlul Sunnah adalah syirik pada Jun 2007 di Madison Square Garden, New York. Ini jelas menunjukkan kependekkan akalnya.
- Dan akhirnya, Bilal tidak tahu berbahasa Turki. Dan Harun Yahya tidak pernah menggunakan bahasa Inggeris dalam buku asalnya. Semua makalah Harun Yahya sebenarnya dari bahasa Turki. Apabila diterjemahkan ke bahasa asing maka ketepatan makna akan bergantung 100% kepada penterjemah tersebut.



*(Kiri) Harun Yahya ditahan polis Turki pada 1986 kerana menentang sekular (Kanan) Harun Yahya ditempatkan di Hospital Sakit Jiwa Barkikoy, Turki.*

## **Kesimpulan**

Apabila berlaku pertembungan dua orang Islam di hadapan masyarakat awam yang berebut memperbetulkan keadaan, harus bagi kita menilai siapakah di antara kedua mereka yang lebih gemar menyelesaikan masalah secara musyawarah berbanding tikam menikam lidah.

*Wallhu 'alam.*

## **Syarikat Illuminati Sudah Tiba Di Johor**

**May 22, 2008 · [3 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*



*(Gambar) Menteri Besar Johor bersama Pengarah Halliburton, **David King** merasmikan pembukaan kilang pada 29 Mac 2008.*

Dalam sidang perbahasan di parlimen pada 21 Mei (Rabu), **Dato' Seri Tuan Guru Hadi Awang** telah mempersoalkan

tindakan Kementerian Perdagangan yang memberi kelulusan syarikat [Yahudi Zionis](#) untuk membuka kilang seluas 20,000 kaki persegi di Taman Teknologi Johordi Johor.

Syarikat tersebut dikenali sebagai **Halliburton Manufacturing & Technology (M) Sdn. Bhd.** Tuan Guru mempersoalkannya kerana syarikat tersebut terlibat secara langsung dengan penjajahan Amerika di Iraq, Mesir dan Palestin.

Amat mengecewakan apabila Timbalan Menteri iaitu **Dato' Jacob Dunggau Sagan** gagal menjawab soalan Tuan Guru. Beliau hanya sekadar berhelah kosong dan memberitahu kerajaan memberi kebenaran kerana syarikat tersebut mampu membawa pulangan faedah terkumpul yang banyak kepada kerajaan.

### ***Berkenaan Halliburton Manufacturing***

Halliburton merupakan syarikat pembekal senjata utama untuk peperangan di Iraq. Syarikat ini juga merupakan syarikat warisan keturunan Yahudi yang bernama Halliburton. Di bawah syarikat ini terdapat banyak lagi syarikat-syarikat yang mengkhusus dalam teknologi senjata dan minyak.

Asalnya Halliburton Manufacturing diasaskan oleh dua orang tokoh perniagaan Yahudi iaitu Vida dan Erle P. Halliburton dan beribu pejabat di Burkburnett, Texas pada 1919. *Core business* untuk syarikat ini ialah *Oil Well Cementing*.



Sejak dari 1919 hingga 1982, jumlah pekerja tetap syarikat Halliburton ialah seramai 115,000 orang. Namun jumlah pekerja menurun kepada 73,000 orang pada 1991.

Untuk memantapkan peranan Halliburton Manufacturing, syarikat ini telah menubuhkan sebuah anak syarikat yang berperanan khusus dalam pembekalan alatan perang berteknologi. Anak syarikat tersebut bernama **Brown & Root Service**.

### ***Peranan Brown & Root Service Dalam Polisi Perang Amerika***

BRS adalah sekutu terbesar dalam membekalkan alatan perang sejak 1990-an. BRS secara langsung telah terlibat dalam konflik-konflik seperti...

- *Desert Storm Operation*, Kuwait pada 1991,
- *Konflik Balkan*, 1990 dan **Bosnia-Herzegovina**.  
Dalam konflik ini, Halliburton telah menuubuhkan sebuah lagi anak syarikat baru iaitu **Kellog Brown-Root** (KBR),
- Perang Teluk, Perang Afghanistan dan Perang Iraq.

### ***Kekuasaan Halliburton dan Syarikat-Syarikat Yahudi Lain***

Pada era Bush, Halliburton adalah penguasa sebenar loji-loji minyak di seluruh tanah Arab atau negara Islam kecuali Iran. Kekuasaan Halliburton bolehlah disamakan dengan kekuasaan Exxon Mobil yang dimiliki oleh [David Rockefeller](#).

Menurut Dr. P.s.Babcock,

“...bagi sesiapa yang bukan dalam bidang industri minyak, Halliburton adalah sebuah syarikat yang misteri. Bagi yang terlibat dengan industri minyak pula, Halliburton adalah syarikat jenayah kolar putih.”



(Logo jenama)

Halliburton boleh disamakan dengan syarikat Yahudi lainnya seperti **Baskin Robin** (pembekal aiskrim untuk kem tentera Amerika di Iraq) dan pakaian jenama **Bill Khakis** iaitu pembuat pakaian tentera Amerika dan [Zionis](#) sejak 1880-an.



(Dari kiri) *Irvin Robbin*, pengasas Aiskrim Baskin Robbin dan *Erle P. Halliburton*

Halliburton sama sahaja dengan kedua-dua syarikat ini, “**tidak popular, tetapi amat berkuasa**” dan terlibat secara langsung dengan setiap peperangan dunia dengan memainkan peranan masing-masing.

Tidak diketahui adakah pemilihan syarikat Halliburton oleh kerajaan Malaysia dibuat secara paksa atau pilihan terbuka. Adalah amat tidak logik pihak kerajaan Malaysia tidak mengetahui latar belakang syarikat ini.

Tindakan Kementerian Perdagangan itu bukan sahaja dipersoalkan oleh [Pakatan Rakyat](#) tetapi juga dari ahli perlimen BN sendiri iaitu **Dato' Mukhriz Tun Mahathir** dalam [perbahasan parlimen](#) pada hari yang sama.

*Wallahu'alam.*

## **Rahsia Misi Dajjal Di Timur Tengah**

**June 12, 2008** · [3 Comments](#)

oleh Ibnuyaacob



Majoriti masyarakat mengatakan tujuan Amerika menyerang Iraq, Afghanistan dan menguasai minyak

negara-negara Islam lain adalah kerana mahukan minyak dan sumber kewangan.

Di sini ingin saya jelaskan TIDAK. Ia bukan faktor utama, tetapi saya bersetuju jika dikatakan tujuan ‘menyerang’ itu sebagai ‘salah satu faktor’.

### **Benarkah Dajjal Perlukan Wang?**

Dengan penguasaan penuh syarikat-syarikat gergasi Yahudi di seluruh dunia daripada pembuatan seluar dalam hinggalah kepada stesen angkasa lepas, adakah mungkin Dajjal masih memerlukan wang untuk meneruskan agenda ketuhanannya?

Harus diingat, matlamat akhir Dajjal adalah memastikan ...

“Semua masyarakat dunia menyembahnya sebagai Tuhan”

Untuk meneruskan misi di atas ada 3 perkara yang menjadi faktor penghalang

1. Imam Mahdi
2. Nabi Isa a.s.
3. Agama Islam

### **Senario Sekarang VS Kemampuan Dajjal**

Kita perlu memahami dua persoalan ini iaitu senario/situasi yang berlaku sekarang dengan kemampuan yang telah dikecapi Dajjal.

Adakah sesuatu yang logik, Dajjal yang telah dikurniakan Allah SWT pemikiran yang genius, umur yang panjang,

mendapat pertolongan Iblis, Syaitan dan Jin serta tinggal di rumah Segitiga Bermuda yang kebal itu masih memerlukan wang masyarakat dunia?

Jika dibandingkan dengan situasi sekarang, media Islam dan antarabangsa melaporkan kerajaan-kerajaan Dajjal iaitu Amerika dan Britain melakukan serangan ke atas Afghanistan dan Iraq untuk mendapatkan minyak.

*Benarkah begitu?*

Saya paling tidak setuju dengan kenyataan ‘mencuri minyak’ oleh media massa. Itu bukanlah faktor utama. Pasti ada misi tersembunyi yang mendokong misi Dajjal melancarkan serangan ke atas Afghanistan dan Iraq.

Wang sudah tidak menjadi masalah dan bukan lagi suatu masalah kepada Dajjal, agen-agen Dajjal sudah pun menguasai minyak dunia sejak 400 tahun dahulu bermula dengan empayar keluarga Rothschild, Rockefeller dan Halliburton.

### **Misi Sebenar Dajjal**

Teliti hadith-hadith ‘misi’ Imam Mahdi dan Nabi Isa a.s. yang disabdakan oleh Rasulullah SAW

Berdasarkan fakta-fakta hadith seperti di bawah, kita dapat ketahui suatu misi tersembunyi Dajjal yang telah pun dilaksanakannya sekarang.

*“Al-Mahdi berasal dari keturunanku, berkening lebar, berhidung panjang dan mancung, ia akan memenuhi bumi*

*ini dengan keadilan dan kemakmuran, sebagai mana ia (bumi ini) sebelum itu dipenuhi oleh kezaliman dan kesemena-menaan, dia berumur tujuh tahun.”*

(Riwayat Abu Daud dan Hakim)

*“Kemudian kamu akan memerangi kaum ROm dan kamu akan mengalahkan mereka dengan izin Allah .”*

(Riwayat Bukhari)

Semua perkataan yang dimerahkan adalah bermaksud misi Imam Mahdi selepas dibaiahkan oleh umat Islam. Apakah Dajjal tidak tahu akan misi ini? sudah pasti ia tahu.

Dajjal yang genius itu sudah pasti dapat membaca matlamat perjuangan Imam Mahdi melalui hadith ini. Dajjal tidak perlu menumpukan kepada teori-teori tempat kelahiran Nabi ISA a.s. kerana Dajjal tahu Nabi Isa akan ‘diturunkan’ dari kerajaan langit bukannya dilahirkan semula dari perut-perut wanita Islam.

### **Misi sebenar Dajjal ialah ....**

*“Mencari dan membunuh Imam Mahdi melalui pencerobohan dan peperangan di negara-negara Islam”*

Dajjal mengetahui dan diberi pengetahuan bahawa kemunculan Imam Mahdi berbeza dengan kemunculan Nabi Isa a.s.

Imam Mahdi seperti yang disebutkan Rasulullah akan lahir dari keturunannya sendiri iaitu sebelah puterinya Fatimah.

Manakala perwatakan Imam Mahdi dari segi fizikal dan zahiriah adalah hampir serupa.

Menyedari bahawa Imam Mahdi adalah bersifat manusia biasa yang 'akan dilahirkan' oleh seseorang di atas muka bumi ini, maka Dajjal memikirkan penting untuk mencari 'individu-individu' yang dijangka melahirkan Imam Mahdi.

### **Teori Tentang Strategi Dajjal**

Disini saya ingin membentangkan teori-teori tentang strategi Dajjal untuk mencari ibu-ibu yang bakal melahirkan Imam Mahdi.

Secara logiknya adalah sukar bagi Dajjal. Tetapi secara praktikalnya Dajjal mempunyai pilihan terbaik, iaitu ....

- Untuk mencari anak-anak kecil yang bakal menjadi Imam Mahdi, hadith-hadith Rasulullah dan pandangan-pandangan ulama' harus diambil kira.
- Pandangan ulama' perlu bagi Dajjal kerana Imam Mahdi adalah *superhero* untuk umat Islam, dan kelibatnya amat ditunggu-tunggu sehinggakan ada yang mengaku Imam Mahdi.

Jika kita mengambil maklumat dari hadith, ulama' dan faktor sejarah, maka keputusan tentang kemunculan Imam Mahdi akan diperoleh seperti berikut :

#### **#Teori 1 : Imam Mahdi di Iraq dan Iran**

Rasulullah mengatakan Imam Mahdi akan lahir dari keturunan Fatimah - maka Imam Mahdi adalah cucu-cicit

dari keturunan Hassan dan Hussein kerana Fatimah berkahwin dengan Saidina Ali bin Abi Talib.

*“Al-Mahdi berasal dari anak cucuku, dari keturunan Fatimah.”*

(Hadis riwayat Abu Daud, Ibnu Majah dan Hakim)

Kaitannya dengan Iraq dan Iran, - Negara Iraq yang luas itu mempunyai jumlah majoriti penduduk Syiah 70% berbanding penduduk Sunni. Mengikut pandangan penganut Syiah, Imam Mahdi akan lahir dari keturunan Hussein.

Penganut mazhab Syiah amat berpegang teguh dengan kepercayaan ini, mereka dengan penuh yakin mengatakan Imam Mahdi akan muncul dari kalangan Syiah, tambahan pula Iran sekarang semakin menghampiri tampuk negara kuasa utama dunia.

Maka adalah logik untuk Dajjal menyerang dan memporak perandakan kedua-dua negara ini kerana Imam Mahdi mungkin akan lahir dari penduduk Iran dan Iraq. Untuk mencari dan menyelidik setiap seorang adalah sukar, dengan menghapuskan wanita-wanita Islam dan kanak-kanak sekali gus lebih mudah.

Senario sekarang dilihat tentera PBB terus ditempatkan di Iraq, ianya sebenarnya sebagai langkah berjaga-jaga memerhati kemunculan Imam Mahdi.

Afghanistan adalah negara kecil yang kaya dengan minyak tetapi teramat kuat dari segi keimanan penduduknya walaupun terdapat pelbagai suku.



Semenjak kemenangan Mujahiddin ke atas Soviet Union, ia mengundang pelbagai persoalan dan tanda tanya terhadap para perancang perang Amerika dan Eropah

*Apakah keistimewaan Mujahidin?*

Memandangkan keturunan Saidina Hassan dan Hussein berselerakan di merata dunia, maka ramalan bahawa Mujahidin dipimpin oleh bakal-bakal Imam Mahdi kelihatan logik bagi Dajjal.

Dajjal tidak mengenali Imam Mahdi, jadi menyerang secara gerila negara kecil ini sudah memadai untuk melenyapkan Imam Mahdi.

Sehingga sekarang tentera PBB ditempatkan di Afganistan. Menurut Setiausaha Agong PBB ketika itu, Koffi Annan, ianya sebagai langkah mengawal keamanan. Tetapi bagi saya ianya sebenarnya sebagai langkah 'berjaga-jaga' menanti kemunculan Imam Mahdi.

**Pernahkah kita terfikir?**

Pernahkah kita terfikir, apa lagi yang diperlukan Amerika di Iraq selain minyak. Apakah tidak cukup minyak yang terdapat di Afghanistan. Atau ada faktor lain yang menyebabkan Amerika akan terus meletakkan tenteranya di situ.



Pada 8 Disember 2006, Al-Jazeera melaporkan 6 kanak-kanak dan 8 wanita telah di bunuh di kampung Ishaqi, 90km di utara Baghdad. Pembunuhan ini dilakukan oleh pasukan tentera udara Amerika yang menjatuhkan bom di dua buah kediaman orang awam.

Wartawan CNN sendiri iaitu Mike Mount, Jomana Karadsheh dan Barbara Starr pada 12 Oktober 2007 melaporkan, tentera Amerika dalam operasi terbarunya telah membunuh 15 kanak-kanak dan wanita sekali gus. Tiada lelaki yang maut dalam operasi itu.

Dan berpuluh-puluh lagi berita pembunuhan orang awam yang majoritinya adalah kanak-kanak dan wanita yang berlaku.

Jadi, apakah kaitannya wanita dan kanak-kanak dalam operasi ini?

Adakah ianya kebetulan?

## **#Teori 2 : Imam Mahdi adalah orang kaya Muslim**

*“Pada akhir zaman akan muncul seorang khalifah yang berasal dari umatku, yang akan melimpahkan harta kekayaan selimpah-limpahnya, dan dia sama sekali tidak akan menghitung-hitungnya.”*

(Riwayat Imam Ahmad dan Imam Muslim)

Kemungkinan Dajjal mengetahui akan maksud Rasulullah SAW ini, dan dia (Dajjal) tahu khalifah Islam itu adalah seorang kaya yang beriman. Dajjal mungkin tidak tahu siapa, tetapi dalam mengatur strategi adalah lebih baik membuat andaian bahawa:

**“Semua orang kaya Muslim hendaklah dikawal atau pastikan tiada orang Muslim menjadi kaya.”**

Jika strategi di atas diambil kira, kita boleh mengandaikan Dajjal telah bersedia menghadapi situasi ini untuk membendung kemunculan Imam Mahdi.

Lihat sahaja orang kaya Muslim di dunia, siapa paling kaya? Sudah pasti orang Arab terutamanya keturunan-keturunan kerabat Diraja Saudi, Kuwait dan UAE. Tetapi adakah mereka ini bebas.

Tidak! Mereka tidak bebas, mereka terikat dengan perjanjian-perjanjian konsesi minyak di negara mereka.

Kekayaan mereka adalah dari pemberian syarikat-syarikat minyak Yahudi yang melombong di tempat mereka.

Bagi saya, Dajjal tahu perkara ini, tetapi Dajjal mengambil langkah lebih awal lagi agar mana-mana orang kaya Muslim yang menonjol keimanannya dapat diperhatikan, Dajjal bimbang sekiranya orang kaya tersebut adalah individu yang dimaksudkan dalam hadith di atas.



## **Kesimpulan**

Pada pandangan peribadi, saya amat yakin tujuan sebenar Dajjal menakluk dan menguasai ekonomi negara bukan sahaja di atas faktor politik dan ekonomi, tetapi ianya sebenar dijadikan jalan pintas untuk meninjau dan membendung kelibat atau tanda-tanda kemunculan Imam Mahdi yang dijanjikan Allah SWT.

*Wallahu'alam.*

**Pak Lah, Minyak dan Illuminati**

**June 22, 2008 · [6 Comments](#)**

oleh Ibnuyaacob



Saya tertarik dengan komen dengan salah seorang pengunjung Blog D' iaitu:

*“Saya rasa kenaikan harga minyak dunia adalah permainan Rockefeller dan Rotchild.. Boleh tak ibnuyaakub merungkai permasalahan ini dan adakah masalah kenaikan harga minyak negara yg pertama kali dalam sejarah negara dlm kadar yg paling tinggi iaitu 78 sen. Adakah syarikat halliburton ini terlibat secara tidak langsung dgn kenaikan harga minyak di malaysia? Harap penulis dapat memberi penjelasan.. TQ..”*

Soalan ini berdasarkan kenaikan harga minyak Malaysia pada beberapa minggu lepas yang meninggi macam roket Soyuz. Range Boy (pengunjung) memberi pendapat bahawa kenaikan harga minyak dunia adalah permainan Rockefeller dan Rothschild.

Saya setuju dengan pandangan itu!!

Namun jika dilihat dalam konteks kondisi Malaysia yang mencapai kenaikan 78 sen seliter, kita tidak boleh terlalu terlatah dengan permainan syarikat-syarikat minyak [Illuminati](#) dunia.

**EXXON**  
**Mobil**



Ya, memang benar minyak dunia dikuasai [Rockefeller](#) dan Rothschild. Hatta di Malaysia sendiri pun syarikat Exxon Mobil, Esso dan Shell sudah lama bertapak di Ketereh, Terengganu iaitu sebelum penubuhan Petronas lagi.

Dan jentera-jentera gergasi pelantar minyak di Laut China Selatan juga bukan teknologi atau hak milik Malaysia. Petronas sekadar tuan rumah yang menggunakan namanya dalam setiap cari gali. Petronas juga adalah gerai minyak baru zaman Tun Razak.

Tetapi saya percaya kenaikan kadar 78 sen di Malaysia yang diumumkan oleh Pak Lah bukanlah kesan dari tekanan syarikat-syarikat Illuminati ini hatta syarikat Halliburton sekali pun.  
Mengapa demikian?

Kadar minyak di Malaysia ditentukan sepenuhnya oleh Perdana Menteri dan kambing hitam (scapegoat) di Petronas iaitu Dato' Hasan Merican. Malah kenaikannya telah pun dijangka oleh para pemerhati politik sebelum Pilihanraya Umum ke-12.

Sebelum PRU12, dalam beberapa ceramah perdana, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah pun memperingatkan seluruh rakyat Malaysia tentang kemungkinan kerajaan Pak Lah

akan menaikkan harga minyak pada 14 April 2008 dengan kadar 70 sen.

Jangkaan Anwar tepat, tetapi kadarnya lebih tinggi iaitu 78 sen, lebih 8 sen dari kadar jangkaan. Saya percaya Halliburton tidak terlibat dalam urusan kenaikan harga minyak Malaysia.

Kita perlu ingat, di dalam lembaga pengarah Petronas, barisan-barisan eksekutifnya masih lagi terdapat saki baki “orang-orang Anwar” (bukan bermaksud Anwar mengupah agen, tetapi ada sebahagian eksekutif yang sukarela membantu kempen Pakatan Rakyat) seperti mana di DUN Sabah.

Tanpa maklumat orang-orang ini, mana mungkin Anwar berani berceramah dengan fakta 70 sen kadar minyak akan naik.

Kita juga perlu ingat, Petronas pada zaman Mahathir tidak pernah menghantar akaunnya untuk di audit oleh Juru Audit Negara. Dan juga tidak pernah mengeluarkan zakat mengikut kadar yang sepatutnya.

### **Kenaikan Adalah Kehendak Pak Lah Sendiri**

Sebenarnya kenaikan minyak adalah kuasa penuh Pemimpin setiap negara. Kenaikan minyak Malaysia adalah kehendak nafsu Pak Lah sendiri. Keputusan beliau pula dipimpin oleh produk karat dari Oxford iaitu Khairy Jamaludin.

Pak Lah mungkin perlu cari wang saku lebih untuk syarikat-syarikat menantu dan kroni-kroninya yang banyak menghadapi bill-out.

Zaman Mahathir juga harga minyak menjadi persoalan kerana kerap dinaikkan, setiap 4 bulan selepas pilihanraya, maka harga minyak diumumkan kenaikannya. Cuma kenaikan harga minyak zaman Mahathir tidak seganas Pak Lah. Dan kenaikan ini juga memeranjatkan diktator tua itu.

Kita perlu ingat, pada ketika Anwar Ibrahim menjadi Menteri Kewangan, maka harga minyak kekal RM 1.30 seliter. Selepas itu, Anwar atas arahan Mahathir menaikkan sedikit kepada beberapa sen tetapi menerima tentangan dari NGO, pembangkang dan sebahagian rakyat. Dan pada ketika Anwar jugalah prestasi ringgit berada keadaan paling terbaik dalam Malaysia iaitu RM2.50 untuk satu dolar.

Saya sarankan untuk meneliti ekonomi Malaysia dengan lebih tepat, sila baca Harakah pada ruangan ekonomi tulisan Dr. Rosli Yaakop.

*Wallahu'alam*

**Cara Dajjal Mencari Imam Mahdi**

**June 28, 2008 · [2 Comments](#)**

oleh *Ibnuyaacob*





## **Cara Dajjal Mencari Imam Mahdi**

Artikel kali ini akan menghujahkan gabungan maklumat-maklumat berikut :

- Teori kaedah pilihan Dajjal
- Pencarian Imam Mahdi
- Sistem pengecaman wajah berkomputer
- *Programming Language, Operating System dan Windows*
- Peranan manusia dan jin

## **Pengenalan**

Artikel sebelum ini saya ada menerangkan bagaimana Dajjal mencari anak-anak kecil yang dikira bakal Imam Mahdi. Pada artikel tersebut ia hanya menerangkan satu kaedah sahaja iaitu '*menghapuskan bakal-bakal Imam Mahdi*'

Kali ini kita lihat pula kepada satu kaedah lain yang mungkin digunakan Dajjal (melalui agen-agennya) untuk mencari dan menghapuskan Imam Mahdi.

*\* Kaedah pencarian ini sekadar teori untuk mengesan cara Dajjal mencari Imam Mahdi.*

Cara tersebut ialah penggunaan Face Recognition Technology (Teknologi Pengenalan Wajah).

Dajjal menggunakan teknologi yang telah dikembangkan ini untuk mencari **Imam Mahdi**. Teknologi ini mula-mulanya digunakan oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat tetapi ianya dikembangkan menjadi sesuatu yang komersial.

Melalui beberapa ciri pada wajah kita, sistem ini boleh mengesahkan siapakah orang itu. Sistem akan mengimbas wajah dan menyimpannya di dalam database. Kemudian database akan melakukan kerja konfigurasi penyesuaian dengan data-data sedia ada. Dalam beberapa saat sahaja komputer akan memaparkan identiti lengkap orang tersebut.

### **Kegunaan FRT Dalam Pencarian Imam Mahdi**

Bagaimana mahu mencari Imam Mahdi jika namanya bukan Imam Mahdi? Ini bukanlah suatu yang sukar. Untuk mencari Imam Mahdi menggunakan **teknologi FRT**, Dajjal memerlukan 2 sumber utama iaitu manusia dan jin.

### **Manusia dan Jin**

Kedua-dua makhluk ini mempunyai peranan masing-masing untuk membantu Dajjal mencari Imam Mahdi. Pencarian Imam Mahdi mungkin sudah bermula **sejak seribu tahun dahulu**. Namun mungkin cuma cara pencariannya sahaja yang berbeza dan mengikut perkembangan semasa masyarakat.

*“Aku berlindung pada Pemelihara manusia, Raja manusia, Tuhan manusia, Daripada kejahatan pembisik yang menyelinap, Yang membisikkan di dalam dada manusia, Daripada jin dan manusia.”*

(An-Nas, 1-6)

## **#2 : Peranan Manusia**

Agen-agen Dajjal akan bertindak mengumpul semua wajah-wajah manusia di seluruh dunia ke dalam suatu **database** yang besar. Cara mengambil identiti orang ramai termasuk negara-negara Islam adalah mudah.

Ianya boleh dilakukan dengan agen-agen ini menjual perisian FRT kepada kerajaan negara-negara dunia. Agensi yang bakal membeli perisian-perisian ini sudah pasti Jabatan-jabatan pendaftaran yang mengeluarkan kad pengenalan.

Perisian-perisian ini akan diformat oleh pembekal-pembekal agar semua database rakyat boleh diambil tanpa perlu meminta. Kepakaran teknologi sudah pastilah mudah kerana perisian ini akan dipasang dalam **Operating System** buatan Illuminati sendiri iaitu **Windows**.

Bayangkan seorang pencuri laptop dapat mengesan dan mecuri *laptop* yang telah dimatikan yang disimpan di dalam kereta. Pencuri hanya perlu menggunakan alat frekuensi.

*(Tidak lama dulu, rancangan jenayah 999 di TV3 ada menghuraikan tentang jenayah mencuri laptop dan handphone dengan alat frekuaensi)*

Sekiranya perisian FRT dibangunkan oleh orang Islam sendiri pun, Dajjal melalui agen-agen Illuminatinya mampu memecahkan database perisian. Mengapa?




Kita harus ingat, sejauh mana canggih pun perisian itu, ia harus dibina menggunakan bahasa pengaturcaraan komputer (programming language). Bahasa-bahasa ini dibina oleh jurutera-jurutera Yahudi yang genius.

Kita mungkin hanya didedahkan dengan sejarah pembinaan bahasa seperti Fortran, Borland C, C++, Cobol, BASIC dan sebagainya tetapi tidak untuk belajar cara membinanya.

## #1: Peranan Jin

Muhammad Isa Dawud memberitahu Dajjal akan dibantu oleh Jin dan Syaitan dalam setiap operasi jahatnya. Maka peranan jin dan syaitan di sini pada pandangan saya ialah memberikan gambaran fizikal maklumat wajah keturunan Imam Mahdi.



Kemampuan Jin dan Syaitan dalam menampakkan diri kepada bentuk nyata dan berjisim adalah sesuatu yang sah.

Dalam **tafsir al-Qurthubi** ada menyebut :

*“Diriwayatkan bahawa, syaitan pada hari itu menampakkan diri kepada mereka dalam bentuk Suraqah bin Malik bin Ju’syam. Dia berasal dari Bani Bakr bin Kinanah. Orang-orang Quraisy sangat takut kepada Bani Bakr...”*

Rasulullah SAW menegaskan Imam Mahdi adalah dari keturunannya sebelah Saidatina Fatimah. Ini bermakna semua anak-anak dari keturunannya salah seorang bakal menjadi Imam Mahdi.

Cuma keturunannya sekarang berselerak dan tidak dapat dikenalpasti secara sah.

Satu-satunya makhluk yang boleh mengecam wajah-wajah keturunan Fatimah ialah Jin dan Syaitan. Mereka hidup lama beribu-ribu tahun. Jadi peranan mereka di sini ialah menukar jisim mereka menyerupai sebarang wajah-wajah anak-anak cucu Fatimah yang boleh dikenalpasti.

### **Penukaran Kepada Bentuk Ramalan Imam Mahdi**

Melalui **penukaran** ke bentuk jisim fizikal ini, maka **titik-titik wajah diambil** dan disimpan ke dalam database. Semua wajah-wajah keturunan fatimah disimpan dengan tujuan menjadikan maklumat berikut sebagai sumber utama identiti.

Secara logiknya, wajah Imam Mahdi sudah pastilah mempunyai iras-iras dan **ciri-ciri datuk neneknya**. Maka fungsi *database sumber utama* ialah melakukan proses penyesuaian dengan database wajah-wajah manusia seluruh dunia.

Komputer sebagai pemutus pencarian akan memutuskan wajah manakah yang dikira 90% hampir sama dengan database sumber utama. Maka wajah-wajah tersebut atau individu yang dikira sama akan dihapuskan pada peringkat seterusnya.

Rasulullah SAW telah pun memberikan gambaran yang jelas tentang Imam Mahdi mengenai rupanya, fizikalnya dan keturunannya. Adakah mungkin Dajjal hanya duduk sahaja berdiam diri dengan maklumat sebegini?

### **Kesimpulan**

Peranan sesuatu teknologi dalam strategi Dajjal biasanya dikaburkan dengan langkah mengkomersialkan teknologi tersebut. Orang ramai mungkin akan mempertikai kembali teori ini kerana FRT telah pun dikembangkan dengan banyakkian oleh syarikat-syarikat kecil dan besar. Maka dari situ orang ramai tidak nampak ada kerahsian sulit tentang objektif penggunaannya.

Kekaburan ini biasanya dibina di atas alasan “Keselamatan dari Penganas”.

*Wallahu'alam...*


## Rupa Fizikal Dajjal Bila Ia Muncul

June 14, 2008 · [2 Comments](#)

oleh Ibnuyaacob



(Gambar) Sekiranya Dajjal muncul di tengah-tengah masyarakat dengan wajah di atas, sia-sialah pengembaraannya selama beribu-ribu tahun.



(Gambar 2) Dajjal perlu muncul dengan wajah-wajah seperti ini agar masyarakat dunia menerimanya atau dengan wajah yang lebih cantik.

### **Bagaimana Fizikal Dajjal Bila Ia Muncul?**

Mengkaji raut wajah dan susuk tubuh Dajjal amat penting kerana terdapat lebih 10 hadith sahih yang menceritakan tentang fizikalnya. Hadith-hadith ini mempunyai 2 maklumat yang terkumpul iaitu *tersurat* dan *tersirat*.

Kemungkinan juga hadith yang menceritakan tentang bentuk fizikal Dajjal yang pelik-pelik itu adalah pesanan Rasulullah SAW kepada umat Islam yang hidup era Khalifah Ar-Rasyidiin, Bani Abbasiyah dan Uthmaniah.



Pada ketika itu, mungkin Dajjal masih lagi dalam '**fasa merantau**' dengan tujuan mengumpul pengalaman, ilmu dan maklumat di seluruh dunia termasuk di negara-negara Islam.

Jadi Rasulullah memberikan pesanan tentang fizikal Dajjal kepada orang-orang Islam yang mana negeri-negeri mereka bakal dilawati oleh Dajjal.

Walaupun kita sering mengatakan bahawa hadith tersebut adalah untuk masyarakat akhir zaman, tetapi kita lupa **period akhir zaman** adalah bermula **selepas kewafatan Rasulullah**. Nabi Muhammad SAW sendiri adalah nabi akhir zaman maka di manakah abad sebenar akhir zaman abad ke-19, 20 atau 21?

**Period akhir zaman** yang paling sesuai ialah selepas kewafatan Rasulullah. Andainya sekarang adalah abad ke-17, maka masyarakat Islam akan mengatakan abad sekarang ini masih bukan lagi akhir zaman.

Begitu juga pada abad 21 sekarang ini, manusia abad ini masih tidak mengaku ianya akhir zaman. Pengakuan hanya pada lisan tetapi bila dibentangkan hadith, umat Islam akan katakan hadith tersebut untuk masyarakat akhir zaman tetapi bukan zaman sekarang.

Oleh itu, saya amat cenderung untuk berpendapat rupa bentuk Dajjal yang pelik dan menakutkan itu adalah rupa bentuk ketika ia (Dajjal) masih dalam **period pengembaraan**. Ia belum menukar wajahnya.

Period pengembaraan itu saya merujuk kepada penyelidikan [Muhammad Isa Dawud](#) dalam bukunya yang mengatakan pengembaraan Dajjal tamat selepas ia menjumpai Segitiga Bermuda dan juga selepas ia memuat perjanjian taat setia dengan Iblis laknatullah.

### **Period kemunculan Dajjal sekarang**

**Period sekarang** adalah period Dajjal dalam **proses menukarkan susuk tubuhnya dan rupa parasnya** agar setanding dengan manusia zaman ini. Kita tidak tahu apa yang dilakukan terhadap tubuh badannya sendiri.

Untuk muncul dalam masyarakat sekarang ini, kemunculan secara logik (dan dapat diterima akal) amat penting kerana ia akan menarik lebih ramai pengikut daripada muncul dalam rupa paras yang menakutkan orang-ramai.

Saya percaya Dajjal sedang berusaha menukarkan susuk tubuhnya dan rupanya agar diterima orang ramai. Wajah yang paling sesuai adalah wajah-wajah Yahudi. Kemungkinan besar ia muncul sebagai ahli politik yang unggul dan disenangi semua orang termasuk umat Islam, Hindu dan Buddha.

Pastinya ramai tidak bersetuju dengan pandangan ini kerana berpendapat ianya bertentangan dengan hadith-hadith berikut:

*“Orang tua Dajjal tidak pernah mendapatkan anak selama 30 tahun, kemudian lahirlah dari keduanya seorang anak lelaki yang hanya bermata satu, ....”*

(Riwayat oleh At-Tarmizi)

*“...sesungguhnya al-Masih Dajjal adalah lelaki pendek, hujung tapak kakinya berdekatan sedangkan tumitnya berjauhan, beambut kerinting, bermata sebelah dengan mata yang terhapus.”*

(Riwayat Abu Daud dalam Kitab Takrijul Misykat)

*“...sesungguhnya kepala Dajjal dari belakangnya tebal berkelok-kelok.”*

(Hadith riwayat Imam Ahmad dari Hisyam bin ‘Amir)

Hadith-hadith ini mungkin Rasulullah SAW tujukan kepada umat Islam era selepas kewafatannya. Pada ketika itu, Dajjal adalah dalam **fasa mengembara**.

Menurut [Muhammad Isa Dawud](#), melalui penyelidikan yang dibuatnya ke atas sebuah *manuskrip* lama, rantai-rantai yang membelenggu tubuh badan [Dajjal](#) terus lebur selepas Rasulullah wafat.

Maka Dajjal menyambung pengembaraannya dalam keadaan Rasulullah telah wafat meninggalkan umat Islam. Tetapi Rasulullah memberi beberapa hadith yang menjadi panduan umat Islam mengenali Dajjal jika terserempak dengannya seperti hadith-hadith di atas.

### **Bukti Dajjal Mengubah Bentuk Fizikal dan Wajah**

Saya mengatakan Dajjal mengubah wajah dan fizikalnya menjadi bentuk manusia zaman sekarang berdasarkan hadith panjang di bawah (saya ambil sebahagiannya sahaja).

*“...mereka pun membuka pintu dan di belakangnya telah berada Dajjal bersama 70,000 Yahudi, masing-masing*

*mereka memiliki pedang berhias dan bertoga di kepala. Ketika ia (Isa) memandang kepada Dajjal, Dajjal itu pun meleleh (hancur) seperti garam yang **meleleh** di dalam air; **kemudian ia lari ....** dan dihalang oleh Isa di pintu timur kota Lud (Palestin), kemudian Isa membunuhnya ....”*

(Hadith sahih riwayat Ibnu Majah dan Ibnu Khuzaimah)

Lihat perkataan ini **MELELEH**

*Meleleh* bermaksud sesuatu yang berbentuk pepejal *berubah* menjadi cair disebabkan sesuatu penyebab. Dalam situasi di atas bolehlah diandaikan Nabi Isa telah menggunakan suatu **teknik pandangan** yang menyebabkan wajah palsu [Dajjal](#) mencair dan wajahnya yang sebenar kelihatan.

Dajjal tidak mati tetapi ia lari. Bukti Dajjal tidak mati ialah lihat perkataan **“kemudian ia lari...”**

Perkataan ini membuktikan [Dajjal](#) tidak terus mati selepas sesuatu telah berlaku pada wajah dan tubuh badannya, tetapi ia terus lari.

### **Dalil bagi teori ini**

Pada awal 1990-an dahulu, pernahkah anda terbaca berita berkenaan Michael Jackson yang terkenal dengan pembedahan plastik wajahnya itu. Hampir 70% wajahnya adalah plastik. Michael cuba menghilangkan identiti negro pada wajah dan tubuh badannya.



*(Gambar) Wajah Michael sebelum dan selepas pembedahan plastik.*

Tetapi sesuatu berlaku ketika ia sedang membuat persembahan pentas di sebuah stadium di New York. Memandangkan plastik bersifat **mencair** apabila terdedah kepada haba, maka perkara itu berlaku kepada **Michael Jackson**.

Akibat wajahnya **terlalu lama terdedah** dengan spotlight dan lampu-lampu di pentas, plastik pada wajahnya telah mencair dan beliau mengalami kesakitan yang amat sangat. Persembahan terpaksa dihentikan terus.

*Mungkinkah Michael Jackson bahan ujikaji Dajjal untuk memakai wajah plastik?*

Saya tidak pasti sama ada Michael adalah **subjek ujikaji Dajjal** atau tidak, tetapi apa yang pasti penasihat

kerohanian (keagamaan) Michael Jackson ialah seorang Yahudi iaitu **Rabbi Shmuley Boteach**. (Gambar)



Di sini ada pelbagai persoalan yang boleh dikaji, mengapa pula Michael yang kristian itu mengambil penasihat dari agama lain?

Persoalannya adakah Michael yang *melantiknya* atau ada “**orang lain**” yang melantiknya untuk Michael?



(Gambar) *Michael bersama Rabbi Shmuley berjumpa Ariel Sharon*

(Saya berharap para peminat konspirasi dapat mengkajinya)

## **Kemajuan Teknologi Nabi Isa**

[Artikel](#) sebelum ini saya ada menyentuh tentang Nabi Isa akan diturunkan (bukan muncul) sebagai manusia termaju sesuai untuk melawan Dajjal yang genius itu. Maka hadith di atas telah membuktikan hanya melalui ‘pandangan’ sahaja Nabi Isa mampu mencairkan topeng palsu Dajjal itu.

Kita tidak tahu sejauh mana kemajuan teknologi yang di bawa Nabi Isa, ianya mungkin tidak dapat dijangkau pemikiran kita seperti mana juga kita tak dapat menjangkau kemajuan yang dimiliki oleh Dajjal.

*Wallahu'alam*

*P/S : Penyelidikan di atas sekadar teori dan pandangan peribadi, dan ia mungkin berubah mengikut fakta dan maklumat semasa. Diharap pembaca tidak menjadikannya sebagai pegangan. Pegangan yang baik adalah isu yang dibahas oleh masyarakat umum yang berilmu.*

## **Adakah Dajjal Penghidap Sindrom Hunter?**

**May 5, 2008** · [No Comments](#)

Oleh *Ibnuyaacob*

Sebelum ini saya ada menerangkan tentang [kajian saya](#) mengenai berkemungkinan [Dajjal](#) itu berasal dari suku Ashkenazi. Kali ini saya cuba menjangkau teori saya itu ke arah lebih spesifik iaitu rupa bentuknya.

**AMARAN** : Teori ini hanya sekadar teori, jangan terlalu

berpegang kepadanya. Saya memohon agar para pembaca membacanya sekadar pengetahuan sahaja.

## **Adakah Dajjal Penghidap Penyakit Hunter?**

Teori ini agak keterlaluan jika didengar kerana Rasulullah SAW tidak pernah langsung menyatakan [Dajjal](#) mengidap sebarang penyakit. Namun kita harus ingat, baginda meninggalkan satu klu (kata kunci) untuk menjelaskan bahawa Dajjal itu mempunyai penyakit yang kronik (pada pengkajian saya).

Apakah klu tersebut? Klu tersebut boleh dilihat pada hadith di bawah:

Sabda Rasulullah SAW;

*”Orang tua Dajjal tidak pernah mendapatkan anak selama 30 tahun, kemudian lahirlah dari keduanya seorang anak lelaki yang hanya bermata satu, ....”*

(Riwayat oleh At-Tarmizi)

Huraian klu :

Hadith di atas menjelaskan *setelah 30 tahun* berkahwin barulah ibu bapanya beroleh anak. Dari segi ilmu perubatan, anak yang dikandung oleh wanita yang sudah berusia berisiko untuk mendapat penyakit-penyakit genetik.

## **Risiko Hamil Di Lewat Usia**

Jika merujuk kepada hadith di atas, Rasulullah SAW mengkhabarkan ibu Dajjal melahirkannya pada usia yang



lewat. Untuk menyimpulkan teori rupa bentuk [Dajjal](#) ini, kita buat andaian ibu bapanya berkahwin pada usia 20 tahun.

Hadith mengatakan setelah 30 tahun berkahwin barulah mereka beroleh anak. Jadi andaian yang boleh dibuat ialah ibu [Dajjal](#) mengandungkannya pada usia 50-an.



Ilmu perubatan moden mengatakan bahawa wanita yang hamil pada usia melebihi 35 tahun berisiko mendapat kandungan bermasalah. Kandungan berisiko mendapat masalah **Down Syndrome**.

### **Apakah Down Syndrome?**

Simpton pesakit Down Syndrome hampir sama dengan Sindrom Hunter cuma pesakit Down Syndrome lebih lanjut usia dan 'rupa fizikal' mereka lebih baik daripada rupa fizikal penghidap Sindrom Hunter.

Permasalahan Down Syndrome tidak dapat saya kaitkan dengan Dajjal kerana masalah Down Syndrome dihadapi oleh semua masyarakat dunia. Manakala Sindrom Hunter pula lebih menarik untuk dikaji kerana ia hanya menyerang masyarakat Yahudi Ashkenazi.

### **Apakah Sindrom Hunter?**

Nama asal sindrom ini ialah [Mucopolysaccharidosis IV](#), ia digelar Sindrom Hunter kerana penyakit genetik ini mula-mula dikenalpasti oleh seorang doktor terkenal iaitu **Charles A. Hunter** (1873-1955), beliau mula mengkaji secara terperinci pada 1917.

**Charles A. Hunter** mulanya seorang ahli Fizik, dilahirkan di Scotland. Selepas menjadi doktor, Hunter berhijrah ke Kanada dan mula bekerja sebagai pengamal perubatan di Winnipeg, Manitoba.

Sindrom ini dikenalpasti Hunter sebagai dibawa oleh majoriti wanita-wanita Yahudi dari suku Ashkenazi. Disebabkan itu, penyakit genetik ini lebih cenderung atau majoritinya menyerang kebanyakan golongan lelaki Ashkenazi.

(lihat dalam laman web [Albert Einstein Healthcare Network](#))

### **Ciri-Ciri Fizikal Dajjal Menurut Hadith**

Berikut ialah ciri-ciri fizikal Dajjal seperti yang diterangkan dalam hadith;

*“...sesungguhnya al-Masih Dajjal adalah lelaki pendek, hujung tapak kakinya berdekatan sedangkan tumitnya berjauhan, beambut kerinting, bermata sebelah dengan mata yang terhapus.”*

(Riwayat Abu Daud dalam Kitab Takrijul Misykat)

*“...sesungguhnya kepala Dajjal dari belakangnya tebal berkelok-kelok.”*

(Hadith riwayat Imam Ahmad dari Hisyam bin ‘Amir)

### **Penyakit Genetik Bangsa Yahudi Ashkenazi**

Berikut di bawah adalah senarai penyakit genetik yang diturunkan Allah SWT ke atas bangsa Yahudi Ashkenazi.

1. Bloom's Syndrome
2. Canavan Disease
3. Cystic Fibrosis
4. Factor XI Deficiency
5. Familial Dysautonomia (Riley-Day syndrome)
6. Fanconi Anemia
7. Gaucher Disease
8. Mucopolysaccharidosis IV
9. Niemann-Pick Disease
10. Non-Classical Adrenal Hyperplasia
11. Nonsyndromic Hearing Loss
12. Tay-Sachs Disease
13. Torsion Dystonia

Amat menghairankan mengapa simptom-simptom dari Sindrom Hunter ini hampir bersamaan dengan tanda-tanda

yang diberitahu dalam hadith. Mungkinkah sindrom ini telah lama wujud tetapi tiada pengkajian yang teliti untuk mentafsirkannya.

### **Adakah Ibu Dajjal Pembawa Sindrom Hunter?**

Sabda Rasulullah SAW;

*“Ayahnya seorang lelaki bertubuh tinggi, berdaging tidak teratur, berhidung panjang seolah-olah hidungnya adalah paruh burung. Ibunya adalah seorang wanita berbadan besar, bertangan panjang dan berpayu dara besar.”*

(Diriwayatkan oleh Ahmad dari Abu Bakar dari Tarmizi dari Hammand Bin Salamah)

Jika berhujah berasaskan teori rambang ini, saya akan mengatakan YA. Berdasarkan hadith yang disebutkan di atas, ibu Dajjal mempunyai tiga (3) ciri-ciri jelas fizikal.

Gambar di bawah menunjukkan 2 orang perempuan dewasa penghidap Sindrom Hunter.




### **Kesimpulan**

Adakah suku Yahudi lain juga mendapat bala penyakit daripada Allah? Ya, suku Yahudi yang lain juga mendapat penyakit genetik. Namun, penyakit-penyakit yang dihadapi tidak ketara dalam bentuk fizikal seperti suku Ashkenazi.

Teori sama ada [Dajjal](#) itu menghidap Sindrom Hunter atau tidak mungkin terlalu spesifik. Dan saya mengharapkan para pembaca tidak berpegang pada teori yang masih samar-samar ini. Kajian ini hanyalah sekadar mencari bukti-bukti berbentuk fakta untuk melihat kebenaran hadith-hadith Rasulullah SAW.

Wallahu'alam...

### *Gambar-Gambar Pesakit Sindrom Hunter*



## Siapa yang boleh mengenali Dajjal?

July 17, 2008 · [No Comments](#)

oleh *Ibnuyaacob*

Rasulullah SAW memberi hadith yang banyak sekali tentang Dajjal sebelum baginda wafat. Antara hadith yang masyur ialah yang berkaitan dengan bentuk-bentuk fizikal Dajjal dari hujung rambut hinggalah hujung kaki. Baginda sendiri mengakui dalam suatu hadith yang berbunyi

*“Tiada nabi selain diriku yang mengetahui lebih banyak tentang Dajjal.”*

Ini bermakna, Rasulullah diperlihatkan Allah akan rupa sebenarnya Dajjal itu. Saya percaya Dajjal berselindung disebalik rupa yang palsu sekarang ini atau ketika ia muncul. Jika Dajjal itu mudah dilihat dan dikenali, tidak perlu sebegitu banyak hadith untuk menerangkan tentang Dajjal. Cukuplah sekadar 4 atau 5 hadith.

Berbalik kepada persoalan tadi, **“Siapa yang boleh mengenali Dajjal?”**, saya dengan yakin (InsyaAllah) ingin mengatakan orang yang mampu mengenalinya ialah:

**“Ahli Tasawuf atau Ahli Sufi”**

**Siapa ahli Tasawuf / Sufi ?**

**Ahli tasawuf** merupakan muslim yang menjadi kekasih Allah, sentiasa mendapat keberkatan Allah, dan juga sentiasa dimakbulkan doanya oleh Allah. Ahli tasawuf adalah orang yang dicintai Allah, kecintaan Allah terhadap

golongan ini sehingga Allah berkenan menganugerahkan mereka pancaindera yang keenam iaitu membaca hati dan melihat perkara yang dihijab Allah.

Contoh terdekat yang boleh diambil kira ialah **Wali Songo** yang terdapat di Indonesia suatu ketika dahulu. Pada zaman sekarang, terdapat juga golongan yang mengamalkan tasawuf dan kebanyakannya berada di Kelantan (Malaysia) dan Selatan Thai (Thailand).

Terdapat juga seorang mudir yang dipercayai mencapai taraf wali iaitu Mudir bagi sebuah Pondok pengajian di Pengkalan Hulu, Perak. Beliau dikenali sebagai Pak Teh dan masih hidup sekarang.

### **Apakah Kelebihan Ilmu Tasawuf?**

Kelebihan yang tidak boleh disangkal ialah **kebolehan membaca dan menilai hati** seseorang tanpa perlu bercakap dengan orang tersebut. Yakni seseorang yang bertaraf **wali** (Kekasih Allah) itu mampu mengetahui bisikan hati kita dan apa yang kita niatkan di dalam hati.

Contoh terdekat ialah Allahyarham Hj Ahmad Badawi di Kepala Batas, Pulau Pinang. Beliau menubuhkan sebuah madrasah yang bernama *Madrasatul Daeratul Maarifil Wataniah* dan masih wujud sehingga sekarang. Beliau juga bapa kepada Perdana Menteri Malaysia.

Kewalian beliau (Ahmad Badawi) diakui oleh bekas-bekas pelajar madrasah tersebut. Menurut mereka, Hj Ahmad Badawi mampu membaca isi hati seseorang terutamanya pelajar-pelajar didikannya. Pernah suatu ketika apabila tiba

waktu pendaftaran pelajar baru, beliau menghalau seorang pelajar kerana mengetahui niat sebenar pelajar tersebut.

Menurut bekas pelajar yang saya temui, rakan mereka (yang dihalau) itu bukan datang dengan niat untuk belajar tetapi datang dengan sebab '*terpaksa*' dan '*dipaksa*' oleh ibu bapa mereka. Bagi mengelakkan timbul masalah dikemudian hari, Hj Ahmad Badawi tidak membenarkan pelajar itu mendaftar.

Menurut mereka lagi, semasa sedang belajar, semua pelajar boleh mendengar hentakan kaki beliau dari jarak lebih 50 meter. Sedangkan tubuh badan beliau hanyalah kecil dan tidak mungkin tapak kakinya mampu mengeluarkan bunyi hentakan yang kuat sebegitu rupa seolah-olah badannya mempunyai berat melebihi 200kg.

### **Amalan Ilmu Tasawuf**

Pengamalan ilmu-ilmu tasawuf boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tanpa mengira status keilmuan agama. Ilmu ini hanya mendampingi orang-orang yang tidak cintakan dunia dan rindu akan akhirat. Kecintaan ini tidak ditonjolkan melalui ucapan sahaja tetapi merangkumi seluruh gaya hidup individu tersebut.

### **Apakah itu Tasawuf**

Islam itu terdiri daripada 3 tiang agama, yang pertamanya ialah Tauhid, kedua ialah Fekah dan ketiga ialah Tasawuf. Mana-mana muslim harus mempelajari Islam berdasarkan turutan ini, bermula dengan mengenali tuhan melalui ilmu Tauhid, kemudian ilmu sosial, fardhu ain dan syariah



melalui Fekah. Dan akhir sekali mempelajari Tasawuf sebagai menjaga hati agar tidak tergoda dengan nafsu dunia.

Ilmu ini tidak boleh dipelajari secara teori sahaja walaupun terdapat banyak buku-buku di kedai yang membicarakan tentangnya. Ilmu ini juga tidak boleh dipelajari sendiri kerana bimbang hati akan mudah tertipu dengan helah syaitan.

Walaupun mata pelajaran Tasawuf ada diwujudkan di peringkat universiti sama ada dalam atau luar negara. Objektif pembelajaran ilmu tersebut hanyalah sekadar pendedahan dan maklumat bukannya pengamalan.

Untuk mengamalkan ilmu-ilmu Tasawuf, seseorang haruslah mendapatkan seorang guru yang benar-benar alim dan mursyid dalam ilmu ini. Perlu juga diselidiki latar belakang guru tersebut kerana terdapat juga dikalangan orang Islam yang mengambil kesempatan menerapkan ajaran-ajaran sesat terhadap penuntut-penuntut mereka.

### **Ringkasan Pencapaian Ilmu Tasawuf**

Di dalam bidang pendidikan sekular sekarang ini, kepandaian pendidikan diukur dengan meletakkan tahap-tahap anugerah akademik seperti berikut:

1. Diploma (Dip)
2. Ijazah dan Ijazah Lanjutan (Bec)
3. Sarjana dan Sarjana Lanjutan (MA)
4. Doktor Falsafah (PhD)

Pemegang status ke-4 akan dianggap supreme dalam bidang ilmunya. Segala apa yang dilihat, diucap, dikaji atau diputuskan akan lebih diambil kira oleh masyarakat mahupun pemerintah.

Dalam ilmu tasawuf, pengamalan ilmu-ilmunya mempunyai tahap-tahap yang hampir serupa dengan pendidikan sekular. Cuma penetapan untuk mengejar tahap tertinggi bukanlah bertujuan untuk mendapat jawatan dan nama dikalangan masyarakat, ianya lebih kepada mengejar status sebagai kekasih Allah tanpa pengetahuan orang ramai.

Berikut ialah tahap-tahap status pengamal ilmu tasawuf:

1. Nafsu Lawwamah
2. Nafsu Mutmainnah
3. Nafsu Mardiah
4. Insan Nur Kamil

Tahap tertinggi adalah nafsu yang dipunyai oleh para Nabi, sahabat, imam-imam mazhab dan ulama-ulama yang mursyid. Sekiranya tahap ini boleh dicapai, maka Allah akan mengurniakan keredhaan pada insan tersebut dan kebiasaannya menganugerahkan keramat-keramat yang tidak dimiliki oleh orang lain.

Contohnya, Imam as-Syafie telah dianugerahkan Allah dapat melihat dosa-dosa yang berguguran daripada seseorang yang sedang mengambil wudhu'. Selain itu, beliau juga dapat melihat bagaimana syaitan-syaitan menggoda seseorang daripada melakukan ibadat.

## **Dajjal Takutkan Golongan Tasawuf**

Dajjal sedar golongan ini adalah ahli ibadah, ahli zikir, ahli rohani yang tidak mudah terpedaya dengan harta dunia. Dajjal tahu golongan ini dikurniakan Allah keistimewaan tertentu yang tiada pada manusia lain hatta ulama Tauhid atau ulama Fekah.

Keistimewaan pengamal Tasawuf ialah mereka dianugerahkan Allah untuk dapat membaca hati seseorang, melihat benda-benda ghaib, keramat, dan sebagainya. Dengan adanya individu-individu seperti ini, sudah pasti sukar untuk Dajjal berselindung dibalik rupa tiruan yang bakal dihasilkannya untuk muncul di tengah-tengah masyarakat.

Maka, sebagai langkah berjaga-jaga dan supaya proses kemunculannya (Dajjal) kelak berjalan lancar, doktrin-doktrin yang menghalang perkembangan ilmu ini perlu dijana terlebih dahulu. Tindakan mengecam pengamalan ilmu ini harus dilakukan dengan teliti dan terancang. Oleh itu, medium yang paling kukuh untuk digunakan ialah sarjana-sarjana agama uma Islam itu sendiri.

### **Proses Menghalang Amalan Tasawuf oleh Dajjal**

Salah satu ibadah wajib bagi pengamal tasawuf ialah mengadakan majlis-majlis zikir seumpama yang diamalkan oleh kebanyakan tarekat. Ucapan zikir secara berjemaah sebanyak beratus-ratus ribu sehari mampu mengubah hati dan menjernihkan roh seseorang itu.

Menurut Imam Habib Abdullah Haddad, kumpulan ahli Tarekat Tasawuf lebih suka memilih berzikir dengan mengangkat suara dan berkumpul beramai-ramai. Ini berdasarkan sebuah hadith yang bermaksud;

*“Allah SWT sentiasa mengirimi para Malaikat-Nya yang mengelilingi bumi untuk mengunjungi majlis-majlis zikir. Maka Allah berkata kepada para MalaikatNya: Saksikanlah bahawa Aku telah mengampuni mereka itu, dan Aku telah memberikan apa yang mereka pohonkan, dan Aku telah melindungi mereka dari apa yang mereka pohon perlindungan....”*

Maka cara Dajjal menghalang ibadah ini ialah dengan mengeksploitasi mazhab ciptaan Dajjal iaitu Wahabi. Telah saya terangkan sebelum ini akan keberkaitan Wahabi dan Freemason. Pendokong Wahabi mengharamkan majlis-majlis zikir, doa selepas solat jemaah, talqin dan tahlil. Semua itu dianggap bidaah.

Tiada ungkapan lain yang dipromosi oleh Wahabi melainkan BIDA'AH, BIDA'AH dan BIDA'AH.

Ungkapan '**bidaah**' di mulut-mulut ulama Wahabi adalah senjata Dajjal melalui bisikan jin-jin pendamping ulama'-ulama' tersebut. Dajjal tidak duduk bermesyuarat dengan ulama-ulama' ini. Cara terbaik adalah dengan menggunakan jin pendamping setiap ulama Wahabi tersebut.

(Persoalan jin pendamping atau qarin ini bolehlah dibaca pada buku Muhammad Isa Dawud yang bertajuk "*Dialog*

*Dengan Jin Islam*”, atau buku-buku karangan Dato’ Ismail Kamus atau buku-buku Syeikh Muhammad Abduh al-Maghauri)

### **Adakah Proses Ini Berjaya?**

Ya. kejayaan Dajjal dalam proses (strategi) ini berjaya lebih kurang 80 %. Umat Islam berjaya diyakinkan bahawa Tasawuf itu sesat dan Tarekat itu adalah ajaran sesat. Tambahan pula kebanyakan umat Islam yang berpandangan demikian langsung tidak pernah mempelajari tasawuf dan tarekat.

Sedangkan kedua-dua aspek tersebut saling melengkapi antara satu sama lain. Saya tidak mahu berbicara panjang apa itu tasawuf dan tarekat kerana ia salah satu cabang ilmu yang wajib dipelajari leh umat Islam khususnya bagi mereka yang belajar di Al-Azhar, Mesir.

### **Cara Mengenali Dajjal Adalah Dengan Mempelajari Tasawuf**

Inilah cara paling berkesan untuk mengenali Dajjal. Seseorang itu boleh dikenali nilai kejahatan sebenarnya jika kita mempunyai ilmu pengesan gerak hati. Ilmu ini hanya terkandung dalam ajaran tasawuf bukannya Tauhid dan Fekah. Jika anda berjaya menghafal al-Quran sekalipun atau boleh mengingati 100,000 hadith, tapi jika tiada ilmu Tasawuf anda belum tentu dikira Muslim yang sempurna.

### **Bagaimana kita boleh mempelajari Tasaawuf dan Tarekat?**

Teramat susah sebenarnya. Namun ilmu itu boleh didapati di mana-mana sahaja sekolah pondok di Malaysia, Selatan Thai atau pesantren-pesantren di Indonesia. Sebelum mempelajarinya, haruslah terlebih dahulu menjumpai tuan guru-tuan guru yang berpengalaman.

Orang yang mempunyai ilmu ini secara automatiknya musuh jelas bagi Dajjal. Saya percaya pengamal-pengamal Tasawuf yang berfungsi menghebahkan identiti Dajjal ketika ia muncul kelak.

### **Kesimpulan**

Adakah kita sedar sekarang bahawa pengajian agama sudah dipinggirkan oleh umat Islam sekarang. Pengajian sekolah-sekolah agama tulen sekarang banyak yang sudah dimodankan sehingga tertinggal ilmu-ilmu diniyyah. Yang diutamakan hanyalah ilmu-ilmu akademik. Semua itu berlaku dengan alasan mengikut arus perkembangan zaman.

Seorang sahabat saya yang menjadi Pengetua salah sebuah Sekolah Menengah Agama pernah menyuarakan isi hatinya bahawa beliau kecewa pelajar-pelajar agama sekarang tidak lagi dihidangkan dengan ilmu-ilmu tasawuf. Ini kerana tasawuf tidak mempunyai buku teks, ia berupa amalan zikir. Namun beliau berusaha juga mengajar anak-anak muridnya tentang Tasawuf walaupun tanpa kebenaran pihak **Jabatan Agama Islam Negeri**.

*Wallau'alam.*

*P/S : Sama ada ilmu Tasawuf atau Tarekat itu sesat atau sebaliknya, ianya tidak perlu didebat dan dipersoalkan lagi. Orang yang mempertikaikan ilmu ini, sah seorang yang tidak pernah mempelajari ilmu agama atau langsung tidak mengetahui apa-apa. Kelompok yang mempertikaikan ilmu ini biasanya terpengaruh dengan berita-berita di akhbar tabloid seperti Kosmo dan Metro yang suka mensensasikan isu ajaran sesat dengan mengaitkannya dengan ajaran Tasawuf. Akibatnya ajaran Tasawuf mendapat reputasi buruk dari kaca mata masyarakat.*